



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 02 DISEMBER 2014 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Ramli bin Shaiai
Encik Mohd. Redzuan bin Adam
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi
Encik Ahmad Hafizan Yusof
Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Encik Hairudin bin Omar

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim. Asslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke13 bagi hari yang Ketujuh 02 Disember 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua saya jemput Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker soalan nombor 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAD
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

**TAJUK: MEDAN SELERA DAN GERAJ MILIK PIHAK BERKUASA
TEMPATAN.**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan lebih banyak medan selera dan gerai bawah PBT untuk mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi kepada peniaga kecil?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan khas untuk menaiktarafkan gerai dan medan selera PBT yang usang?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan medan selera dan gerai di bawah PBT adalah mengikut perancangan dan kesesuaian tapak di PBT masing-masing. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 4 juta ringgit setiap tahun bagi menaik taraf dan membaiki kemudahan awam PBT termasuk medan selera dan gerai makanan dan sebagainya. PBT boleh mengemukakan permohonan

kepada pihak UPEN untuk mendapatkan peruntukan bagi menaik taraf atau pun membaiki kawasan tersebut. Sekian.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Adakah Kerajaan Negeri masih mengizinkan konsep BOT dengan izin dalam pembinaan gerai-gerai, medan selera semua ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Rawang, Kerajaan Negeri lebih memberi galakan kepada PBT supaya PBT sendiri merekabentuk dan juga mentenderkan projek tersebut untuk membina gerai ataupun medan selera tersebut.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Dengan izin Tuan Speaker soalan saya nombor 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAD
Y.B. PUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK: PEMBINAAN PINTU GERBANG DI PANDAMARAN

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri telah bersetuju pada awal tahun ini supaya membina pintu gerbang di Jalan Besar Pandamaran atas sumbangan Kerajaan Negeri tetapi sehingga kini pembinaan masih belum dimulakan. Bila pintu gerbang tersebut akan dibina?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Pandamaran, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM55,506.00 melalui peruntukan projek-projek Kampung Baru/Bagan untuk pihak Majlis iaitu MPK melaksanakan pembinaan untuk pintu gerbang di kawasan Kampung Baru Pandamaran. Saya difahamkan bahawa cadangan daripada pihak Yang Berhormat adalah pembinaan pintu gerbang dilakukan di jalan besar Pandamaran. Untuk maklumat Yang Berhormat jalan ini adalah di bawah bidang kuasa JKR Persekutuan maka MPK masih menunggu kelulusan atau pun ulasan daripada JKR Persekutuan supaya pembinaan tersebut dapat dilakukan dengan kadar segera.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya saya difahamkan bahawa MPK telah memberi surat kepada JKR pada bulan Julai tahun ini dan pada hakikatnya tempat yang ingin membina pintu gerbang ini bukan satu tempat yang baru kerana tempat lokasi yang sama, pernah membina pintu gerbang dahulu tetapi disebabkan oleh sedikit isu yang lain maka dia telah dirobuhkan. Jadi tiada isu teknikal sebenarnya dan apakah kelewatan yang begitu lama kerana satu surat telah diberikan pada bulan Julai tetapi sekarang pun saya difahamkan tiada apa jawapan daripada JKR. Jadi apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi keadaan ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Pandamaran, Kerajaan Negeri juga telah membagi kelulusan mengenai projek ini pada April tahun ini dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa surat daripada MPK telah disalurkan kepada JKR Petaling dan JKR Petaling telah bagi kepada JKR Negeri, JKR Negeri juga telah minta ulasan daripada Pusat tetapi malangnya sampai hari ini masih belum dapat ulasan daripada pihak Federal. Jadi kalau tidak ada kelulusan daripada Federal, pihak MPK memang tidak boleh melakukan tender dan juga kerja tersebut di atas jalan Federal. Itu di antara bidang kuasa yang berlainan dan saya sendiri akan berusaha untuk menyegerakan atau mendapatkan dengan berbincang dengan pihak JKR supaya kita dapat melaksanakan projek ini dengan secepat mungkin.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL B. BAHARUDDIN: Tuan Speaker soalan saya nombor 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(MORIB)**

**TAJUK: RUMAH TERBENGKALAI KAMPUNG TONGKAH MORIB, BANTING
(PEJABAT TANAH DAN DAERAH KUALA LANGAT)**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek rumah terbengkalai di Kampung Tongkah, Morib Banting (Projek Syarikat Era Permai Sdn. Bhd)?
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sebahagian permohonan (bekas pekerja ladang). Apakah status baki permohonan yang lain?

Y.B. TUAN ISKANDAR B. ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kepada Yang Berhormat Morib yang bertanyakan status rumah terbengkalai di Kampung Tongkah, Morib, Banting iaitu Projek Syarikat Era Permai Sdn. Bhd.

Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan MMKN ketiga belas tahun 2014 bertarikh 2 April 2014 telah menimbang dan meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada 70 orang pekerja ladang Dusun Durian untuk tujuan kediaman atau tapak rumah. Lain-lain permohonan iaitu 38 permohonan bagi tujuan kediaman dan 11 permohonan tujuan bangunan perniagaan telah ditolak. Notis 5A telah dikeluarkan kepada 68 pemohon yang telah diluluskan pelupusan secara pemberimilikan bertarikh 25 Ogos 2014 mana kala 3 permohonan telah meninggal dunia sebelum premium sempat dijelaskan. Draf kertas ringkasan telah dibuat untuk diangkat semula untuk pertimbangan MMKN bagi mendapatkan kelulusan kepada waris pemohon yang telah meninggal dunia. Bagi permohonan yang ditolak menerusi keputusan MMKN ketiga belas 2014 Pentadbir Tanah Kuala Langat mencadangkan supaya pemohon-pemohon mengisi semula Jadual 1 bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 KTN 1965, terima kasih.

Y.B. TUAN HASNUL B. BAHARUDDIN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Morib.

Y.B. TUAN HASNUL B. BAHARUDDIN: Terima kasih, Tuan Speaker baki permohonan 45, baki permohonan itu saya cadangkan supaya di saya mendapat maklum daripada Pejabat Tanah akan mengemukakan semula dan diharapkan dapat diluluskan semula sebab sekiranya hanya 70 sahaja yang diluluskan tanpa meluluskan baki yang berkaitan dengan komersil itu pertimbangan lainlah, tetapi permohonan penduduk tersebut perlu dipertimbangkan, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD: Pandangan daripada Pentadbir Tanah Kuala Langat supaya pemohon-pemohon tersebut mengisi semula Jadual 1 bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan itu akan dijalankan.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker soalan nombor 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: HASIL TANGKAPAN NELAYAN DI SUNGAI SELANGOR
(BERKURANGAN)**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tidak ada bantuan dari pihak yang BERTANGGUNGJAWAB untuk memulihkan keadaan dengan melepaskan benih-benih ikan dan undang untuk membantu meningkatkan hasil tangkapan di masa depan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum* dan salam pagi. Tuan Speaker, terima kasih atas keprihatinan Bukit Melawati terhadap nelayan di Sungai Selangor yang dikhabarkan berkurangan. Hasil tangkapan nelayan di Sungai Selangor berkurangan disebabkan oleh keadaan kemarau yang kita hadapi pada tahun ini. Dan di pihak kerajaan mensasarkan sebanyak 200,000 pelbagai spesies ikan air tawar, udang, galah dan sebagainya. Pelbagai aktiviti pembenihan ataupun melepaskan benih-benih ikan dan sebagainya di Sungai-sungai di seluruh Selangor ini telah diadakan. Pada tahun 2014 ini ialah merupakan proses pengumpulan data-data untuk melihat kembali status dan keadaan ikan-ikan, udang galah dan sebagainya di seluruh Sungai di Selangor. Mengikut statistik 2014 sahaja kita telah pun melepaskan sebanyak 235,500.00 benih-benih ikan dan sebagainya yang meliputi lokasi seperti di Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan juga Kuala Langat.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat EXCO dan saya terdengar juga tadi ada sebut Kuala Selangor. Sebenarnya daripada segi jawapan yang lepas, soalan bertulis saya tidak termasuk Sungai Selangor ini di kawasan Kuala Selangor ini. Cuba sebab itu saya timbulkan balik oleh sebab kemarau yang berpanjangan sehingga petang semalam tidak ada sebarang udang galah yang dapat dinaikkan oleh nelayan, begitu juga dengan ikan-ikan. Ikan-ikan juga tiada sebab kemarau tadi sekarang musim hujan tengkujuh banyak air hujan dan menyebabkan benda ini berkurangan. Air-air dari ladang-ladang masuk ke dalam sungai, pencemaran dan hasil pencemaran yang berlaku maka tiada berkurangan. Cuma saya nak bertanya di sini usaha yang perlu dilakukan dan saya tidak tahu jabatan mana yang terlibat dalam urusan ini. Saya pernah dengar Lembaga Urus Air Selangor, hari ini tajuk ini Jabatan Pertanian jadi saya agak keliru. Saya minta tanya dan minta penjelasan jabatan mana yang sebenarnya terlibat dalam perkara ini dan membolehkan saya berunding dengan jabatan itu sekiranya ada masalah-masalah dapat saya bersama dengan jabatan membantu nelayan terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Bukit Melawati, jabatan yang bertanggungjawab atas urusan ini merupakan Jabatan Perikanan yang telah pun mendaftarkan seramai 58 orang yang boleh kita istilahkan sebagai nelayan tulen yang meliputi kawasan Kuala Selangor, Hulu Selangor dan sebagainya. Untuk pengetahuan sidang sekalian memang proses ataupun operasi aktiviti menabur

benih ini dilakukan sejak 2010 lagi mengikut maklumat ini pada 2010 sebanyak 396,000.00 yang telah dilepaskan di beberapa sungai yang berada di sini. Begitu juga pada tahun 2011 sebanyak 313,000 benih-benih ikan dan sebagainya dan 2012 sebanyak 196,000.00 dan begitu juga 2013 - 210,000 dan 2014 sebutkan tadi sebanyak 235,500 benih. Jadi cuma permasalahan dari sudut perkara-perkara di luar jangka seperti kemarau dan sebagainya menyebabkan kita perlu menggalakkan lagi operasi-operasi ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas tidak hadir, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker soalan 118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: KUTIPAN HASIL CUKAI NEGERI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah kutipan hasil cukai Kerajaan Negeri sehingga bulan September tahun 2014?
- b) Sila senaraikan jumlah kutipan hasil cukai Negeri secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu?
- c) Apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi kutipan hasil cukai Negeri Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Sekinchan, jumlah kutipan hasil cukai Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2014 adalah RM1,857,984,319.05. Jumlah kutipan hasil negeri secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu adalah seperti berikut. Pada tahun 2011 - 1,634,900,145.11 manakala pada tahun 2012 – 1,954,813,072.75 dan pada 2013 berjumlah 2,149,974,432.46. Untuk makluman Y.B. Sekinchan Kerajaan Negeri mengutip memperoleh hasil memperoleh beberapa jenis hasil dan terimaan iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai disumbangkan daripada kutipan hasil Cukai Tanah, Cukai Hasil Hutan, Cukai Parit Dan Tali Air dan Cukai Hiburan. Y.B. Sekinchan bertanya apakah faktor yang mempengaruhi prestasi Kutipan Hasil Cukai:

1. Hasil Cukai Tanah gerakan kerja mengutip Hasil Cukai Tanah Semasa dan Cukai Tanah Tunggakan oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor dilaksanakan secara berterusan.

2. Wujudnya situasi hak milik bermasalah yang menyukarkan Kutipan Cukai Tanah Tertunggak. Seperti pembeli hartanah enggan membayar cukai tanah kerana pemaju masih memegang milik geran tanah. Urusan pemilik juga tidak dilaksanakan kerana memerlukan kos tambahan seperti duti setem dan yuran guaman;
3. Bangunan berbilang tingkat atau strata yang belum berpindah milik kepada hak milik strata individu berikutan berbagai masalah seperti tiada badan pengurusan bersama atau JMB dan pemaju telah tiada atau digulung.
4. Projek pembangunan atau perumahan terbengkalai dan syarikat pemaju telah digulung.

Bagi hasil cukai hutan

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah membuat penstrukturan semula dengan mewujudkan Unit Pengurusan Ekonomi Hutan khusus bagi pemantauan kutipan hasil berbagai-bagai lesen dan permit sedia ada. Jabatan Perhutanan juga telah menukar kaedah kutipan hasil balai pemeriksaan hutan dari manual kepada sistem berkomputer yang minimumkan kesilapan dan mengelakkan ketirisan.

Bagi Cukai Parit dan Tali Air

Hasil Caruman Parit yang dikutip oleh JPS dipengaruhi oleh faktor peningkatan atau pengurangan permohonan tukar syarat tanah oleh pihak pemaju sebelum memohon kebenaran merancang bagi sesuatu pembangunan.

Dan akhirnya Cukai Hiburan

Gerak kerja melalui pemeriksaan ke atas premis-premis hiburan dilaksanakan di sepanjang tahun oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Selangor. Pemeriksaan terus ke premis hiburan lesen ini bagi memastikan hasil daripada aktiviti hiburan dikutip selaras dengan Akta Duti Hiburan 1953. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bangi

Y.B. TUAN MOHD SHARIE BIN NGAH: Tuan Speaker soalan 119

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHARIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK: TEMPAT PERHIMPUNAN AWAM

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tujuan PBT menentukan lokasi 'tempat perhimpunan awam', apakah kriteria-kriterianya dan bagaimanakah cara-cara untuk memindanya setelah lokasi-lokasi tersebut telah diwartakan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Terima kasih kepada Bangi yang bertanya tentang Tempat Perhimpunan Awam di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012. Jawapan saya akan baca nanti adalah daripada Kementerian Dalam Negeri. Tujuan penentuan lokasi adalah bagi memudahkan PBT menyelia dari aspek keselamatan lokasi berkenaan sekiranya bercadang untuk menjadikan sebagai Tempat Perhimpunan Awam di bawah Akta Perhimpunan Awam 2012 iaitu Akta 2012. Manakala penentuan kriteria pemilihan sesuatu lokasi untuk dijadikan Tempat Perhimpunan Awam di bawah Akta 2012 adalah lokasi tersebut tidak diwartakan sebagai kawasan larangan atau tempat larangan di bawah Akta kawasan larangan tempat larangan 1959 dan tidak berhampiran dengan kawasan-kawasan tidak dibenarkan iaitu kepada kadar 100 meter. Dalam jadual pertama Akta 2012 untuk dijadikan sebagai kawasan Perhimpunan Awam seperti Stesen Minyak, Hospital, Balai Bomba, Lapangan Terbang dan sebagainya. Sekiranya pemilik lokasi telah mewartakan lokasi miliknya sebagai Tempat Perhimpunan Awam di bawah Akta 2012 dan bercadang untuk melakukan pindaan. Pemilik perlu menghantar makluman rasmi kepada Kementerian Dalam Negeri dan memaklumkan tujuan pindaan berkenaan. Kementerian akan menentukan melalui Jabatan Peguam Negara sama ada memadai pindaan kerja dilakukan pada warta asal atau perlu membatalkan warta sedia ada dan menyediakan draf pewartaan baru. Kerajaan Negeri masih belum melaksanakan Akta 2012 dan arahan untuk PBT untuk menyenaraikan Tempat Perhimpunan Awam akan ditangguhkan sehingga satu arahan baru oleh Kerajaan Negeri. Sekian. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya difahamkan PBT-PBT di Selangor pernah terima surat atau arahan daripada Kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan-kawasan tersebut yang disebutkan oleh Y.B. EXCO tadi. Saya rasa ini bercanggah dengan pendirian Pakatan Rakyat, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah

Kerajaan Negeri bercadang untuk menarik balik surat yang diberi kepada BPT. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker tadi saya sudah jawab. Bahawa arahan ini akan ditangguhkan sehingga ke satu arahan yang baru diberikan kepada PBT.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker soalan 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

**TAJUK: KEROSAKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN MENDAPAN TANAH
DI TAMAN EMAS DENGKIL**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan PBT bagi menangani masalah penduduk di kawasan ini?
- b) Berapakah kos yang terlibat untuk kerja baik pulih kawasan tersebut?
- c) Bilakah penyelesaian muktamad dan kerja baik pulih dapat dilaksanakan?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD SAMAD: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh.* Salam Sejahtera. Kejadian mendapan tanah mula dikesan pada Tahun 2010 bagi Taman Emas Dengkil. Hasil dari aduan yang dimajukan oleh penduduk. Pihak majlis telah mengarahkan pihak pemaju iaitu Tetuan Kemajuan Langat Sdn. Bhd., untuk membuat kerja-kerja pembaikan disebabkan kejadian mendapan tanah masih berterusan. Pihak majlis telah mengarahkan pihak pemaju untuk membuat laporan kajian *statement of condition* (dengan izin). Hasil daripada laporan tersebut pihak pemaju telah membuat surat aku janji yang bertarikh 17 Ogos 2012 untuk memantau secara menyeluruh serta membaik pulih kerosakan yang mengakibatkan oleh mendapan tanah terlibat tempoh 10 tahun. Dalam aku janji pemaju segala kos untuk pembaikan struktur asal tidak termasuk untuk tambahan atau pun ubah suai *renovation* (dengan izin) akan ditanggung oleh pihak Pemaju Tetuan Kemajuan Langat. Kerja-kerja baik pulih sepenuhnya dijangka dilaksanakan selepas proses mendapan tanah selesai yang dijangka akan tamat pada 2 tahun lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya Y.B. EXCO benda ini sudah lama berlarutan cuma saya minta Kerajaan Negeri untuk membantu sama memantau perkara ini disebabkan keadaan menjadi lebih teruk lagi dan saya fikir pihak pemaju sendiri mungkin tidak berkemampuan untuk membaik pulih Taman Perumahan tersebut. Jadi saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri untuk campur tangan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kepada Dengkil selain dari majlis selepas ini saya minta Kerajaan Negeri melalui Perumahan akan turut dan melihat sendiri akan keadaannya dan mencadangkan sebarang cara-caranya macam mana kita hendak mempercepatkan kerja-kerja membaik pulih. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 121

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK: MIKROKREDIT : MIMBAR

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan dana pembiayaan mikrokredit kepada rakyat yang tidak putus-putus memerlukan bantuan skim tersebut?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Soalan 121 saya rangkumkan bersama soalan 211. Tuan Speaker Kerajaan Negeri Selangor amat peka terhadap 30% penduduk miskin di Selangor dengan mengambil kira paras garis kemiskinan negeri iaitu pendapatan rendah di bawah RM1,500.00 dalam peratusan ini juga terdapat ramai rakyat miskin di bandar yang masih perlu dibantu untuk meningkatkan pendapatan mereka agar dapat keluar dari kelompok miskin bandar dan berhijrah memasuki kumpulan pendapatan menengah. Atas kesedaran itu Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menambah peruntukan dana program mikrokredit miskin bandar Selangor atau MIMBAR dari RM20,000,000.00 kepada RM40,000,000.00 seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam bajet 2015 baru-baru ini. Inisiatif ini bukan sahaja dapat membantu untuk melonjakkan pendapatan golongan yang berkenaan bahkan ia juga membantu MIMBAR Selangor untuk terus memberikan peluang kepada peniaga-peniaga miskin bandar yang dilihat berpotensi untuk manfaat daripada Program MIMBAR Selangor. Untuk soalan No.211 MIMBAR berperanan untuk memberi pinjaman mikrokredit

kepada peniaga kecil kawasan di bandar-bandar Selangor. Pinjaman MIMBAR memberi kemudahan pinjaman mudah kepada peniaga-peniaga kecil bagi mendapatkan pinjaman tambahan modal. Kalangan peserta MIMBAR masih belum boleh dikategorikan sebagai usahawan kerana dengan modal dan pemulangan majir yang kecil untuk terus kelangsungan berniaga dan hidup mereka ini dilihat masih bertarung dan berusaha untuk mengubah kehidupan dan pendapatan yang stabil. Dengan bantuan MIMBAR bukan sahaja memberikan bantuan melalui pinjaman perniagaan akan tetapi turut membantu memberikan pendidikan melalui kursus-kursus dan latihan-latihan bagi mengembangkan perniagaan mereka di samping meningkatkan pendapatan peserta ini supaya mereka mampu membawa diri dan perniagaan keluar daripada industri kecil-kecilan menunjuk ke arah keusahawanan. Justeru sehingga Oktober 2014 MIMBAR telah berjaya membiayai seramai 5,380,000 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10,495,900,78. Berikut adalah pembahagian pembiayaan yang telah diterima mengikut daerah.

Daerah Petaling bilangan peserta 1648 dengan pembiayaan RM3,429,704.00

Daerah Gombak bilangan peserta 1452 orang dengan pembiayaan RM3,125,741.00

Daerah Klang bilangan peserta

TUAN SPEAKER: Y.B. Sementa boleh ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok sikit lagi. 1284 orang dengan pembiayaan RM2,650,243.00. Daerah Hulu Langat bilangan peserta 283 dengan pembiayaan RM536,000.00. Dan Daerah Sepang bilangan peserta 371 dengan pembiayaan RM799,290.00

TUAN SPEAKER: Ya Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah pun menambahkan dana RM20,000,000.00 kepada mikrokredit bandar tetapi persoalan saya apakah pembiayaan ini atau apakah dana ini khususnya untuk dana pembiayaan tetapi tidak disuntik dana pengurusan. Disebabkan kalau kita lihat mikrokredit bandar dengan SkimSel ini. Berbeza SkimSel mengenakan caj sebanyak 80% kepada peminjam sedangkan MIMBAR tiada langsung caj. Jadi dana ini akan habis kalau ia berterusan di sekalian sama ada pembiayaan bersama pembiayaan dan pengurusan. Jadi apakah, soalan saya apakah ada dana pengurusan yang akan diberikan kepada MIMBAR untuk terus kesinambungan Program Mikrokredit yang agar berjaya ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Dana untuk pembiayaan Skim MIMBAR ini buat masa kini tiada lagi pembahagian antara dana

pengurusan dan juga dana pembiayaan. Tetapi mungkin selepas ini kita akan melihat bagaimana kita boleh menguruskan dana yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak tanya mengenai kepada peserta-peserta hampir 5,000 lebih yang dibiayai. Apakah prestasi kutipan semula yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Apakah ada kajian dibuat atau ada satu perangkaan yang menunjuk bahawa selain daripada membantu apa juga keupayaan bayar semula oleh peserta-peserta hampir 5,000 lebih orang ini untuk dimaklumkan?. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Permatang. Seperti di dalam penggulungan saya yang lepas yang mana para peserta MIMBAR ini. Pembiayaan balik oleh para peserta mengikut tahun sebab ia berbeza mengikut tahun. Pada 2011 sejumlah 56.5%, 2012 58.28%, 2013 26.39% sementara 2014 99.54%. Dan keseluruhan peratusan bayaran balik adalah 57.6%.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK: PERKHIDMATAN BUS PERCUMA DAN PEMASANGAN STESEN
BASA DI LOKASI YANG SESUAI**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan menyediakan perkhidmatan bas percuma di MPAJ dalam tempoh masa 2 tahun?
- b) Adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk menyeragamkan struktur stesen bas di lokasi yang sesuai di seluruh Selangor?
- c) Berapakah bajet Selangor untuk perkhidmatan bas percuma?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, program perkhidmatan bas percuma yang dikenali sebagai Bas Komuniti yang dilaksanakan di Shah Alam dan

Petaling Jaya berjaya dilaksanakan setelah penelitian yang rapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam percuma kepada rakyat kerana program ini melibatkan kos dan pelaburan yang tinggi. Pihak kerajaan belum ada rancangan untuk menyediakan program ini di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam tempoh 2 tahun. Pembinaan stesen bas di Negeri Selangor adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kebanyakan pembinaan stesen bas bagi kawasan pembangunan baru perlu disediakan oleh pihak pemaju. Manakala terdapat stesen bas yang dibina oleh PBT dengan menggunakan peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Namun begitu, Kerajaan Negeri memohon supaya pihak PBT perlu memastikan pembinaan stesen bas tersebut diseragamkan dari segi spesifikasi yang ditetapkan serta pemilihan lokasi yang tepat untuk menjamin rakyat mendapat manfaat.

Tuan Speaker, dalam melaksanakan program perkhidmatan bas percuma, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan kajian bagi mengenal pasti lokasi laluan serta kos operasi yang perlu dikeluarkan. Untuk perkhidmatan bas percuma yang telah dilaksanakan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, anggaran kos pelaburan hampir mencecah RM1 juta setahun melibatkan pembelian bas dan kos operasi yang perlu ditanggung. Impak dan maklum balas positif yang diterima daripada pengguna perkhidmatan bas percuma tersebut mendapati terdapat permintaan yang tinggi supaya Kerajaan Negeri menambah baik perkhidmatan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan sejumlah peruntukan di dalam Bajet 2015 bagi tujuan penambahbaikan dan pembelian bas tambahan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Puan Speaker. Teratai berterima kasih atas bagi pelan Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma dalam tempoh masa 2 tahun. Memandangkan ia melibatkan kos yang agak tinggi, adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk mengadakan satu hubungan dengan izin *government* dengan *private sector* supaya menggalakkan pihak-pihak swasta untuk mengadakan bas-bas percuma untuk pekerja-pekerja masing-masing. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mempunyai sikap yang terbuka dalam perkara ini tetapi sehingga setakat ini belum ada lagi mana-mana syarikat swasta yang menghubungi Kerajaan bagi membincangkan perkara tersebut.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PENGURUSAN PEJABAT

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Bolehkan peruntukan tambahan pengurusan pejabat dinaikkan dari RM10,000 kepada RM30,000 setahun, memandangkan harga kos barangan yang semakin meningkat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Puan Speaker dan Yang Berhormat Seri Serdang. Sukacita saya memberikan maklum balas mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menaikkan peruntukan Pengurusan Pejabat daripada RM10,000.00 kepada RM30,000.00 setahun. Untuk makluman Yang Berhormat Seri Serdang melalui Peruntukan Ahli Dewan Negeri, siling bagi perbelanjaan pengurusan pejabat Ahli Dewan Negeri adalah sebanyak RM10,000.00 setahun seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri. Peruntukan sebanyak RM10,000.00 tersebut boleh digunakan bagi tujuan sewa ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil utiliti, pembelian komputer, pencetak, alat tulis, perbelanjaan mesyuarat serta lain-lain peralatan dan keperluan dalam pejabat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui keputusan cabutan MMKN bertarikh 4 September 2013 telah bersetuju memperuntukkan sejumlah RM10,000.00 sebulan kepada setiap Ahli Dewan Negeri bagi menyelaraskan bayaran gaji termasuk caruman KWSP pekerja kepada 3 orang Pembantu Tadbir masing-masing pada kadar RM2,000.00 seorang sebulan dan bayaran bil utiliti dan sewa pejabat di pejabat kawasan masing-masing dan pembayaran ini dibuat secara terus melalui Pejabat Dewan Negeri Selangor secara bulanan. Sebagai tambahan juga setiap Ahli Dewan Negeri telah diperuntukkan tidak melebihi RM20,000.00 bagi tujuan kerja-kerja pengubahsuaian pejabat sekali setiap 5 tahun dengan menggunakan peruntukan ADUN. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk menaikkan peruntukan Pengurusan Pejabat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya sama ada sebab ini kita sedia maklum dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk RM10,000.00 bagi pejabat dan RM6,000.00 adalah bagi pembayaran gaji kepada pegawai kita. Memandangkan sebab kalau dengan keadaan semasa sekarang dengan kelayakan pegawai yang kita ada di pejabat itu sebenarnya RM2,000.00 tu adalah agak tidak memadai untuk ada-ada pegawai kita dengan kelayakan yang lebih tinggi dan dengan kos pengurusan yang semakin meningkat juga ambil contoh, di Rawang sewa pejabat lebih kurang dah dekat RM1,000 lebih dah dan tahun depan dan sebab GST dan kadar sewa juga akan dinaikkan. Jadi adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan supaya kita boleh ada satu peruntukan tambahan untuk kita naikkan gaji untuk pegawai-pegawai kita dengan kapasiti kerja mereka yang semakin meningkat ini supaya satu kelonggaran diberi dan peruntukan tambahan diberikan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Rawang, seperti yang saya nyatakan tadi, peruntukan sebanyak RM10,000.00 sebulan di mana RM6,000.00 adalah untuk membayar gaji dan juga caruman KWSP kepada 3 orang Pembantu Tadbir sudah memadai untuk membantu pengurusan di Pejabat Pusat Khidmat. Sekiranya ada permohonan tambahan bagi saya perkara-perkara yang dibangkitkan itu boleh dikira dan dibajetkan dan kita harus mengadakan perbincangan untuk perbelanjaan tahun hadapan kerana seperti yang saya tegaskan dalam pembentangan Belanjawan 2015 Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengemukakan *supplementary budget* ataupun bajet tambahan untuk tahun 2015 kerana semuanya telah dibajetkan dalam pembentangan yang lalu. Jadi sekiranya ada permohonan baru ianya hendaklah dibuat pada tahun hadapan berdasarkan kepada keperluan semasa pada ketika itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Seri Serdang ingin bertanya kepada pihak Kerajaan, adakah pihak Kerajaan bercadang menyediakan sistem di setiap Pusat Khidmat untuk diselaraskan kepada semua DUN. Itu yang pertama, yang kedua berkenaan dengan peruntukan bila..

TUAN SPEAKER: Sistem apa ya Seri Serdang? Kurang jelas soalan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Soalan yang pertama tadi, pengurusan ya, sebab peruntukan pengurusan mengadakan sistem, sistem yang distandardkan di seluruh DUN, *interlink* kita antara DUN dan juga SUK.

TUAN SPEAKER: Saya tak faham soalan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Sistem maklumat, sistem maklumat.

TUAN SPEAKER: Tak faham. Sistem maklumat jenis apa?

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: SAP contoh, ya supaya diadakan untuk senang. Bukan, bila kata katakan ada penambahan kita ada logiknya seperti mana yang Rawang sebut tadi, yang pertama pegawai-pegawai kita adalah yang berkelulusan ijazah dan diploma dan mereka bekerja memang tak tentu masa mengikut masa yang, bukan masa waktu pejabat mereka bekerja. Jadi kita kena bagi sikit imbuhan *overtime* atau *claim mileage* atau sebagainya. Yang kedua, kerja-kerja ini adalah DUN saya adalah DUN yang besar, ramai, jadi bila Dato' Menteri berkata menggunakan bajet DUN supaya kita dapat mengemaskinikan pejabat kita dan sebagainya untuk *repair* dan sebagainya sebanyak RM5,000.00 guna peruntukan DUN, pada saya peruntukan DUN itu adalah untuk rakyat, bila kita gunakan untuk kegunaan pejabat untuk menyelaraskan pejabat saya rasa ini amat sukar bagi DUN Seri Serdang yang begitu ramai. Saya cakap terus terang, buat masa ini Seri Serdang dah habis bajet dah sebab itu saya *request* untuk pentadbiran ini supaya dinaikkan atas dasar-dasar keprihatinan kita kepada *staf-staf* kita. Memang kita boleh *employ* dua tiga orang tetapi kita harus lihat peruntukan yang ada dan kita. Pertanyaan saya tadi ada dua. Pertama...

TUAN SPEAKER: Satu sahaja, satu sahaja.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Satu sahaja, berkenaan dengan sistem, adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan sistem, cara kita bekerja bersistematik melalui DUN-DUN. *Wallahualam.*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Kita sedia maklum bahawa peruntukan Ahli Dewan Negeri itu ialah sebahagian besarnya adalah untuk program dan projek rakyat di kawasan masing-masing tetapi mengikut Pekeliling yang saya bacakan tadi, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 memang dibenarkan sejumlah RM10,000.00 daripada peruntukan ADUN itu bagi tujuan pengurusan pejabat. Jadi memang dibenarkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan tetapi jumlahnya hanya RM10,000.00 tetapi kita juga telah memberikan bantuan tambahan, peruntukan tambahan melalui Dewan sebanyak RM10,000.00 lagi untuk membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengurusan pejabat. Walau bagaimanapun pada prinsipnya peruntukan yang diagihkan oleh Kerajaan Negeri itu seharusnya sampai terus ke kumpulan sasaran iaitu untuk kepentingan rakyat di kawasan masing-masing. Pengurusan saya ingat kalau kita dapat bentuk satu pasukan yang efisien dan boleh menguruskan pengurusan itu, ia dapat mengurangkan kos pentadbiran dan kos operasi bagi Pejabat dan Pusat Khidmat masing-masing.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Pekeliling 2013 tu saya berpandangan bahawa Menteri Besar punya semangat baru supaya boleh diubah. RM10,000.00 itu ialah pengurusan setahun pejabat, so pejabat di Kota Anggerik RM1,700.00 sebulan, jadi nak bayar bil elektrik, bayangkan. Jadi saya cadangkan Pekeliling itu disemak dan dinaikkan kepada RM30,000.00 setahun.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Kota Anggerik. Soalan ini telah dijawab berulang kali dalam sesi ini. Kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan peruntukan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuang. Ya Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Puan Speaker soalan no. 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : TAMAN HUTAN SIMPAN NEGERI

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Nyatakan lokasi dan keluasan Taman Hutan Simpan Negeri kini?
- (b) Adakah terdapat sebarang ancaman terhadap hutan simpan ini?
- (c) Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa hutan simpan ini terus terpelihara hingga generasi seterusnya?

TUAN SPEAKER: Saya benarkan. Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Tuan Speaker, saya juga dengan izin Tuan Speaker akan jawab bersekali dengan soalan 184. Keluasan Taman Warisan Negeri Selangor yang telah digazetkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 ialah 93,001.84 hektar dan lokasi-lokasinya adalah seperti berikut; Hutan Simpan Ampang, Hutan Simpan Ampang Pecah, Hutan Simpan Bukit Kutu, Hutan Simpan Batang Kali, Hutan Simpan Gading, Hutan Simpan Hulu Langat, Hutan Simpan Hulu Selangor, Hutan Simpan Kanching, Hutan Simpan Semangkok, Hutan Simpan Serendah, Hutan Simpan Sungai Lalang, Hutan Simpan Ulu Gombak, Hutan Simpan Ulu Gombak Tambahan (Klang Gates), Hutan Simpan Ulu Gombak Tambahan 1 (Permatang Kuartza) dan Hutan Simpan Templer. Jadi jumlah adalah 93,001.84 hektar dan Taman Warisan Negeri Selangor juga penting kerana ia nya meliputi apa yang kita panggil *corridor ecology* ke dengan izin *Central Forest Spine* iaitu satu projek yang dijalankan di Semenanjung Malaysia

untuk menyambung hutan-hutan yang berfragmentasi dan untuk Negeri Selangor dan sambungan kita adalah kepada *Central Forest Spine II* iaitu Banjaran Titiwangsa, Banjaran Bintang ke Banjaran Nakawan. Pada masa ini Kerajaan Negeri memang menghadapi beberapa ancaman kepada pemeliharaan kawasan dan juga khazanah hutan di taman Negeri Selangor sebagai contohnya aktiviti pembangunan seperti cadangan pembinaan lebuh raya yang baru, pencawang dan jajaran talian elektrik di masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk mengekalkan khazanah hutan sedia ada sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan sebarang aktiviti pembangunan di dalam kawasan Taman Warisan Negeri Selangor. Dan tambahan juga kita ada kaedah khas di Negeri Selangor iaitu Seksyen 11 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985 di mana untuk mana-mana hutan simpan termasuk Taman Warisan kalau perlu digazet keluar, suatu proses pendengaran awam akan diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat awam. Selain daripada ancaman yang saya telah senaraikan, terdapat juga pembakaran hutan yang berlaku di Taman Warisan Negeri Selangor. Cuma di Taman Warisan Negeri Selangor ia nya bersekala kecil setakat ini ia nya hanya 3 hektar yang dapat dikawal oleh Jabatan Perhutanan dan juga Pasukan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor. Juga ada masalah pencerobohan hutan simpan di Taman Warisan Negeri Selangor tapi ini dapat dikawal melalui penguatkuasaan dan juga rondaan termasuk rondaan udara dan juga GIS dan sebagainya.

Kerajaan negeri telah menyebut beberapa kali khasnya dalam sidang Dewan ini hasrat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan keluasan hutan simpanan kekal HSK. Ini beza daripada taman warisan, dan keluasannya adalah 250,129 hektar, ataupun 31.54% melalui moratorium 25 tahun pembalakan bermula tahun 2010. selain daripada itu kita ada 10 rancangan meliputi, saya tidak ingin senaraikan kerana kesuntukan masa termasuk Rancangan Pengurusan Hutan, hutan paya laut Integrated Management North Selangor Kid Swamp Forest dan sebagainya. Saya ingin maklum kepada Dewan Yang Mulia ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga merupakan jabatan perhutanan negeri di Semenanjung Malaysia yang pertama dapat mengekalkan dengan izin zero CAR ataupun *creative action requests* bagi tahun ketiga berturut-turut iaitu dari 2012 sehingga 2014. Dalam audit pensijilan Malaysia Criteria Indicators (Hutan Asli) iaitu satu Standard Pematuhan Pencapaian Pengurusan Hutan secara berkekalan. Satu minit Puan Speaker kerana Y.B. Kinrara pun ada soalan, soalan 184, jumlah keseluruhan pendapatan Negeri Selangor dan hasil hutan bagi tahun 2008 sehingga Oktober 2014 berjumlah RM143,381,202.00 sahaja. Dan setakat tahun 2014 jumlah pemegang permit penggunaan yang masih aktif ialah 67 permit. Saya tidak akan senaraikan semuanya, ada jawapan dalam tulisan untuk Y.B. Kinrara cuma saya ingin maklum kepada Dewan Yang Mulia ini kategori ataupun penggunaan kebanyakannya adalah infrastruktur. Diikuti oleh pertanian bawah pertalian TNB, diikuti oleh rekreasi dan sebagainya dan kuari dan pemegang permit yang besar termasuk Telekom Malaysia dan juga beberapa syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Konsortium Jaringan

Sdn Bhd yang menaikkan menara Telekomunikasi, PETRONAS Gas Berhad yang ada laluan paip gas melalui hutan simpan Tenaga Nasional untuk pencawang elektrik. Ada juga stesen jana kuasa hidro dan juga projek-projek bekalan air bersih.

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 125.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(KAJANG)**

TAJUK: STATUS PROJEK BERMASALAH

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri menyatakan status terkini Taman Shahjaya, Batu 10 yang belum dikurniakan Sijil Layak Menduduki(CF)
- b) Apakah langkah yang diambil untuk menentukan pengkelasan hayat bangunan-bangunan lama
- c) Nyatakan jumlah Bangunan yang melepasi tempoh hayat dan masih digunakan

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahir rahmanir rahim*, terima kasih kepada Y.B. Kajang. Taman Shah Jaya telah mendapat kebenaran merancang ataupun KM pada awal 1980 an. Ini diproses oleh Jabatan Bandar dan Desa sebelum Majlis Perbandaran Kajang ataupun MPKJ mempunyai Jabatan Perancangan sendiri akan tetapi pelan bangunan tidak pernah dimajukan oleh pemaju sejak itu hingga sekarang. Oleh yang demikian sijil layak menduduki atau CF tidak dapat dikeluarkan oleh MPKJ kerana ketiadaan Pelan Bangunan. Penduduk telah lama menduduki rumah teres tersebut. Saya mencadangkan agar kes-kes begini dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa perancangan Bandar Negeri ataupun SPC akan datang bagi menyelesaikan isu-isu yang masih tertunggak di seluruh negeri Selangor.

Untuk soalan kedua, sehingga sekarang tiada kajian dibuat oleh unit kejuruteraan MPKJ untuk menentukan kadar jangka hayat bangunan lama. Satu kajian akan ditetapkan di bawah unit PBT masing-masing untuk membuat kajian berkaitan dengan bangunan-bangunan lama di setiap PBT di seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong tidak hadir, Selat Klang

Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya 127.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(SELAT KLANG)**

**TAJUK: KAMPUNG TRADISI MELAYU PINGGIRAN BANDAR PERLU
JALAN YANG BAGUS**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dan dimanakah Kerajaan Negeri memulakan penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang berstatus lot persendirian dan tidak dapat peruntukkan di bawah PLB?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan negeri bagi tindakan holistik Pejabat Tanah-JKKK untuk menyelesaikan masalah kualiti jalan kampung?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS HAIRI: Tuan Speaker, Klang, Selat Klang bertanya berkaitan kampung, jalan kampung tradisi Melayu Pinggiran Bandar. Dasar Kerajaan Negeri sedia ada tidak membenarkan sebarang pelaksanaan projek termasuk projek menaiktarafkan dan membaiki jalan di atas tapak tanah hak milik persendirian. Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah dan Tanah telah memulakan proses penyenaian dan semakan status jalan serta mengenal pasti jalan-jalan kampung yang terletak di atas tanah hak milik persendirian. Pada asalnya jalan-jalan tersebut dibina atas dasar kepentingan bersama penduduk kampung atau dikenali sebagai izin lalu oleh pemilik tanah terbabit. Melalui kaedah yang sedang dilaksanakan sekarang pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan melaksanakan kerja-kerja ukur tanah atau "*land survey*" bagi mendapatkan jajaran jalan dan sempadan yang sebenarnya. Langkah seterusnya akan diputuskan oleh pihak berkuasa negeri selepas selesai kerja-kerja ukur tersebut sama ada melalui proses *assessment* seksyen 282 KTN atau menggunakan menggunakan pakai hak lalu lalang pentadbir tanah Seksyen 388 dan 389 KTN atau kaedah yang terakhir iaitu pengambilan balik semula tanah...pengambilan balik semula tanah seksyen 3. Bagi peruntukkan tahun 2014 Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sejumlah RM6,110,473.48 bagi 160 buah projek penyelenggaraan jalan kampung di seluruh negeri Selangor di bawah peruntukkan pembangunan luar Bandar. Bagi peruntukkan di bawah MARRIS 2014 Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sejumlah RM13,217,588.00 bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung seluruh negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker, soalan No. 128.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT DI BUKIT MELAWATI

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki semula muzium tersebut?
- b) Berikan satu tempoh masa yang tepat, muzium tersebut siap dibaikpulih?

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS B. HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Bukit Melawati bertanya berkaitan dengan Muzium Permainan Tradisional Rakyat di Bukit Melawati. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor ataupun PADAT telah menyediakan peruntukkan untuk membaiki muzium tersebut dan melantik JKR Kuala Selangor melaksanakannya. Pihak JKR telah melantik kontraktor untuk membaiki semula muzium tersebut. Surat Setuju Terima untuk membaik pulih bangunan telah dikeluarkan pada 24 Oktober 2014 kepada syarikat berjaya. Kerja-kerja elektrik akan dimulakan sebaik sahaja kerja baik pulih bangunan selesai. Tempoh pelaksanaan baik pulih bangunan: Tarikh mula: 27 Oktober 2014, tarikh siap: 24 Disember 2014. Tempoh pelaksanaan kerja-kerja elektrik; tarikh mula: Disember 2014, tarikh siap: Februari 2015. *Insyaa-Allah*, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 129.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: 2.5 JUTA UNTUK KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian peruntukan RM2.5 juta dalam Belanjawan 2014 untuk Kajian dan Penyelidikan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. daripada Taman Medan. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.5 juta untuk Kajian dan Penyelidikan di mana ianya adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memperkasakan dasar-dasar kerajaan negeri yang bertujuan untuk menyelaras penyediaan perancangan strategik negeri, menyelaras penyediaan pelan pembangunan negeri, menyediakan laporan ekonomi negeri, menjadi pusat geodata negeri, memantau pelaksanaan pelan pembangunan dan mengumpul serta menerbitkan maklumat asas negeri. Peruntukan RM2.5 juta dalam belanjawan 2014 untuk Kajian dan Penyelidikan dipecahkan kepada dua pecahan peruntukkan seperti berikut:-

- i) Kajian/Pelaksanaan Pelan Induk – RM1 juta
- ii) Penyelidikan dan Pembangunan Ekonomi – RM1.5 juta

Perincian peruntukan bagi Kajian dan pelaksanaan Pelan Induk berjumlah RM1 juta adalah:

- i) Laporan Ekonomi Tahun 2013/2014
- ii) Penyediaan kompilasi Data Demografi Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan
- iii) Penyediaan Kompilasi Maklumat Asas Negeri Selangor 2014
- iv) Kajian Keberkesanan perangkap nyamuk *magnetic* oleh SPBT
- v) Kajian Perumahan Kos Rendah di Negeri Selangor oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan akhirnya Permohonan peruntukkan untuk menjalankan Kajian Penilaian Kenaikan Elaun guru-guru dan Ketua Guru KAFA -JAIS oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Bagi Penyelidikan dan Pembangunan Ekonomi yang berjumlah RM1.5 juta perincian adalah seperti berikut.

- i) Kajian Cadangan Pembentukan Dasar Belia Negeri Selangor
- ii) Khidmat nasihat dan kepakaran berhubung kaedah untuk menstabilkan bangunan yang mengalami mendapan dan material yang boleh digunakan untuk mengisi lompangan akibat mendapan tersebut
- iii) Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor

- iv) Kajian Geoteknikal dan Penilaian Risiko Geologi Rizab Batu Caves, Selayang untuk Kerajaan Negeri Selangor
- v) Kertas Cadangan Kajian Impak Sosial terhadap Pemindahan Pusat Ekuestrian dan Sukan Selangor Turf Club(STC)Sg. Besi ke Sg. Tinggi Hulu Selangor
- vi) Kertas Cadangan Kaji selidik Penilaian Asas (*Baseline Study*) dan Pengesanan(*Tracking Study*) untuk penambahbaikan prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
- vii) Dan seterusnya *Integrated Solid Waste Management Study*, terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA: Saya mohon daripada pihak kerajaan untuk senaraikan kepada saya kemudian mungkin tidak di sini tindakan daripada hasil kajian yang telah dilakukan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, Y.B. Taman Medan perkara ini akan diberikan secara bertulis kepada Y.B.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya ada tak hasil kajian ini adalah diizinkan untuk di *access* oleh orang awam ataupun diletak dalam *on-line* untuk kita baca hasil-hasil kajian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Taman Medan tadi kajian-kajian ini akan kita sampaikan secara bertulis kepada Y.B. dan ianya boleh diteliti oleh pihak yang memerlukan maklumat yang berkenaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bahru tidak hadir. Paya Jaras tidak hadir. Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BOHAN: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan no 32.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: CERUN RUNTUH

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan untuk memastikan cerun-cerun bukit di kawasan pembangunan dan perumahan selamat?
- b) Apakah prosedur bagi kawal selia dan pemantauan kawasan cerun tersebut?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Projek-projek pembangunan di kawasan Tanah Tinggi dan Berbukit perlu mematuhi Garis panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor Tahun 2010. Pembangunan di kawasan Kelas III dan IV perlu dirujuk dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTKSAS) diperingkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri. PBT perlu menubuhkan Jabatan/Bahagian khusus berkaitan cerun bagi menguruskan:

- i) Projek Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi
- ii) Melaksanakan pemantauan kesan-kesan bercerun
- iii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan cerun
- iv) Melaksanakan kerja-kerja pengukuhan /penstabilan cerun

Kaedah pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala dijalankan oleh Bahagian cerun, Jabatan Kejuruteraan yang merujuk kepada kaedah penyeliaan/ pemantauan dan pembaikan yang disyorkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Pihak Majlis juga melantik kontraktor penyelenggaraan secara tahunan bagi menyelenggara dan membaik pulih segala kerosakan pada cerun. Prosedur atau pemantauan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan perancangan kerja pemuliharaan cerun
- ii) Menjalankan penyelenggaraan cerun-cerun kritikal sepertimana dalam senarai inventori secara berkala

- iii) Menyemak dan menilai cadangan pelan reka bentuk cerun dan tembok penahan yang dikemukakan oleh pemaju yang telah disahkan oleh jurutera profesional bertauliah
- iv) Menyemak dan memberikan ulasan permohonan pelan kebenaran merancang yang dikemukakan
- v) Memeriksa dan memantau pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi secara berkala; dan
- vi) Menilai laporan / rekod penyelenggaraan cerun / tembok penahan yang dikemukakan oleh pemaju yang telah disahkan oleh jurutera professional bertauliah.

Sekian.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Pandamaran

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membangkitkan satu isu bahawa saya difahamkan bahawa di negeri Selangor banyak ramai pemaju sebenarnya dalam pelan asalnya ada membina tembok penahan untuk menghalang cerun runtuh tanah runtuh berlaku tetapi berakhirnya tidak membina. Jadi ini telah membebankan PBT-PBT masing-masing. Seperti yang berlaku di Kajang di Tempat Taman Karmas. Itu yang sama juga. Pemaju tidak membina akibatnya nampaknya PBT perlu menanggung kos sebanyak berjuta-juta untuk membina tembok penahan tersebut. Jadi apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi perkara tersebut.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, bagi mengatasi masalah tersebut saya rasa di peringkat PBT semua pemaju ataupun sesiapa nak membuat sesuatu pembuat perlu di kawasan sensitif alam sekitar khususnya di kawasan cerun perlu seperti apa yang saya katakan tadi perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PBT dan juga kerajaan negeri. Mungkin beberapa contoh yang disebutkan oleh Y.B. tadi kita perlu mengkaji kerana saya tak pasti apakah isu sebenarnya mengapa tembok penahan itu tidak dibuat selepas ...apa ni...permohonan telah dibuat kepada PBT.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN HAJI LIAS: Terima Tuan Speaker. Bagi memastikan bahawa cerun-cerun ni dapat dikawal daripada segi ia tidak mengalami keruntuhan sebenarnya berbagai-bagai jawatankuasa telah ditubuhkan

di peringkat PBT dan juga di Majlis. Tapi soalnya masih lagi berlaku cerun-cerun yang runtuh ni. Jadi saya ingin dapat tahu sejauh mana hasil laporan kajian-kajian tersebut ini diambil tindakan oleh apa ni....pihak-pihak yang berkenaan. Itu yang pertama. Yang kedua bagi projek-projek yang masih orang kata dalam tempoh tanggungan pemaju adakah penjagaan cerun ini akan kos bagi memperbaikinya akan ditanggung oleh pihak pemaju sebagai salah satu daripada syarat sekiranya berlaku keruntuhan dalam cerun. Yang seterusnya ialah bagaimana pula kedudukannya ya bagi projek-projek yang telah lama sebab pergerakan cerun-cerun ini kita tidak boleh pasti ada masanya oleh sebab sebab-sebab semula jadi ia boleh menjadi runtuh. Jadi bajet ya perbelanjaan untuk membaiki keruntuhan ini siapa yang bertanggungjawab sama ada pihak majlis, pihak pemaju ataupun kerajaan negeri bersedia untuk menyediakan bajet untuk memastikan bahawa keselamatan cerun-cerun ini dapat.....

TUAN SPEAKER: Soalan Sungai Burong, ringkaskan....soalan sudah

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Sungai Burong sudah tanya tiga soalan. Dua ke tiga....tiga...ok. Satu mengenai rancangan apa yang rancangan telah dibuat oleh kerajaan negeri. Saya ingin menerangkan kepada Sungai Burong bahawa PBT telah membuat satu *survey* dan juga rancangan selidik kaji di cerun-cerun di kawasan Selangor yang perlu kita memberi perhatian. Itu satu pelan ada. Kedua tentang cerun di bawah jagaan pemaju yang telah runtuh. Tanggungjawab mesti bawah pemaju tersebut. Pemaju perlu membaiki cerun tersebut. Kos semua di bawah pemaju. Jikalau kawasan tu di bawah tanah kerajaan ataupun cerun-cerun bukan persendirian kos itu akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri seperti apa yang berlaku baru-baru ini di kawasan bukit Beruntung. Kos tu ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Sekian.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, soalan No.133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

**TAJUK: PROJEK LEBUHRAYA DI BAWAH BAJET 2015 KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Belanjawan 2015 kerajaan persekutuan akan melaksanakan empat lagi lebuhraya di negeri Selangor menjelang 2015: Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang, Pantai Barat (Taiping-banting), Lingkaran Luar KL - Hubungan Timur dan

Damansara - Shah Alam. Apakah pendirian kerajaan Selangor mengenai keempat projek lebuh raya baru tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan Y.B. Batu Tiga. Saya pohon keizinan Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab soalan 133 bersama dengan 204 kerana ia menyentuh perkara yang sama. Y.B. Tuan Speaker dalam pembentangan belanjawan 2015 oleh YAB Perdana Menteri pada tahun ini kerajaan persekutuan akan melaksanakan empat lagi lebuh raya di Negeri Selangor menjelang 2015 iaitu Lebuh raya Sg. Besi – Ulu Klang, Pantai Barat Taiping - Banting, Lingkaran Kuala Lumpur Hubungan Timur dan Damansara - Shah Alam. Projek Lebuh raya Kinrara Damansara Express Way ataupun KIDEX belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia atau LLM supaya terus mengadakan dialog, perbincangan termasuk *town hall meeting* bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan secara terbuka kepada semua *stake holders* di kawasan yang berkenaan. Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan bagi mana-mana lebuh raya di negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut;

- i) Penilaian impak trafik ataupun "*traffic impact assessment*" TIA, Penilaian impak *social* atau "*social impact assessment*" dan penilaian impak alam sekitar atau "*environmental impact assessment*" Mestilah menguntungkan para pengguna lebuh raya dan juga penduduk sekitar dengan mengambil kira jajaran yang memberikan manfaat yang terbaik.
- ii) Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan dengan izin "*return of investment*" ROI.
- iii) Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka itu mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan kos pengurusan yang membebankan. Dalam hal ini pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambil kira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Selain daripada itu Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut;

- i) Perjanjian yang adil tidak berat sebelah iaitu tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi.
- ii) Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan
- iii) Memasukkan ke dalam perjanjian Klausula penamatan awal atau "*early termination clause*" iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal. Dan akhirnya pra syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak boleh terikat dengan akta rahsia rasmi 1972 atau OSA. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker soalan 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK: PROJEK LEBUHRAYA DI BAWAH BAJET 2015 KERAJAAN PERSEKUTUAN

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan syarikat konsesi KPS - HCM Sdn Bhd dalam kerja penyelenggaraan jalan di Selangor?
- b) Adakah tender terbuka diadakan semasa menganugerahkan kontrak tahunan yang berjumlah RM35 juta ini kepada KPS - HCM?
- c) Bagaimanakah pembayaran RM35 juta ini dibuat? Adakah ia berdasarkan prestasi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Damansara Utama yang bertanyakan dengan peruntukkan MARRIS juga syarikat konsesi KPSSCM Sdn. Bhd. Syarikat KPSSCM Sdn. Bhd. Adalah merupakan sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri dengan pegangan melalui kumpulan perangsang Selangor Berhad sebanyak 30% bersama dengan ACM Engineering Sdn. Bhd. Yang merupakan anak syarikat PROTASCO berhad dengan

70%. Syarikat KPSSCM Sdn Bhd. Telah diberikan amanah untuk kerja-kerja selia senggara jalan, jalan-jalan negeri dan juga yang berkaitan dengannya dengan sebanyak daripada peruntukkan MARRIS sebanyak RM35 juta dengan kerja-kerja peruntukkan bagi kerja-kerja rutin sebanyak RM24 juta dengan kadar harga bagi setiap km adalah sebanyak RM543 per kilometer. Peruntukkan bagi kerja-kerja berkala sebanyak RM10.5 juta dan peruntukkan bagi kerja-kerja kecemasan sebanyak RM0.5 juta. Kontrak ini bermula daripada 2008 dengan kerja-kerja berkala sahaja ketika itu dan kontrak akan tamat pada 14 September 2015 pada tahun hadapan. Peringkat sekarang ini Kerajaan Negeri sedang membuat kajian keberkesanan dan juga menilai prestasi kerja dengan proses untuk melihat dari sudut bagaimanakah cara-cara pelantikan dan juga kontrak selia senggara ini akan diberikan pada tahun yang seterusnya.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 135.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan maklumat program terkini sampai dan difahami oleh pimpinan bawahan?
- b) Apakah mekanisma penerangan kerajaan dalam memberi maklumat, pendidikan dan kesedaran kepada rakyat?
- c) Apakah langkah kerajaan bagi mengelakkan birokrasi dalam pentadbiran dan memberi perkhidmatan kepada rakyat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Tanjung Sepat yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung langkah-langkah kerajaan bagi memastikan maklumat dapat sampai kepada akar umbi dan apakah mekanisme dalam menyampaikan maklumat ini. Secara ringkasnya untuk makluman Y.B. kebanyakan maklumat program terkini diselaraskan di pejabat sekretariat, Pejabat Dato' Menteri Besar yang menyalurkan maklumat terus kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri dan penyelaras DUN masing-masing untuk memastikan program maklumat terkini ini sampai dan difahami pimpinan peringkat bawahan. Sebarang maklumat program Kerajaan Negeri juga disebarkan menerusi pelbagai medium media massa sama

ada secara atas talian ataupun televisyen ataupun akhbar. Antaranya adalah pautan TV Selangorku, penerbitan akhbar Selangorku, Selangor Kini dan mulai tahun hadapan seperti yang telah saya nyatakan kita akan meluluskan penerbitan akhbar Selangor Times. Kerajaan Negeri juga turut memiliki agensi berita khusus iaitu CCSB atau Communication Corporation Sdn Bhd untuk memastikan maklumat program disebarluaskan pada rakyat. Dan saya juga telah menegaskan baru-baru ini bahawa pengurusan MBI yang baru akan meneliti semula struktur CCSB supaya diperkemaskan agar sistem penyampaian maklumat ini dapat diperkemaskan dan dipertingkatkan. Pelbagai langkah juga telah dibuat untuk mengurangkan kerenah birokrasi di antaranya ialah hari bertemu pelanggan yang dianjurkan oleh pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. HAJI MOHD HASLIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B. HAJI MOHD HASLIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Bagi menyemarakkan lagi maklumat yang ada pada Kerajaan Negeri terutama program-program. Ada tujuh belas program merakyatkan ekonomi Selangor. Adakah Kerajaan Negeri bercadang adakan program khas yang turun setiap daerah ataupun di setiap DUN selain daripada program TERJAH yang pihak Y.A.B. Dato' Menteri Besar laksanakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Tanjung Sepat. Saya mengambil maklum perkara ini kerana daripada maklumat awal yang kita terima masih ada rakyat yang belum mengetahui sepenuhnya program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri di bawah konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sebagai contoh apabila kita lihat statistik pendaftaran warga emas ini masih jauh lebih rendah daripada angka yang sepatutnya didaftarkan di kawasan masing-masing. Maka saranan Y.B. tadi supaya ada satu gerakan secara menyeluruh dan bersepadu diturunkan ke peringkat DUN saya boleh berikan pertimbangan supaya semua dasar-dasar dan program kerajaan ini dapat difahami oleh rakyat dan dapat dimanfaatkan akhirnya dari program-program yang berkenaan. Maka saya akan mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri apabila kita lakukan program lawatan ke daerah mungkin kita boleh buat pameran ataupun majlis *booth* penerangan bagi program-program berkenaan dan disampaikan kepada penduduk setempat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tuan Speaker, soalan saya 136.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PUNCA BANJIR DI DUN SUNGAI PANJANG, SUNGAI BESAR

136. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan drastik yang diambil untuk menangani masalah banjir yang berlaku dari FR5-Pekan Sungai Besar sehingga Pasir panjang?
- b) Apakah punca sekiranya berlaku banjir kilat di kawasan luar bandar ini?
- c) Nyatakan status sistem perparitan di kawasan DUN Sungai Panjang?

Y.B. TUAN ZAİDY BIN ABDUL TALİB: Terima kasih, Sungai Panjang. Tuan Speaker, berkaitan dengan punca banjir di DUN Sungai Panjang, Sungai Besar yang telah pun saya juga menyatakan dalam penggulungan perbahasan bajet tempoh hari. Di mana tindakan drastik diambil bagi menangani masalah banjir yang berlaku di FT5 Pekan Sungai Besar sehingga Pasir Panjang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengeluarkan kerja-kerja pembersihan parit yang sedang dijalankan sekarang ini di sepanjang 70km di kiri dan kanan parit merangkumi kerja-kerja pembersihan dan membuang segala halangan dan semak-samun dan sampah-sarap yang berada di sepanjang parit tersebut. Peruntukan yang digunakan bagi kerja-kerja pembersihan tersebut adalah merupakan menggunakan peruntukan pada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri melalui jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya banjir yang berlaku di DUN Sungai Panjang seperti berikut. Yang pertama, terdapat halangan lintasan yang dibina oleh penduduk di hadapan rumah penduduk yang terlalu kecil. Kejadian air pasang surut air laut di mana air di dalam tidak dapat dibuang disebabkan air laut pasang. Dan juga faktor geografi tanah penduduk yang terlalu rendah. Dan di peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya akan sentiasa berbincang untuk mengenal pastikan dari sudut tugas-tugas ini tidak berlaku persilangan tugas ataupun *overlapping*. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Berapa kos sebenarnya yang telah pun disediakan dalam tujuan untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, izinkan saya menyatakan satu *figure* yang tak silap ingatan saya lima ratus ribu untuk proses *emergency*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya nombor 137.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB IN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PRESTASI PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR MENURUN SEMENJAK TAHUN 2009 DAN TIDAK MEMENANGI SEBARANG PIALA.

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan sedia merombak pengurusan FAS?
- b) Adakah Kerajaan sedia untuk menambah peruntukan untuk FAS?
- c) Apakah rancangan untuk meningkatkan prestasi pasukan bola Negeri Selangor?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Kota Anggerik atas soalan beliau yang begitu prihatin tentang perkembangan pasukan bola sepak negeri Selangor. Soalan A ingin saya perjelaskan kepada Kota Anggerik, Ahli Dewan dan ramai peminat-peminat kita di luar di sana sebenarnya segala proses rombakan untuk FAS hanya boleh dilaksanakan oleh ahli gabungan FAS sahaja melalui mesyuarat Agung biasa ataupun mesyuarat Agung luar biasa mereka. Pihak Kerajaan tidak boleh mencampur tangan menentukan pengurusan FAS dan jika ini boleh berlaku ia akan mengakibatkan mengulangi pengalaman-pengalaman beberapa negara yang lain seperti Cameron dan Nigeria kerana melanggar artikel ke-17 ataupun fasal ketujuh belas *statute* FIFA. Justeru, pihak Kerajaan Negeri sangat prihatin dan berhati-hati tentang perkara ini. Namun begitu, kita berharap agar proses pertukaran *President* yang telah dirancangkan oleh FAS berlangsung dengan baik dan *Insyah-Allah* dalam masa beberapa hari lagi *President* itu akan bertukar kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan *Insyah-Allah* daripada situ kita akan boleh memulakan proses perubahan. Perkara kedua, tentang peruntukan dana FAS *Insyah-Allah* kita akan bersedia menambah dan juga menolak jika atas keperluan dan kehendak semasa. Untuk tahun ini sahaja daripada belanjawan yang diberikan, kita telah peruntukan RM7.5 juta. Namun, untuk tahun ini sahaja pihak Kerajaan Negeri dengan sikap keprihatinan kita selaku pihak

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2 juta untuk membayar tunggakan gaji kepada FAS disebabkan oleh pengurusan, kelulusan kontrak yang baru yang tidak mengikut kepada ketetapan mesyuarat. Namun sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita terpaksa juga membayar dan membantu untuk menganggu kos pemain-pemain bukan untuk menanggung kesilapan yang telah mereka lakukan. *Insyallah* kita akan perbetulkan hari itu. Untuk perkara yang ketiga, terdapat beberapa perkara yang perlu untuk meningkatkan prestasi pasukan bola sepak. Pertamanya daripada hal ehwal pengurusan dan sudah pasti kita perlu meniru dan juga mengambil pengalaman daripada buah negara dan kelab-kelab yang terkemuka negara seperti Jepun dan Korea yang sudah memasuki alam profesional ataupun liga profesional mereka mampu meningkatkan pemain disebabkan oleh sifat dan sikap pengurusan yang ada. Perkara kedua ialah melibatkan tentang penglibatan sains sukan. Ini satu perkara yang sangat-sangat jarang ada dalam negara kita. Walaupun kita sudah ada *department* ataupun bahagian pembangunan Sains Sukan namun banyak aktiviti-aktiviti kita gagal dikawal oleh seorang *Sport Scientist*, ya daripada segi pemakanan, daripada segi pengambilan ubatan hinggalah berlaku masalah *doping* dan juga sebagaimana gambar Safee Sali yang didedahkan baru-baru ini. Jadi saya ingat perkara tadi, ini adalah satu perkara yang kita akan tekankan di masa depan untuk meningkatkan prestasi pemain-pemain kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk, tidak hadir. Soalan 139 telah dijawab bersekali dengan soalan 8, Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan saya 140.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(KAJANG)**

TAJUK : AGENDA MEMPERKASA BELIA

140. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempersiapkan golongan belia dengan program latihan pekerjaan
- b) Minta Kerajaan Negeri jelaskan rancangan untuk menaiktaraf kemudahan dan fasiliti sukan di Selangor
- c) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Kajang. Di atas soalan beliau yang pertamanya pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa inisiatif dan program untuk memperkasakan golongan generasi muda bagi membantu generasi muda yang kurang pendapatan di Selangor menaikkan taraf hidup mereka dari segi latihan, kemahiran, vokasional dan bagi belia-belia di desa melalui kerjasama yang dilaksanakan bersama-sama pihak INSPEN. Untuk memberikan latihan dalam bidang persolekan ataupun kecantikan, automotif, pendandan rambut, elektrik, elektronik motosikal, sistem komputer, dan penyaman udara. Selain itu juga, sebelum ini kita telah melaksanakan program-program pembangunan ihsan pembangunan modal insan melalui program SPICE dan *Insyah-Allah*, EXCO yang berkenaan juga akan melaksanakan program-program modal insan bagi meningkatkan pembangunan serta skil yang ada pada para belia kita. Seterusnya juga program yang ketiga yang dilaksanakan untuk memperkasakan golongan belia khas untuk pekerjaan dan pendapatan mereka, kita melaksanakan program “Jelajah Jom Kerja” yang turut dilaksanakan oleh rakan saya daripada Seri Setia, *Insyah-Allah* akan dilaksanakan dan *Insyah-Allah* kita akan bekerjasama melalui PeBT, Penggerak Belia Tempatan bagi menarik lebih ramai sehingga November tahun 2014 program “Jom Kerja” telah menarik lebih daripada 8,700 orang menyertai program “Jom Kerja”.

Untuk bagi soalan B untuk tahun 2015 untuk meningkatkan fasiliti sukan, untuk tahun 2015 Kerajaan Negeri telah mengumumkan satu peningkatan yang sangat besar daripada segi peningkatan daripada segi naik taraf kemudahan sukan. Sebelum ini naik taraf kemudahan sukan hanya berjumlah lapan ratus ribu ringgit Malaysia. Namun pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan meningkatkan perbelanjaan lebih daripada 12 juta ringgit Malaysia. Yang boleh saya *detailkan* di sini pertama melibatkan naik taraf kemudahan hoki Pandamaran, Stadium Hoki Pandamaran, Stadium Hoki Petaling Jaya, dan selebihnya ada tiga juta untuk menaiktaraf beberapa kemudahan sukan seperti *lawnball* dan kemudahan-kemudahan sukan yang lain. Di samping itu kita juga memperuntukkan dua pulun ribu ringgit bagi setiap DUN, bagi naik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang kecil, di kampung, di desa dan di taman-taman perumahan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri yang semua jumlah itu adalah bernilai RM1.1 juta dan kita jika dikumpulkan ia berjumlah lebih daripada RM12 juta sebagaimana yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Bagi soalan C, Kerajaan Negeri memperuntukkan peruntukan pembangunan bagi pembangunan usahawan setiap tahun. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak diagihkan ataupun tidak dipecahkan mengikut had umur seperti bila atau warga, seperti belia atau warga yang telah dewasa. Peruntukan yang disediakan adalah terbuka kepada semua termasuklah usahawan muda, belia, ibu tunggal dan sebagainya. Had kelayakan suatu permohonan bantuan usahawan dikira mengikut kategori sama ada perusahaan mikro kecil ataupun sederhana. Mulai tahun 2010 hingga 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih RM85 juta untuk

merangsang aktiviti keusahawanan di negeri Selangor antara aktiviti-aktiviti program yang dilaksanakan adalah yang akan saya sampaikan secara bertulis kepada kajang sebab ia ada seratus dua program daripada kursus mi dan cendol sampai kepada program nurseri. Haaa, nanti saya akan sampaikan kepada semua ahli dewan. *Insyah-Allah*, saya akan bekalkan untuk pengetahuan secara bertulis kepada anggota-anggota dan ahli Dewan sekalian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan yang khusus mungkin untuk mempersiapkan belia di Selangor ini terutamanya menjelang *Asean Community* dengan izin 2015. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. *Insyah-Allah* dalam program-program kita dalam dasar ataupun dasar belia negeri yang baru dimuktamadkan yang saya telah kemukakan kepada ahli-ahli dewan sebentar lagi ataupun saya akan bekalkan kepada semua ahli Dewan salah satu daripada teras yang kita telah upayakan ialah pengantarabangsaan. Kalau dulu kita ada enam program ataupun enam teras. Kali ini kita akan lebarkan teras itu kepada sepuluh perkara dan salah satu daripada perkara itu adalah pengantarabangsaan. Jadi *Insyah-Allah* perkara tersebut saya akan ambil maklum dan kita akan masukkan dalam kursus latihan dan pendedahan kepada para belia kita termasuk usahawan-usahawan kita bagi berhadapan dengan dunia globalisasi dan Asia 15, fenomena yang disebutkan oleh Kajang sebentar tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan 141.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PAPAN IKLAN “BILLBOARD” DAN PAPAN IKLAN DIGITAL

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sebaran g insiden keruntuhan “*Billboard*” yang telah berlaku di negeri Selangor?
- b) Apakah garis paduan untuk memastikan “*Billboard*” yang dipaparkan adalah selamat?

- c) Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula mengenai kesesuaian untuk membenarkan papan iklan digital dipasangkan di jalan raya?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kinrara. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PBT didapati dua PBT iaitu MPK dan MPAJ pernah mengalami insiden keruntuhan *billboard*. Iaitu MPK, dua insiden di kawasan pentadbiran Klang. Dua, kedua-duanya terletak di atas tanah persendirian struktur yang roboh tidak memasuki kawasan awam. Kedua-dua insiden ini dipercayai berpunca daripada angin dan hujan ribut. MPAJ terdapat dua unit *billboard* jenis *free standing* di dalam kawasan majlis yang roboh pada tahun 2008. Sebelum sebarang kelulusan pemasangan *billboard* dipertimbangan untuk pembinaan di dalam kawasan pentadbiran PBT, syarat utama yang dikenakan kepada pihak operator adalah hendaklah melantik jurutera bertauliah bagi penyeliaan, pengesahan plan dan kukuhan struktur yang akan dibina di tapak. Makluman awal jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dalam perancangan untuk membuat kajian dari segi keselamatan paparan iklan digital kepada pemandu jalan raya. Kerajaan Negeri berpandangan untuk menunggu keputusan kajian tersebut sebelum tindakan selanjutnya diambil. Sekian.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Puan Speaker, soalan 142.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa, soalan 142.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN DAN KEBERKESANAN PWB DISETIAP DUN

142. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah elaun penyelaras PWB di setiap DUN sebulan?
- b) Adakah peruntukan disediakan di setiap DUN pada setiap tahun?
- c) Sejauh manakah program PWB telah dilaksanakan di setiap DUN?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Soalan ini telah dirangkumkan dalam soalan PWB yang lepas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Sungai Air Tawar... Tidak hadir. Soalan 144 telah dijawab sekali dengan soalan 50, Teratai.. Tidak Hadir. Meru? Tidak hadir. Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Tuan Speaker, soalan 147.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PEROBOHAN GERAI PENJAJA

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur merobohkan gerai penjaja?
- b) Senaraikan gerai penjaja yang telah dirobohkan Kerajaan Negeri dari 2013 hingga 2014 mengikut PBT.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Semenyih. Prosedur perobohan gerai dilakukan dengan pengeluaran-pengeluaran notis amaran kali pertama sekiranya tidak dipatuhi notis amaran kedua akan dikeluarkan. Sekiranya masih ingkar kedua-dua notis amaran, tindakan perobohan boleh dilakukan di bawah seksyen 46 (1)(A) Akta 133 iaitu Akta 113 AJPDB 1974 iaitu penyelenggara gerai di tempat awam atau UUKP 2007 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen daripada PBT. Tindakan bersepadu juga boleh dilakukan bersama Jabatan pelesenan dan Jabatan Bangunan bagi penjaja yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan di tanah kerajaan, tindakan pengeluaran notis merobohkan boleh digunakan di bawah seksyen 425 Akta Kanun Tanah Negara. Manakala di atas tanah persendirian tindakan pengeluaran notis boleh digunakan di bawah seksyen 31 Akta Perancangan Bandar 172 atau seksyen 72 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Sekian.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Hemm Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya nak bertanya pada EXCO, jika setelah notis diberi, jika perobohan dilakukan adakah usaha membimbing usahawan ini atau *dioffer* tempat-tempat yang lain atau gerai-gerai baru diwujudkan. Saya lihat banyak gerai-gerai dirobohkan. Ada tak usaha membimbing agar mereka ini terus berniaga?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Semenyih. Saya, isu ini perlu kita lihat situasi lah ada yang kita boleh bantu mereka untuk kalau kita ada tempat yang lain kita boleh bantu mereka untuk menempat semula. Ada yang mungkin di tempat yang tidak sesuai dan mungkin tapak itu tidak dapat kita bagikan kepada mereka. Jadi, kita ikut situasi dan juga saya rasa bahawa wakil rakyat dan juga ahli majlis kawasan tersebut juga memainkan satu peranan yang penting dalam urusan kita memindah ataupun merobohkan kedai tersebut supaya satu cara yang *win-win* boleh kita lakukan bersama PBT.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan 148.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI

148. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk bina dewan orang ramai mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007-2014
- b) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi pastikan setiap taman ada sekurang-kurangnya satu dewan untuk kegunaan penduduk tempatan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, senarai peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan diluluskan Kerajaan Negeri untuk membina dewan orang ramai mengikut pecahan PBT saya akan bagi senarai *list* nanti kerana senarai dia memang panjang. Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan pembangunan bagi Dewan Orang Ramai sebanyak 500,000 setahun. Walau bagaimanapun, terdapat PBT yang menyediakan peruntukan sendiri dalam membina dewan orang ramai di kawasan masing-masing. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk merancang supaya setiap taman ada sekurang-kurangnya satu Dewan ataupun balai untuk kegunaan awam tetapi ini perlu bergantung kepada tempat ataupun kawasan yang sesuai. Ok. Itu sahaja.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Masa sudah mencukupi Rawang. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. USUL

Usul No. 28 Tahun 2014, Usul Peruntukan Pembangunan 2015.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No. 28 Tahun 2014, Usul Peruntukan Pembangunan 2015.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawa menurut Seksyen 9, Subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Pembangunan Wang Tahun 1996 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM 1,133,970.00 yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2015 P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM 663,900,000.00. P04 Perbendaharaan Negeri (projek am) RM 4 juta. P05 Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran) RM 500,000.00. P08 Jabatan Pertanian RM 14,470,000.00 P10 Jabatan Perhutanan RM 5,100,000.00. P11 Jabatan Kerja Raya RM 320,100,000.00. P13 Jabatan Pengairan dan Saliran RM 47,000,000.00. P14 Agama Islam Selangor RM 95,500,000. P16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM 2,500,000.00. P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM 7,700,000.00 dan P27 RM Jabatan Kehakiman Syariah RM 200,000.00 Jumlah RM 1,133,970.00.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sejumlah RM 2,422,500.00 telah diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 2015. Jumlah tersebut adalah termasuk RM 1,133,970.00 bagi membiayai projek-projek pembangunan negeri di mana RM 949,470,000.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala RM 184,500,00.00 adalah dalam bentuk pinjaman. Jumlah peruntukan mengikut kepala adalah seperti dalam usul pembangunan 2015.

P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM 636,900,000.00 telah diperuntukkan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 57,910,000.00 diperuntukkan kepada pecahan kepala 1 atau PK1 Perkhidmatan Masyarakat. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menampung peruntukan perbelanjaan tahunan semua Ahli Dewan Negeri dan bagi rumah ibadat selain Islam. Bagi PK2 Pembangunan Luar Bandar peruntukan sebanyak RM 36,068,010.00 disediakan bertujuan membiayai projek ekonomi kecil seperti pembangunan ekonomi nelayan serta petani dan juga penternak. Program pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi kampung tradisi serta bagi menampung program pembangunan kampung seperti penyelenggaraan jalan, pembangunan kampung baru dan kemudahan asas desa. Bagi PK3 Perbandaran peruntukan sebanyak RM 9,228,050.00 disediakan untuk menaik taraf prasarana Pihak Berkuasa Tempatan dan kemudahan awam. Bagi

PK4 Adat Melayu dan Warisan sebanyak RM 2,550,020.00 disediakan untuk tujuan menaik taraf dan pembangunan tempat-tempat bersejarah di negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. PK5 Perpustakaan sebanyak RM1,120,040.00 disediakan untuk tujuan pembangunan serta menaik taraf perpustakaan daerah. Bagi PK6 pembangunan usahawan sebanyak RM 3,400,000.00 disediakan untuk menampung perbelanjaan industri kampung dan Program Selangor *Agrofest*. Bagi PK7 sosial sebanyak RM 90,155,010.00 disediakan untuk program berkaitan pembangunan insan, pendidikan, wanita, pembangunan belia dan sukan serta perumahan dan hartanah. Bagi PK8 pusat latihan dan PK9 pembangunan institusi pentadbiran, masing-masing diperuntukkan sebanyak RM 200,010.00 dan RM 5,000,000.00 untuk menampung kos penyelenggaraan. Bagi PK10 Pelancongan, peruntukan sebanyak RM 6,700,000.00 disediakan untuk promosi naik taraf dan program produk pelancongan. Bagi PK11 Kajian sebanyak RM 1,500,000.00 disediakan untuk melaksanakan kajian-kajian. Bagi PK12 Pentadbiran 4E, sebanyak RM 6,300,000.00 disediakan untuk pembangunan ICT serta projek Sains, Teknologi dan Inovasi. Bagi PK13 Perikanan sejumlah RM50 sahaja disediakan kerana bagi tahun 2015 program berkaitan perikanan telah diperuntukkan di bawah PK2 Pembangunan Luar Bandar. Bagi PK14 Jabatan PERHILITAN hanya sebanyak RM 10 disediakan kerana program berkaitan telah selesai dilaksanakan pada tahun 2014. Bagi PK15 Projek Khas Negeri sebanyak RM48,950,000.00 disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk projek pembinaan tempat letak kereta di Perpustakaan Awam Selangor, kerja menaik taraf kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta membina bangunan pentadbiran masjid berkenaan. Kerja pemuliharaan dan menaik taraf dua buah masjid, iaitu Masjid Sultan Alaidin Kampung Bandar Kuala Langat dan Masjid Diraja Sultan Sulaiman, Klang serta manakitaraf fasa Kota Darul Ehsan, projek pembinaan tempat letak kereta awam bertingkat di Seksyen 5, Shah Alam dan kerja baik pulih dewan serba guna Kuala Selangor. Bagi PK16 Pengambilan balik tanah sebanyak RM 44,400,000.00 disediakan untuk menampung perbelanjaan bagi pengambilan balik tanah. Bagi PK17 Alam Sekitar sebanyak RM 1,000,000.00 disediakan untuk program berkaitan dengan Alam Sekitar mana kala bagi PK18 sumber alam hanya sejumlah RM 20 sahaja disediakan kerana program berkaitan telah selesai dilaksanakan pada tahun 2014. Bagi PK19 kerajaan prihatin sebanyak RM1,500,000.00 disediakan untuk program kerajaan prihatin dan bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan bagi PK20 Merakyatkan Ekonomi Selangor sebanyak RM277,280,010.00 disediakan untuk program pusat khidmat krisis sehenti. Skim Kesihatan Wanita. Hadiah anak masuk universiti, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, Projek Bekalan Air, Elaun anak ke nurseri dan skim tunas manakala bagi PK21 Am sebanyak RM43,688,720.00 disediakan untuk program perindustrian dan pelaburan kebudayaan, pengurusan air, pembangunan kesihatan, pemuliharaan tapak pelupusan, pengangkutan dan pelbagai projek lain. Bagi P04 Perbendaharaan Negeri Selangor sejumlah RM4,000,000.00 telah diperuntukkan kepada kepala P04 Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan tersebut adalah

bagi projek-projek am pembangunan negeri. P05 Perbendaharaan Negeri Selangor sejumlah RM 500,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P05 Perbendaharaan Negeri Selangor dalam (pengkomputeran). Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan menaik taraf sistem perakaunan bersistem komputer standard Kerajaan Negeri SPECS di Negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian P08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Sejumlah RM14,470,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P8 Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Dari pada jumlah tersebut sebanyak RM 900,000.00 diperuntukkan kepada PK1 Pembangunan Taman Agroteknologi. Bagi PK2 Pembangunan Tanaman Makanan, sebanyak RM 2,750,000.00 diperuntukkan untuk membiayai program tanaman padi, buah-buah, sayur-sayuran dan tanaman kelapa. Bagi PK3 Pembangunan Tanaman Industri sebanyak RM 300,000.00 diperuntukkan untuk membiayai program tanaman nanas dan umbisi. Bagi PK4 Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan sebanyak RM 200,000.00 diperuntukkan untuk membiayai program tanaman bunga keratan dan semaian. Bagi PK5 Pembangunan Industri Asas Tani sebanyak RM 1,800,000.00 diperuntukkan untuk membiayai program pemprosesan makanan dan pembangunan industri pertanian. Bagi PK6 Pembangunan Pusat Teknologj Pertanian sebanyak RM1,876,000.00 diperuntukkan untuk memajukan pusat-pusat pertanian di Negeri Selangor. Bagi PK7 Pengurusan Perosak Bersepadu sebanyak RM 100,000.00 telah diperuntukkan. Bagi PK8 memajukan Kompleks Pertanian sebanyak RM 3,400,030.00 diperuntukkan untuk memajukan kompleks pertanian dan seluruh Negeri Selangor. Bagi PK9 Pembangunan Agro Pelancongan sebanyak RM100,000.00 telah diperuntukkan untuk program berkaitan agro pelancongan. Bagi PK10 Pembangunan Pertanian Bersepadu sebanyak RM 630,000.00 diperuntukkan untuk program perladangan bersepadu, integrasi tanaman herba dan pembangunan sumber pertanian serta bahan mentah bagi industri bio teknologi. Bagi PK11 Pembangunan Teknologi Maklumat sebanyak RM 20,030.00 diperuntukkan bagi perkara berkaitan termasuk soal selidik dan pengumpulan maklumat pertanian. Bagi PK12 Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan sebanyak RM 600,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan petani dan usahawan tani, usaha menggalakkan penglibatan swasta dalam program pertanian serta kajian dan pembangunan pertanian. Bagi PK13 bagi Pengurusan Tanah Bermasalah sebanyak RM 300,000.00 diperuntukkan bagi mengurus tanah gambut, bekas lombong dan tanah berasid. Bagi PK14 Pengurusan Pembangunan Tanah Terbiar sebanyak RM 200,000.00 telah diperuntukkan untuk program ini. PK15 Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian sejumlah RM 993,940.00 diperuntukkan untuk perolehan jentera berat pertanian dan penyelidikan. Bagi PK16 Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru tanaman sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan untuk program ini. P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Sejumlah RM 5,100,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 1,190,020.00 diperuntukkan kepada PK1 Program Pengurusan Sumber Hutan yang

bertujuan untuk sistem Maklumat Perhutanan Penyelenggaraan Hutan Simpan serta pencegahan dan kawalan kebakaran hutan. Bagi PK2 Program Hutan sebanyak RM 900,050.00 diperuntukkan untuk Program Penumbuhan dan Pembangunan Taman Negeri Selangor Pembangunan Program Tanaman Menggaya, bakau, herba dan pokok nadir penyediaan tapak semaian serta penubuhan dan pengurusan hutan tadahan air. Dalam PK3 Perhutanan Masyarakat sebanyak RM 1,242,000.00 diperuntukkan program hutan lipur perhutanan bandar, hutan pelajaran dan hutan perkampungan. Program tanaman perhutanan kawasan terosot dan kawasan sensitif serta tanaman penubuhan hutan tani. Seterusnya, PK4. Pembangunan Tenaga Manusia dan Infrastruktur sebanyak RM 1,216,920.00 diperuntukkan untuk pembangunan dan perumahan pusat kecemerlangan hutan paya gambut serta perhubungan jalan hutan. P.K. 5 – Pemulihan Alam Sekitar, sebanyak RM200,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) diperuntukkan untuk program berkaitan hutan simpanan hutan dara serta tanaman kawasan pantai. P.K. 6 – Seranta Pengembangan Hutan, sebanyak RM200,010.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu Sepuluh) telah diperuntukkan. Bagi P.K. 7 – Pembalakan Haram Sifar, sejumlah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) telah diperuntukkan manakala P.K. 8 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, sebanyak RM101,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Satu Ribu diperuntukkan untuk *Central Forest Spine* dan persijilan hutan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

P.12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Sejumlah RM320,100,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Juta Satu Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.12 – Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM54,999,810.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Empat Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Lapan Ratus Sepuluh) diperuntukkan kepada P.K. 1 – Pelbagai Rancangan, bertujuan untuk penyelenggaraan cerun, membina jambatan, memasang lampu-lampu jalan dan lampu isyarat, meningkatkan aspek keselamatan jalan raya, menurap jalan tanah merah, baik pulih istana, pengambilan balik tanah dan untuk kerja-kerja permulaan. Bagi P.K. 2 – Membina Jambatan & Jejantas, sebanyak RM90,000,030.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Juta Tiga Puluh) diperuntukkan manakala bagi P.K.3 – Membina Jalan, sebanyak RM26,200,050.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Enam Juta Dua Ratus Ribu Lima Puluh) diperuntukkan. Bagi P.K. 4 – Menaik Taraf Jalan, sebanyak RM128,400,110.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Lapan Juta Empat Ratus Ribu Satu Ratus Sepuluh) diperuntukkan untuk menaiktaraf jalan-jalan di seluruh daerah. Bagi P.K. 5 – Membina dan Menaik Taraf Bangunan, sebanyak RM20,500,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Lima Ratus Ribu) diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf pejabat dan bangunan Jabatan Kerja Raya.

P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

Sejumlah RM47,000,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Tujuh Juta) telah diperuntukkan kepada Kepala P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM29,178,720.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sembilan Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Dua Puluh) diperuntukkan kepada P.K. 1 – Pengurusan Banjir bagi projek tebatan banjir dan kerja-kerja kecemasan, P.K. 2 – Menaik Taraf Sistem Saliran, sebanyak RM9,070,750.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Juta Tujuh Puluh Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh) diperuntukkan untuk program menaik taraf sistem saliran seluruh Selangor, P.K. 3 – Program Pengurusan Lembangan Sungai, sebanyak RM2,500,040.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Ribu Empat Puluh) diperuntukkan untuk pengurusan rizab dan program pengukuhan tebing, P.K. 4 – Program Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, sebanyak RM1,800,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lapan Ratus Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan inventori dan menaik taraf stesen rangkaian hidrologi, P.K. 5 – Program Pengurusan Saliran Mesra Alam, sebanyak RM100,0110.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Satu Ratus Sepuluh) diperuntukkan untuk kajian dan menaik taraf kolam takungan, P.K. 6 – Program Pengurusan Pantai, sebanyak RM2,600,110.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta Enam Ratus Ribu Satu Ratus Sepuluh) diperuntukkan untuk rancangan memperkukuhkan benteng pantai dan kawalan hakisan, P.K. 7 – Program Pengurusan Mekanikal dan Elektrikal, sebanyak RM1,450,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan untuk menaik taraf rumah pam dan pintu air, P.K. 8 – Program Pengurusan Infrastruktur dan Bangunan, sebanyak RM100,070.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Tujuh Puluh) diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf rumah kuarters dan pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran, P.K. 9 – Program Pengairan dan Saliran Pertanian sebanyak RM200,200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu Dua Ratus) diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf sistem saliran pertanian.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

P.14 – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

Sejumlah RM95,500,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Lima Juta Lima Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.14 – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM20,400,010.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Empat Ratus Ribu Sepuluh) diperuntukkan kepada P.K.1 – Sekolah-Sekolah Agama yang bertujuan untuk menaik taraf dan membina sekolah agama. Bagi P.K. 2 – Bangunan Pejabat-pejabat Agama Islam, sebanyak RM28,499,990.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lapan Juta Empat Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh) diperuntukkan untuk membina dan menyelenggara bangunan serta pejabat agama. Bagi P.K. 3 – Masjid, sebanyak RM44,100,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Empat Juta Satu Ratus Ribu)

diperuntukkan untuk membina serta membaik pulih masjid manakala bagi P.K. 4 – Pelbagai, sebanyak M2,500,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Ribu) diperuntukkan untuk membaik pulih kuarters dan kerja-kerja pelbagai.

P.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Sejumlah RM2,500,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta Lima Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM110,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh Ribu) diperuntukkan kepada P.K.1 – Rancangan Pemajuan, P.K. 2 – Rancangan Dasar, sebanyak RM530,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Tiga Puluh Ribu) dan P.K. 3 – Kajian Khas Perancangan, sebanyak RM1,860,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lapan Ratus Enam Puluh Ribu). Peruntukan ini adalah merupakan kos kajian-kajian yang akan dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

Sejumlah RM7,700,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Juta Tujuh Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,350,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan kepada P.K. 1 – Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan bertujuan untuk program skim pengganda ternakan, program pembiakan, penternakan Breedlot dan program pemakanan ternakan serta merakyatkan ekonomi kepada penternak ruminan, P.K. 2 – Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas dan Bukan Ruminan, sebanyak RM2,900,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta Sembilan Ratus Ribu) diperuntukkan untuk pembiakan unggas dan puyuh serta merakyatkan ekonomi kepada penternak unggas dan bukan ruminan, P.K. 3 – Pembangunan Industri Asas Ternak, sebanyak RM455,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan dan peningkatan usahawan serta pembangunan produk IAT. Bagi P.K. 4 – Kesihatan Veterinar, sebanyak RM190,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu) diperuntukkan untuk kawalan penyakit haiwan dan zoonotik, perkhidmatan ambulatori veterinar dan program masyarakat prihatin haiwan. Manakala bagi P.K. 5 – Regulatori, SPS dan Biosekuriti, sebanyak RM600,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan sistem kawalan keselamatan makanan dan kawal selia industri haiwan, P.K. 6 – Pembangunan Kompetensi dan Bimbingan Usahawan, sebanyak RM455,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Lima Ribu) diperuntukkan untuk pembangunan kompetensi usahawan serta kajian, pameran dan promosi. P.K. 7 – Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar, sebanyak RM250,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu) diperuntukkan untuk membaik pulih pejabat dan kuarters, dan P.K. 8 – Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran

Makanan (TKPM), sebanyak RM1,500,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Ribu).

P.27 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

Sejumlah RM200,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu) telah diperuntukkan kepada Kepala P.27 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan peruntukan tersebut adalah bagi P.K. 2 – Membangun Mahkamah Syariah Daerah.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan itu mohon untuk mencadangkan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya buka untuk Perbahasan ingin saya mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat supaya jangan menggunakan telefon dalam Dewan ini kerana mengganggu mikrofon Ahli Dewan yang sedang berucap dan tolong *switch off* ya bunyi wisel, bunyi *whatssap*, ada yang guna kamera, guna *flash* semua tolong jangan gunakan telefon atau pun kamera dalam sidang Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu Usul yang dibawa Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Peruntukan Pembangunan 2015. Oleh itu saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan 15 minit seorang sehingga kita buat perubahan lagi.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Puan Speaker, *Bismilahir Rahmannir Rahim*, saya ucapkan tahniah dan terima kasih Dato' Menteri Besar mewakili Kerajaan Negeri Selangor dalam membawa Usul Pembangunan Usul Belanjawan peruntukan Pembangunan 2015. Di mana dalam Usul ini saya akan menyentuh beberapa Kepala Peruntukan iaitu 4 antaranya adalah P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, P.12 - Jabatan Kerja Raya, P.14 - Jabatan Agama Islam Selangor dan P.27 – Jabatan Kehakiman Syariah. Di mana keempat-empat Jabatan ini melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM1,052.7 juta di mana kalau kita rujuk pada senarai perjawatan daripada 9,205 jumlah perjawatan bagi kakitangan Kerajaan Selangor 4,695 atau 51% terdiri daripada 4 jabatan ini. Jabatan Menteri Besar, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah di mana yang ingin saya tekankan adalah asas Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Dato' Menteri Besar untuk mengutamakan pembangunan dan memastikan ia dibiayai oleh peruntukan pengurusan yang memadai dan kalau kita lihat dalam semangat yang telah dikemukakan dalam Belanjawan baru-baru ini maka hampir-hampir mendapati 50-50 tetapi kalau saya buktikan di sini contohnya tahniah sekali lagi kepada Jabatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan di mana dengan agihan antara peruntukan Mengurus dan

Pembangunan RM637 juta untuk Pembangunan RM112 juta untuk Pengurusan. Dapati bahawa 85% adalah untuk Pembangunan yang hanya dibiayai dengan 15% Pengurusan. Jadi ini menunjukkan satu komitmen yang terbukti dengan komitmen dan harapan yang besar yang dilakukan oleh Dato' Menteri Besar di bawah kepimpinannya di bawah Jabatan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Kita berharap dengan pembiayaan hanya 15% dari Belanja Mengurus. Belanja Mengurus akan dapat merealisasikan pencapaian 85% Pembangunan. Cabarannya benar, apa yang kita hadapi adalah di dalam, di atas kertas. Tapi untuk membuktikannya kita menjangkakan kerja akan digerakkan seawal 01 hari bulan 01. maknanya tidak ada cuti pada 01.01. Januari. Ini gambarannya, kerana kita sedar, biasanya, dengan izin, *take off* itu lambat. Peruntukan ADUN kadang-kadang masuk bulan dua, bulan tiga. Jadi kita kena mencari dana membiayai program di peringkat DUN. Dan sudah pasti *mood* buka sekolah, dan masalah-masalah yang tertunggak daripada tahun 2014 nak dibawa ke 2015, akan ada *hick up*, dengan izin. Jadi kita menggambarkan hasrat Dato' Menteri Besar, dalam memastikan bahawa beliau memimpin satu *flat ship*, dengan izin, 15% belanja mengurus, untuk *deliver*, dengan izin, 85% pembangunan, menunjukkan bahawa tidak ada cuti dan rehat. Gambarannya begitu. Jadi ini satu komitmen yang kita alu-alukan. Dan ini dibuktikan sekali lagi dengan P12. Seperti mana dengan Belanja Pengurusan sebanyak RM115.5 juta, mensasarkan pembangunan berjumlah RM320 juta, yang bermaksud 73% pembangunan dibiayai, dengan 27% belanja mengurus. Jadi kita tahu bahawa JKR ini satu agensi yang besar, kita telah berterus terang di dalam Majlis, di dalam Dewan yang mulia ini. Memperakui kekuatan-kekuatan prestasi JKR tapi ada juga rasa tak puas hati kita, kelemahan-kelemahan yang telah kita buktikan, telah cuba kita perbaiki dengan cadangan-cadangan kepada kerajaan terhadap JKR. P14 dan P27 adalah *services oriented*. Itu tidak boleh kita persoalkan dari segi, memang tinggi, kalau Jabatan Agama Islam, boleh kita katakan 71% belanja mengurus adalah untuk *deliver*, 29% pembangunan. Jadi kita perlu lihat bahawa empat jabatan ini, *provide*, dengan izin, 51% *work force*, tenaga kerja kakitangan awam di negeri Selangor dengan harapan untuk menyampaikan perkhidmatan antara 73% hingga 83%. Tuan Timbalan Speaker, saya akan menyentuh P01, secara mendalam. Di mana dalam P01, terdiri 21 Pecahan Kepala, daripada PK1 hingga PK21 yang telah dihuraikan dengan teratur oleh Dato' Menteri Besar. Di mana saya ingin menegaskan sekali lagi merujuk kepada buku muka surat 64, PK 1, Kod Projek 10010 Perkhidmatan Masyarakat, Sub 10 Mesra Rakyat, Sub 02 Rumah Ibadat Selain Islam. Di mana pada tahun lepas kita telah membangkitkan tentang penubuhan apa yang dikatakan sebagai Lembaga Wakaf Hindu Selangor. Dan kita dapati bahawa peruntukannya demikian, dan implikasinya juga melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Nampaknya tak ada banyak kemajuan, tidak ada perubahan dan kita sudah mendapat input, dengan izin daripada EXCO, Yang Berhormat EXCO semalam, ataupun beberapa hari yang lalu, Selangor Hindu and Government Board, atau Lembaga Wakaf Hindu Selangor, yang saya berpandangan kepentingannya adalah untuk menunjukkan penyelarasan *effort* negara, di Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menyelaraskan segala hal yang berkaitan agama hindu dan masyarakat kaum India, kaum Tamil, India utamanya yang beragama hindu. Di mana di membawa implikasi kewangan kerana Selangor Hindu and Government Board harus ditubuhkan di bawah enakmen negeri Selangor dengan peruntukan kewangan tahunan dari kerajaan. Jadi saya berharap EXCO yang bertanggungjawab, yang dipertanggungjawabkan dalam perkara ini akan dapat merangka satu perbincangan satu rangka kerja. Kalau sesuai dan diluluskan MMKN, kita

menjangkakan rang Undang-undang ataupun enakmen akan dibawa ke dalam Sidang Dewan pada tahun depan. (TEPUK).

Tuan Timbalan Pengerusi, saya ingin membawa satu lagi Kod Projek 10020 PK2, iaitu berkaitan pembangunan luar bandar, Sub 10 Projek Ekonomi Kecil, Sub 02 Program Pembasmian Kemiskinan, dengan anggaran RM9.368 juta bagi tahun 2015. ini juga telah saya bangkitkan dalam perbahasan Usul Belanjawan Pembangunan pada tahun lalu. Di mana pada perbahasan pada tahun lepas, 2014, untuk tahun lepas, untuk bajet tahun ini, 2014, saya telah cadangkan agar program ini diberikan tumpuan yang spesifik. Bukan mendatar, tapi spesifik dan fokus pada sesuatu projek khusus, projek khas terhadap kumpulan sasaran tertentu yang tujuannya untuk *deliver*, dengan izin, satu output yang jelas. Objektifnya adalah untuk mengeluarkan kumpulan sasaran daripada kemiskinan. Jadi kita nampak sama ada projek itu, satu kategori masyarakat ataupun satu kampung, satu lokaliti, tapi kita fokus. Jadi bila kita dengan *full documentacy, success story*, dan sebagainya dengan izin, kita akan nampak bahawa rekod, *side record*-nya, sudah menyatakan inilah sejarahnya, inilah *proxi* – nya, inilah kedudukannya, di mana sekumpulan komuniti ataupun masyarakat telah dapat dikeluarkan daripada kemiskinan. Jadi saya mungkin kurang arif lagi tentang apakah perkembangan yang dilakukan dalam aspek ini. Tapi saya berharap sudah ada hasilnya, untuk tahun ini. *By the end of the year, 2014*, dengan izin, saya menjangkakan ada sebilangan selapisan masyarakat yang telah diperakukan miskin telah dikeluarkan daripada garis kemiskinan. *So we are working*, In Shaa Allah, kita bergerak bekerja untuk merangka sekumpulan 2015, 2016, 2017, 18,19 dan seterusnya. So kita adalah *target warranted* dalam perkara ini. Saya juga telah merujuk kepada pembangunan kampung di bawah Kod Projek 10020 Kemudahan Asas Desa dengan anggaran pada tahun ini peruntukan negeri sebanyak RM4 juta, dengan menjalankan beberapa projek berdasarkan konsep A,B,C,D, *asset base community development*, untuk dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan ini. Tuan Timbalan Speaker, melalui A,B,C,D, ini kita berharap sumber-sumber kekuatan, kerana konsep A,B,C,D, telah kita bincang dalam Pre-Bajet ataupun dalam Bajet Dialog dua tahun yang lepas. Dan telah mendapat satu sambutan yang baik daripada ketua-ketua kampung yang hadir dan ketua-ketua masyarakat khususnya Kampung Baru untuk menjayakannya. Kerana kelebihan A,B,C,D, adalah *asset base community development* dengan menggunakan peruntukan sumber-sumber kekuatan yang ada di desa. Dari *human resource*, modal insan, sumber fizikal, *environment*, keadaan situasi tradisi dan sumber-sumber ekonomi kampung ataupun desa yang boleh dimajukan. Saya mencadangkan satu projek dilaksanakan di kampung Kemensah pada tahun lepas, tapi sehingga kini masih belum lagi dilaksanakan ataupun ada gambaran akan dilaksanakan, saya merayu memohon kepada pihak kerajaan agar cadangan ini, pilot projeknya adalah di Kampung Kemensah kerana ada tempat dan ada kesesuaian, kekuatan-kekuatan yang untuk kita menjayakan program A,B,C,D.

Tuan Timbalan Speaker, saya masih di P01 Pejabat Menteri Besar. Bagi PK3 Perbandaran. Ini adalah satu perkara yang menarik ya, kerana di kawasan MPAJ, ambil dalam kes saya, dewan orang ramai tu, boleh dikatakan ratusan. Dan peruntukan hanya diletakkan RM500,000.00 dan dalam pembentangan dialog, perbahasan dialog, pada tahun lalu saya telah menimbulkan perkara ini dan EXCO yang bertanggungjawab pada masa itu telah bersetuju untuk sebahagian sedikit daripada RM500,000.00 itu diutamakan untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan yang berlaku pada dewan orang ramai. Dewan orang ini adalah kita dapat mengumpulkan untuk dialog contohnya kalau aktiviti saya, Hulu Kelang selepas bajet

diluluskan, bertemu dengan penggerak-penggerak masyarakat, imam-imam, ketua-ketua kampung dan juga AJK surau dan masjid di samping masyarakat bukan Islam juga, kita mengadakan pertemuan dan kita mengadakan perbincangan. Kita kemukakan apakah maksud implikasi bajet dan kewangan dan sebagainya. Dan ini apa yang telah dinyatakan dalam pertemuan yang lepas, EXCO bersetuju agar peruntukan sebahagian yang diperuntukkan RM500,000.00 itu digunakan untuk membaiki Dewan AU4. Alhamdulillah, dewan itu telah dibaiki dan telah digunakan secara aktif oleh penduduk tetapi dewan tersebut dibaiki dengan peruntukan ADUN bukan peruntukan ini. Kerana birokrasinya, RM500,000.00 dikatakan diturunkan kepada semua PBT. Yang dapat pada MPAJ entah berapa kerat. Nak diturunkan ke Hulu Kelang lagi. Lagi saya berharap satu pelaksanaan yang lebih teratur dan pro aktif dapat dilaksanakan dalam menjayakan peruntukan perbandaran ini.

Tuan Timbalan Speaker, PK4, saya ingin menegaskan Adat Melayu dan Warisan, di mana ternyata dalam pecahan Sub tajuk Kod Projek tidak terdapat isu yang berkaitan dengan Seni Budaya dan Teater pada masa yang, pada bajet yang lalu dan tidak juga terdapat dalam bajet kali ini. Dan dalam perbahasan dasar bajet baru-baru ini, saya telah menimbulkan perihal pentingnya teater ekspresi rakyat Seni dan Budaya dan dia membuktikan adanya seniman melakukan reformasi dalam masyarakat yang di zahirkan menggerakkan penggiat-penggiat teater. Dengan itu saya mencadangkan kerajaan memperuntukkan sebahagian peruntukkan dari RM300,000.00 dalam Sub 03 bagi tujuan penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian Budaya dan Warisan yang telah juga telah diberikan respons oleh EXCO yang berkenaan agar sebahagian aktiviti ini di hala dan ditalakan ke arah Seni Budaya Teater dan perfileman. Filem-filem ini adalah dalam bentuk filem dokumentari. Dan dalam konsep baru kali ini, pembikinan filem dokumentari adalah satu seni yang berkaitan dengan ekspresi rakyat dalam membudayakan satu nilai murni dan sebagainya ke arah perubahan hak asasi, keagamaan masyarakat, kemasyarakatan, sosial dan ekonomi. Jadi dua perkara ini telah saya bangkitkan perbahasan dasar belanjawan bagi belanja mengurus iaitu perihal penting Kerajaan Negeri membangunkan teater. Dan kedua adalah amat wajar Warisan dirangkumkan dengan perspektif masa yang menampilkan perjuangan menentang kezaliman, penindasan seperti Akta Hasutan dan sebagainya serta ketidakadilan melalui ekspresi seni budaya dan teknologi. Untuk itu saya telah mencadangkan agar kerjasama dan bantuan kewangan hendaklah diperuntukkan kepada penggiat teater yang telah saya sebut dua tiga kali, Saudara Hishamudin Rais, Sudrisman dan Keno. Bagi Sirkit Teater Hishamudin Rais yang berjudul Bilik Kabinet, saya memohon agar satu peruntukan sekitar RM50,000.00 boleh diperuntukkan untuk sirkuit seluruh negara, *road show* teater Bilik Kabinet, yang banyak nilai budaya, nilai kefahaman politik, nilai keinsanan, nilai keagamaan yang boleh diterapkan dalam masyarakat kita melalui persembahan pusat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Hulu Kelang, panjang lagi ke. Pendekkan *please*.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Satu minit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Satu minit, satu minit.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Manakala ekspresi warisan rakyat juga adalah dengan berkongsi ekspresi perjuangan hak asasi hendaklah disokong dengan menjadikan penganjuran acara tahunan Filem-filem Festival (FFF) iaitu KOMAS, sebuah NGO yang aktif

dalam mempertahankan hak asasi manusia, kita *endose* dan dengan izin, kita perakui, kita kerjasama dengan mereka untuk merancang merangka, menyuntik program-program yang boleh menjayakan pembikinan filem yang ada nilai tambah sokongan daripada kerajaan. Dalam perbahasan Jawatankuasa, saya telah melontarkan kerajaan memberi bantuan sebanyak RM50,000.00 hingga ke RM200,000.00. Tuan Timbalan Speaker, dalam konteks sosial dan pembangunan insan terdapat dalam muka surat 70, peruntukan yang besar bagi program SPIES, saya menyokong peruntukan ini, tetapi dengan pendekatan yang lain, pendekatan di mana saya nyatakan *hands on*, perkongsian di antara pemimpin-pemimpin masyarakat, Ahli Parlimen, ADUN, Ahli Majlis serta Ketua Kampung dan JKKK dalam menjayakan program latihan, yang asalnya SPIES, tapi telah diolah untuk menjadikan merakyat. Cukup masa. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Hulu Kelang, saya mempersilakan kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan perbahasan saya adalah lebih menjurus kepada manifesto Pakatan Rakyat yang telah pun dibentangkan di semasa kempen pilihan raya pada tahun yang lalu dan juga isu-isu yang saya akan bangkitkan bukanlah isu-isu yang telah pun dibincangkan dalam sidang Dewan ini. Jadi saya memohon Barisan EXCO untuk mendapat memberi penjelasan. Tuan Timbalan Speaker, dan juga untuk Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat Sekalian adalah amat penting kita menjurus sedikit kepada manifesto yang kita bentangkan pada tahun lalu dan saya menganggap ini adalah satu janji Pakatan Rakyat terhadap Rakyat dan saya memang mengalu-alukan Dasar Kerajaan untuk memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk pembangunan tetapi berapa peratusan peruntukan yang diperuntukkan kita harus memastikan bahawa ianya bertepatan dengan manifesto yang telah kita bentangkan pada tahun lepas. Barangkali tahun depan sebenarnya merupakan tahun ketiga penggal Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor tahun 2015 tahun ke tiga kalau di Amerika Syarikat kita sudah memasuki *mid term review* oleh sebab itu ini adalah sangat penting dan kami tidak ingin pada tahun depan, akhir tahun depan kita datang sekali lagi ke Dewan dan kita bertanya soalan yang sama mengapa program-program yang kita bahagikan tidak dimasukkan ataupun tidak disenaraikan dalam projek pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Isu pertama, pusat kebudayaan kita telah janji pusat kebudayaan Tionghoa, Melayu dan India tapi sampai sekarang belum ada apa-apa makluman terkini dan kali terakhir saya dengar, kami dimaklumkan tentang perkara ini ialah ia menghadapi masalah dari segi hak milik tanah yang belum diselesaikan oleh sebab itu saya memohon Kerajaan memberi makluman terkini untuk pusat kebudayaan. Kedua, bantuan pendidikan saya ingin bertanya tentang peruntukan pendidikan sebanyak 2 juta ringgit yang dijanjikan dalam manifesto kepada Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, 2 juta ringgit. Mengapakah dalam peruntukan kali ini kita tidak masukkannya dalam peruntukan ataupun bajet pembangunan 2015. Yang ketiga, adalah tentang pasukan polis bantuan. Kita harus ambil maklum bahawa isu keselamatan merupakan isu yang sangat penting di Selangor khususnya sepanjang masa dan kita lihat baru-baru ini PDRM telah pun mengadakan operasi yang begitu besar-besaran untuk terhadap kedai judi haram di seluruh Malaysia dan di Selangor saya merasa syukur di Selangor khususnya di kawasan saya sendiri kita telah maklum banyak kita terima daripada akar umbi ialah berikutan operasi secara besar-besaran oleh PDRM ini kita lihat kedai-kedai haram ini telah pun hilang boleh dikatakan

hilang jejaknya jadi oleh sebab itu saya berpendapat Kerajaan harus terus *engaged* dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya dan kita telah tahu polis memang mempunyai kuasa dan peranan yang sangat penting sekiranya PDRM menghadapi masalah kekurangan tenaga di Selangor, kita perlu *engaged* dengan PDRM, apa kata kalau kita wujudkan pasukan Polis Bantuan. Cadangan ini telah pun kita bangkitkan tahun lepas tetapi tidak dapat diteruskan dan saya memohon dengan adanya Menteri Besar baru saya mengajak supaya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat sendiri *engaged* dengan Kementerian Dalam Negeri supaya kita lihat bagaimana cadangan ini boleh dilakukan di negeri Selangor.

Isu seterusnya ialah *River of Life*, Tuan Timbalan Speaker, kita telah lihat isu ini, program ini sebenarnya adalah satu program transformasi yang telah pun diadakan yang diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan dan baru-baru ini kita telah pun lihat kesan positif ataupun kita telah lihat Sungai Klang dan Sg. Gombak di kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah pun semakin bersih dan semakin tersusun sebab cadangan untuk membersihkan Sungai Klang ini. Jadi saya rasa memang saya aku kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan membenarkan projek ini dijalankan kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang lebih besar tapi saya rasa Kerajaan Negeri dan juga PBT di Selangor juga boleh memainkan peranan yang sangat penting. Jadi saya ingin bertanya dan memohon jawapan daripada MMKN, apakah mungkin kita *engaged* sekali lagi dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan projek ini dapat dijalankan di Kerajaan Negeri di kawasan negeri Selangor disebabkan kita juga maklum Sungai Gombak dan Sungai Klang ini sebahagian besarnya sebenarnya terletak di kawasan Selangor. Jadi saya memohon Kerajaan Negeri untuk memberi sedikit maklumat tentang perkembangan projek ini.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh juga tentang pemerksaan kaum ibu yang bekerja, ini soal tentang wanita khususnya tentang penyusuan ibu. Kita ambil maklum bahawa ia merupakan satu trend semakin trend penyusuan ibu ni menjadi popular, semakin popular sebenarnya sungguhpun begitu saya telah banyak mendesak Kerajaan Negeri khususnya untuk mengadakan lebih banyak program-program khusus bagi mengembangkan usaha-usaha yang mulia ini tapi apa yang dapat kita lihat ialah selain daripada menetapkan syarat supaya semua kompleks membeli belah menyediakan bilik penyusuan ibu kita belum nampak ada apa-apa program yang khusus untuk mengerakkan usaha yang murni ini. Tapi saya rasa Kerajaan juga mempunyai peranan yang sangat penting dan saya memohon agar EXCO wanita yang juga merupakan EXCO Kesihatan kebetulan supaya kita juga *engaged* dan bertindak secara pro aktif dengan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan memang mempunyai satu usaha yang sangat konkrit dan sangat berterusan untuk menggalakkan trend ataupun penyusuan ibu ini dan saya rasa beberapa banyak peluang untuk Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Saya rasa ini adalah untuk kepentingan dan juga kesejahteraan kehidupan generasi yang akan datang dan saya memohon perkara ini mungkin tahun depan kita boleh lihat sama ada kita boleh masukkan program baru. Program pembangunan baru di bawah MES untuk mengembangkan usaha ini. Tuan Timbalan Speaker juga tentang kaum ibu yang bekerja saya rasa saya menyanjung murni usaha Kerajaan untuk menyediakan skim kembar dan juga skim-skim yang lain untuk membantu ibu bapa yang menghantar anak ke taska dan tadika. Jadi apa yang lebih penting, Tuan Timbalan Speaker, apakah setakat memberi bantuan kewangan sahaja dan maklum, kita maklum bahawa bantuan yang diberikan ini adalah untuk ibu bapa yang mendapat yang mempunyai gaji bulanan isi rumah

1,500 ke bawah. Ramai lagi yang tidak layak kerana mereka tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan ini jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan sebagai satu bantuan kepada ibu bapa yang ingin menghantar anak ke taska dan tadika kita cadangkan usaha seperti pendaftaran dan juga pemetaan kita menjalankan satu usaha yang komprehensif untuk mendaftarkan dan juga memetakan menggunakan sistem GIS. Semua taska dan tadika yang ada di negeri Selangor untuk membolehkan ibu bapa-ibu bapa di negeri Selangor untuk mengenal pasti taska dan tadika yang bersesuaian dan dekat dengan rumah ataupun tempat kerja mereka dan saya rasa ini adalah satu cadangan pembangunan yang boleh dilakukan untuk membantu ibu bapa yang bekerja.

Akhir sekali, ada dua isu berkenaan dengan PBT. Satu adalah tentang garis panduan komuniti pelbagai tanpa pengawal ataupun dalam bahasa Inggeris *guideline for Multi community Without Guardians* walaupun kita telah pun menyediakan satu garis panduan dan saya difahamkan bahawa garis panduan ini telah pun lupus sebenarnya dan saya memohon Kerajaan Negeri untuk tengok macam mana untuk isu dan masalahnya masih ada lagi walaupun garis panduan telah lupus isunya masih ada. Hampir saya boleh kata membelenggu semua ADUN yang ada di Dewan yang mulia ini. Jadi saya rasa adalah baik kalau Kerajaan boleh memulakan satu usaha ataupun kajian sama ada apa yang kita boleh lakukan pada tahun depan supaya garis panduan sekiranya kita nak teruskan dapat diperkemaskan supaya ianya bersesuaian dengan keperluan penduduk setempat dan saya juga memohon Kerajaan juga untuk menimbang semula sama ada mungkin kita kaji semula Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang saya rasa sudah ketinggalan zaman kerana seksyen ini menyatakan bahawa tiada mana-mana pihak yang boleh menutup jalan kecuali atas kebenaran PBT. Saya rasa kita boleh menurunkan kuasa ini kepada mereka-mereka ataupun persatuan yang ingin membuat penutupan jalan. Kita boleh kajilah apa yang kita nak cadangkan dan kita boleh kajilah bagaimana ini boleh dijalankan. Saya mengambil maklum bahawa ini adalah Akta Parlimen tetapi sekali lagi saya menyatakan bahawa kita perlu *engaged* dengan Kerajaan Persekutuan dan sebenarnya kita boleh mengatasi masalah ini dengan mudah sekiranya kita lihat semula peruntukan-peruntukan dalam Akta yang telah saya katakan sebagai ketinggalan zaman.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang garis panduan tentang pusat-pusat jagaan warga emas ataupun *retirement village* khususnya di kawasan-kawasan perumahan yang semakin ramai warga usia emas. Saya membangkitkan isu ini khusus untuk kawasan saya di kawasan Kampung Tunku hampir 60% penduduknya adalah warga emas ataupun kakitangan awam kerajaan yang telah pun bersara dan sekiranya kita tidak ada satu garis panduan seperti ini kawasan saya seolah-olahnya telah pun bertukar menjadi satu kawasan yang penuh dengan pusat-pusat jagaan warga emas. Sama ada ianya *profit oriented* ataupun separuh subsidi separuh di subsidi oleh kerajaan. Jadi saya rasa ada baiknya kalau kerajaan boleh mengkaji menjalankan kajian adakah mungkin ataupun perlu kita untuk mewujudkan satu garis panduan ini untuk tujuan mengawal selia pembangunan-pembangunan pusat-pusat jagaan warga emas di kawasan saya dan seperti apa yang saya bangkitkan tadi saya rasa adalah penting untuk kerajaan memastikan aktiviti sukan di negeri Selangor di jalankan dengan dibangunkan dengan konsisten. Saya juga mencadang supaya kita boleh mengambil iktibar seperti cadangan untuk membangun padang cergas sebelum ini oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan boleh lah mencadangkan satu peruntukan khusus untuk setiap DUN tadi telah disebut kita perlu kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak 20,000 ringgit untuk pembangunan infrastruktur sukan di setiap DUN.

Saya bercadang bahawa peruntukan ini diperbesarkan dan diperbanyakkan spesifikasi pembinaannya juga haruslah diperketatkan supaya ianya boleh digunakan sebaik mungkin untuk mengembangkan aktiviti sukan di negeri Selangor.

Akhir sekali isu yang terakhir saya ialah tentang pembinaan semula gerai dan juga gerai, medan selera dan pasar awam di semua PBT di Negeri Selangor. Saya ambil maklum Kerajaan mempunyai peruntukan yang terhad dan Kerajaan juga Kerajaan Tempatan dan juga PBT memang mempunyai peruntukannya tersendiri untuk menjalankan projek-projek pembangunan, pembinaan semula ataupun penyelenggaraan gerai dan juga medan selera ataupun pasar-pasar awam dari semasa ke semasa. Apa yang saya ingin cadangkan kepada Kerajaan ialah walaupun kita ada peruntukan tetapi ianya tidak dijalankan ataupun dilaksanakan secara bersepadu. Maksud bersepadu saya ialah ianya dijalankan secara asingan iaitu tanpa ada satu kawalan ataupun perancangan yang rapi dan teliti. Maka saya memohon supaya Kerajaan mengambil inisiatif untuk menetapkan satu KPI bahawa untuk setiap DUN pada tahun yang akan datang ataupun tahun-tahun yang akan datang sekiranya kerajaan memperuntukkan termasuk Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan satu peruntukan yang tetap untuk membangunkan pasar awam, medan selera dan gerai-gerai maka kita tahu, kita mestilah tahu berapa apakah perkembangan ataupun peratusannya. Peratusan kegunaan peruntukan ini. Walaupun Kerajaan juga boleh sebenarnya mencadangkan supaya setiap tahun diperuntukkan misalnya setiap DUN diperuntukkan RM1 juta ataupun RM2 juta. Angka ini saya rasa boleh ditetapkan dan ianya mesti ditetapkan untuk pembangunan ataupun pembinaan semula ataupun penyelenggaraan pasar awam, medan-medan selera dan juga gerai-gerai PBT dan ini adalah sangat bertepatan, sangat penting dan sebenarnya bertepatan dengan salah satu janji manifesto Pakatan Rakyat iaitu kita nak memperkasakan ekonomi dan juga keusahawanan di peringkat akar umbi dan itu lah sedikit sebanyak cadangan yang saya rasa sangat penting dan saya berharap isu-isu yang dibangkitkan ini akan diambil perhatian dan masa sebenarnya sudah kekurangan bukan sahaja masa perbahasan saya tetapi seperti apa yang saya kata kita telah memasuki tahun ketiga penggal ini pada tahun depan dan sekiranya kita tidak menggunakan masa yang semakin kesuntukan ini untuk melaksanakan program-program pembangunan di dalam manifesto saya rasa ianya akan merugikan kita semua dan dengan itu saya mohon mencadangkan untuk meluluskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Kampung Tunku, saya persilakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam perbahasan dalam Rang Undang-Undang Usul Pembangunan, Perbelanjaan Pembangunan pada bajet Belanjawan 2015 ini. Pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia dalam P1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri tentang pembangunan PK10 Pelancongan di mana saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa tahun depan 2015 dari aspek pelancongan ini peruntukan telah ditambah. Sebelum ini biasanya RM5 juta kalau tak silap saya dalam setahun untuk pelancongan. Tetapi pada tahun ini kita nampak dari segi pembangunan ada RM6.7 juta, maknanya ada pertambahan RM1.7 juta. Dalam promosi dan acara pelancongan pun dah ada RM4 juta. Jadi saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil berat dalam aspek pelancongan ini selaras dengan tahun melawat Selangor tahun 2015. Dan dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian dewan dalam kita membangunkan industri pelancongan ini promosinya cukup penting dan strategi yang

kita susun itu cukup penting. Bagaimana kita menarik ramai pelancong untuk datang ke negeri Selangor untuk melancong sama ada domestik atau pun pelancong luar. Saya bagi contoh seperti Sekinchan, saya telah berusaha bangunkan DUN Sekinchan sebagai destinasi baru pelancongan di negeri Selangor. Kita nak jadikan DUN Sekinchan ini Hub Eco Tourism Negeri Selangor. Kita punya produk pelancongan yang boleh menarik pelancong domestik dan luar datang ke DUN Sekinchan seperti bendang yang terbentang luas, seperti pantai Ledang yang begitu indah dan unik, seperti kawasan tradisi nelayan kampung dan juga buah-buahan mentara bakar dan macam-macam lagi. Jadi konteksnya, isunya macam mana kita nak curahkan perbelanjaan kita dalam pembangunan ini bagi memperkasakan. Jadi saya nak cadangkan bahawa beberapa kelemahan perlu kita tambah baik seperti kemudahan akses WIFI di kawasan Sekinchan ini di kawasan luar bandar terutama di Sekinchan akses WIFI ini lemah. Perkhidmatan oleh Telekom nampaknya tidak menunjukkan peningkatan. Di luar bandar walaupun kita di kawasan ini memang kawasan pelancongan tetapi dia tetap lambat. Jadi saya harap EXCO Pelancongan dalam hal ini kita kena berbincang dengan Telekom bagaimana untuk tambah akses kekuatan WIFI di DUN Sekinchan ini sebab pelancongan datang ke sini. Sekarang hidup manusia sekarang zaman globalisasi tak ada WIFI lebih teruk dari tak makan. Kalau satu hari tak ada WIFI sakit dia tenat. Tak bermaya, lesu dan tak ada kekuatan. Kalau ada WIFI dia tak makan, puasa pun boleh. Puasa enam, sepuluh pun tak apa. Manusia sekarang ni dah lain. Kalau dia berpisah dengan *girlfriend*, *boyfriend* pun tak ada masalah, dia tak sedih. Tapi kalau tak ada WIFI dia akan sedih 5 hari. Berkabung 5 hari. Ini manusia jenis sekarang ini la. Jadi WIFI cukup penting.

Yang kedua kita kena ada pelbagai program promosi pelancongan seperti saya cuba adakan dan ada minta peruntukan tambahan daripada EXCO Pelancongan untuk lancarkan tahun hadapan karnival hasil dan selera Sekinchan. Pelbagai hasil produk Sekinchan seperti tani, kraf tangan, *souvenir*, makanan selera yang cukup enak lazat. Mentara bakar dan sebagainya akan kita adakan setiap malam Jumaat dan malam Sabtu setiap minggu dua hari. Pukul 7 hingga pukul 12. Ini tujuannya untuk menarik lebih ramai orang untuk datang ke DUN Sekinchan khususnya untuk menjayakan pakej dua hari satu malam, *two day one night travel*. Datang beramai-ramai ke Sekinchan dan belanja lebih-lebih di Sekinchan. Inilah cara kita nak *promote* pelancongan bukan ngomong-ngomong kosong sahaja. Kita cakap dan kita *action*. Bukan NATO *No Action Talk Only*. Dan seterusnya kita adakan *treasure hunt* dua hari satu malam juga dan kita adakan berbagai-bagai lagilah tapi yang pentingnya kita nak jemput juga media datang ke DUN Sekinchan dua hari satu malam. Media pelancongan, media-media semua kita jemput dan kita minta dia terokai keindahan dan keunikan DUN Sekinchan dua hari satu malam. Ini antara sebab saya memerlukan dana yang cukup besar. Banyak daripada EXCO Pelancongan untuk menjayakan DUN Sekinchan sebagai hub pelancongan negeri Selangor. Dan baru-baru ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana tak sampai pun dua bulan dia dah turun dan terjah DUN Sekinchan. Pergi ke Bagan dan pergi ke bendang dan dalam masa yang sama dia menyelami macam mana pesawah dan petani susahnyanya mereka bercucuk tanam di situ, menyembur racun dan sebagainya. Saya minta dia dalam semangat menyembur racun, matikan semua perosak-perosak, penyakit-penyakit padi dan kalau boleh sama dalam politik pun kita sembur semua sekali supaya UMNO, Barisan Nasional semua lesu dan terus hilang dalam arena politik ini kerana mereka sudah lesu, kita sudah lesu dan semangat kita kena sembur sekali. Habis. Semangat mereka sudah habis. Hari ini hari ketujuh kita nampak Ketua Pembangkang pun

tak berapa nampak. Hari ketujuh sidang dewan. Jeram lagi, jauh no di sana. Kuang pun saya tak nampak. Hampir tak nampak dah dan saya ingin juga bertanya kepada dewan mana perginya bebas. Pelabuhan Kelang pun tak ada. Bebas pun tak ada. Hari itu kita nampak dia lima minit pun tak sampai, punggung pun tak panas. Hilang pula bebas. Ini kena kerja kuat. Bekerja sebagai wakil rakyat kena datang sidang dewan. Ini pun tak datang. Kita nak jejak Pelabuhan Kelang juga la. Parlimen juga dah habis bersidang. Tak bolehlah cari alasan. Kenalah ada dalam dewan. Jangan menghilangkan diri. Ini yang saya nak lontarkan pertanyaan dan seterusnya soal pelancongan ini penting Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan telah wujudkan Sekinchan *Travel Apps*. Aplikasi *apps* ini anda mudah pakai, telefon, *smart phone*, bimbit, *iphone*, *samsung*, *asus*, *oppo* dan macam-macam xiami. Macam-macam *handphone* ada. Sekinchan *travel apps* masuk saja Sekinchan *Travel Apps* boleh tahu kat mana keindahan Sekinchan. Makan yang sedap, hotel yang berkualiti dan sebagainya. Seluruh *homestay* juga ada di situ. Datanglah jika anda inginkan ketenangan. Jika anda ingin hilangkan *stress*, ingin beriadah, jangan lupa Sekinchan adalah pilihan anda. *Welcome to Sekinchan*. Datanglah ke Sekinchan. Itu cukup penting. Jadi saya harap EXCO Pelancongan ambil maklum tahun melawat Selangor Sekinchan tumpuan utama. Saluran itu adalah fulus. Duit kena turunkah. Jangan datang sahaja. Kalau jemput datang tak cukup.

Seterusnya saya nak menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan vot pembangunan PK20 juga berkaitan dengan Pejabat Menteri Besar, Program Merakyatkan Ekonomi. Saya nak masuk kepada 03 Skim Kesihatan Wanita. Skim Kesihatan Wanita ada RM1 juta peruntukannya untuk Belanjawan 2015. Saya ingin timbulkan dalam dewan ini bahawa program kesihatan wanita khususnya pemeriksaan memogram untuk wanita ini cukup mendapat sambutan sampai hari ini juga pejabat saya didatangi wanita-wanita berumur atas 35 tahun dia tanya bila lagi ada program pemeriksaan memogram. Mereka nak pergi sebab kita prihatin, peduli rakyat, peduli wanita, mesra wanita. Ini Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi saya minta EXCO yang berkenaan ambil maklum. Sejak kebelakangan ni kita nampak Skim Kesihatan Wanita ini memogram memang agak berkurangan. Di pejabat saya dulu sebulan sekali sekarang macam dah tak ada. Saya minta dipulihkan dan diperkasakan program ini kerana dia dapat santuni wanita-wanita di kampung di desa di ceruk kampung ini, cukup penting. Jadi ini perkara yang saya minta EXCO kena ambil maklum untuk teruskan program sedemikian untuk mendapatkan sambutan yang cukup menggalakkan daripada rakyat khususnya wanita-wanita tentang kesihatan mereka.

Dan seterusnya saya ingin timbulkan lagi isu berkenaan dengan Jabatan Agama Islam (JAIS) peruntukan pembangunannya RM95,500,000.00 untuk tahun 2015. Dari segi Kerajaan Negeri kita memang prihatin dalam soal pendidikan. Seperti EXCO Pendidikan selalu sebut kita meraikan kepelbagaian aliran sekolah ini. Selangor kita unik. Tak macam Barisan Nasional fikiran mereka ketinggalan zaman, kolot, jumud, konservatif. Mereka tidak boleh menerima kepelbagaian. Walaupun mereka kata nak naikkan semangat satu Malaysia tapi hati mereka lain cakap tak serupa bikin. Ini muka-muka Barisan Nasional UMNO ini. Nak tutup sekolah aliran cina la. Tak apa biarlah. Rakyat akan menghakimi mereka pada pilihan raya akan datang. Tuan Timbalan Speaker, tapi yang pentingnya kita berbalik kepada Sekolah Rendah Agama yang JAIS uruskan. Dan di Sekinchan ini ada tiga Sekolah Rendah Agama. Sekolah Rendah Agama Tali Air Tujuh Sungai Leman, Sekolah Rendah Agama Taman Harmoni, Sekolah Rendah Agama Parit 9 Ban 2. Saya nampak

ramai anak-anak kita belajar di situ dalam Sekolah Rendah Agama tapi dari segi fizikalnya bangunannya agak cukup ketinggalan sikit. Ada bangunan yang telah usang dan sebagainya. Taman Harmoni tak cukup bangunan. Bangunan baru dulu 2006, 2008 kata nak buat bangunan baru tapi kerana pergelutan politik ketika itu macam-macam akhirnya Sekolah Rendah Agama Taman Harmoni sampai hari ini perancangannya terbantut tergendala saya kira hingga ke hari ini. Saya minta Yang Berhormat EXCO tolong ambil perhatian Sekinchan ini perlu perhatian lebih keutamaan daripada EXCO. Saya nak ucapkan terima kasih. Saya yakin EXCO kita akan ambil tindakan segera dan seterusnya SRA Tali Air Sungai Leman, *toilet* sampai tersumbat, ditiup angin bumbungnya terbang, nak pergi ke *toilet* pun nampak atas langit. Ini perlu ada peruntukan segera walaupun saya pernah bagi tolong tapi itu tak cukup. Minta pihak JAIS ambil tindakan. Dari segi pembangunan kemudahan dan sebagainya. Tiga sekolah ini sila ambil tindakan sewajarnya. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, ada beberapa perkara ingin saya bahaskan dalam perbahasan pembangunan ini berkenaan dengan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India. Ini saya dah pantau sejak 2008 hingga sekarang. Saya nampak EXCO dah bertukar silih berganti. Yang lama dah pergi yang baru dah datang. Bab ini saya naik angin sikit. Minta maaf. Sebab saya dibagi jawapan macam-macam. Kita nak buat Pusat Kebudayaan Cina, India dan juga Melayu di Shah Alam, tanah sudah dicari tapi katanya ada masalah tanah. Masalah tanah ada tapi kita kena selesaikanlah. Kalau masalah tanah ada kita biarkan di situ sampai kiamat pun tak selesai. Saya minta kerajaan mesti ada komitmen, ada keinginan besar untuk realisasikan projek ini. Jangan cakap tak serupa bikin. Dah enam tahun dah. Hari tu saya kata bola di hantar kepada (siapa nama pemain Malaysia saya lupa dah). Bola dihantar boleh Bukit Lanjan, terus disambut oleh Kinrara yang dulu dah tak ada dah. Pandamaran yang dulu pun dah tak ada dah. Bola pun tak ada orang ambil dah. Sekarang bola tu sudah sampai ke Batu Caves ke mana entah. Saya harap dapat tendangan gol kali ini. Dapat menjaringkan gol. Saya minta betul-betul peruntukan dulu katanya sudah ada tapi kenapa perancangan-perancangan, ngomong-ngomong tak ada hasil. Jadi KPI ini tersasul. Saya minta Ahli-ahli Dewan memantau projek ini. Perlu dibuat kalau boleh dalam tiga tahun inilah. Dalam tiga tahun ini kita buat. Pecah tanah dulu pun tak apa. Macam pecah tanah Jambatan Klang dulu 2008 pentadbiran yang lalu pecah tanah dia tak buat tapi sekarang pecah tanah kita buat. Saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan Pakatan Rakyat kerana telah mula projek pembinaan Jambatan Ketiga gunakan dana negeri Selangor walaupun pusat anak tiri, bukan anak tiri la cuba pinggirkan kita tak nak bagi duit patutnya mereka bagi. Pusat kena buat. Ini wajah sebenar kononnya prihatin. Tapi yang penting Pusat Kebudayaan kita tiga tahun saya bagi tempoh. Yang Berhormat Sabak setuju?. Boleh sokong ya. Tiga tahun Kampung Tunku boleh sokong. Kalau Batu Caves sambut bola ini, bola ini agak panas. Jangan main-main. Kena realisasikan impian dan hasrat ini.

Seterusnya tentang Jabatan Pengairan dan Saliran. Peruntukan tahun hadapan ialah RM47 juta. Pembangunan. Saya ada beberapa perkara saya rujuk, saya baca buku bajet ini di Sekinchan saya minta benteng penahan pasir di Sungai Sekinchan dipanjangkan 50 meter atau 100 meter. Batu-batu itu ditinggikan dan dipanjangkan untuk menahan pasir dari masuk ke muara sungai. Tapi agak kecewa sedikit belanjawan tahun hadapan saya tengok vot dia tak ada untuk peruntukan khusus ini.

Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO Taman Templer, dia cukup prihatin, dia pun dah turun Sekinchan saya ucapkan tahniah dan syabas, boleh tolong, boleh tolong panjangkan

masalah ini supaya batu-batu dapat ditambah, ditinggikan benteng itu dapat dipanjangkan. Pasir tidak masuk terus ke muara, kalau tidak saya kluatir bot-bot akan terdampar di situ, sangkut di situ. Kerana pasir dia mengikut peredaran air, turun naik pasang surut pergi dan mari dan pasir datang juga, nanti penuh di situ. Saya minta perkara ini dapat diperhalusi.

Dan seterusnya berkaitan dengan satu perkara yang di daerah Sabak Bernam. Kita tahu yang daerah Sabak Bernam ini agak terpencil dan pembangunannya agak kurang tetapi kita mementingkan pertanian, kita sedia maklum. Dan pekan Sungai Lang, pekan Sungai Lang DUN Sabak ini, parlimen Sabak, pekan ini sudah jadi pekan koboi. Koboi, sebab hanya ada satu projek pembangunan dulu perumahan 50-an sampai hari ini. Tapi sekarang saya nampak pekan ini ada potensi, kenapa saya berkata begitu, saya melawat di situ saya kata begitu kerana di situ ada Institut Perakaunan Negara. Ada asrama integrasi, ada berbagai-bagai institut pengajian di situ. Ramai *student*, ramai pelajar, ramai pensyarah di situ tapi mereka tak ada rumah nak pergi jauh sangat. Rumah pun tak ada. Jadi perlu wujudkan perumahan baru di situ dan saya sedia maklum, saya telah *check* PKNS ada ratusan ekar tanah di situ. Saya minta PKNS dapat adakan inisiatif mengorak langkah untuk membina rumah-rumah supaya dapat dibeli dan disewa oleh pelajar-pelajar di situ dan untuk mempergiatkan sosial ekonomi Pekan Sungai Lang supaya dia tidak jadi seperti koboi. Ah, ini cukup penting dan juga Sungai Lang di sebelahnya ada sungai, Sungai Bernam. Sungai itu juga besar jadi sempadan antara Perak dengan Negeri Selangor. Kalau ada Exco Pelaburan boleh tengok-tengokkan di situ. Di situ kalau boleh dinaikkan mini pelabuhan, dia pergi ke Perak dekat, ah buatkan satu pelabuhan dan sebagainya, atau pun jambatan di situ supaya pembangunan

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Yang Berhormat, pelabuhan itu di bawah Kementerian Pengangkutan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh, tak boleh ya, tak boleh tak apa. Ingatan daripada Sungai Pinang, pelabuhan Yang Berhormat Liau Tew Ling kalau tak silap saya. Yang Berhormat Liau Tew Ling, sudah liau lah. Tak apa, Liau Tew Ling sudah liau, tak apa, liau itu habis ah, sudah liau kita hanya tak boleh buat pelabuhan, kita buat jambatanlah kalau boleh supaya dapat memendekkan jarak antara Perak dengan Negeri Selangor. Kita sentiasa mempereratkan hubungan antara negeri dengan negeri, ah negeri dengan negeri. Ini antara cadangan saya supaya pembangunan di Sabak Bernam dapat diperkasakan demi Negeri Selangor pembangunan Negeri Selangor pada masa hadapan. Dan saya mengalu-alukan sebarang perancangan di kawasan luar bandar ini khususnya satu isu di Sungai Panjang. Sungai Panjang hari ini, ah Sungai Panjang ya, pekan Sungai Nibong ada gerai luar bandar ada dalam 12 biji gerai luar bandar. Dah 30 tahun papan selalu banjir, peniaga datang jumpa saya, adu gerai luar bandar di situ perlu di naik taraf atau di bina semula. Bukan naik taraf lagi dah bina semula kerana peniaga Melayu di situ sentiasa menghadapi masalah banjir terlalu rendah, bahu jalan sentiasa lebih tinggi, lebih tinggi di tepi jalan Persekutuan 5. Ini perlu pembelaan, perlu perhatian daripada Pihak Berkuasa Negeri supaya pekan Sungai Nibong ini yang hampir mati segan hidup tak nak itu ya, lebih kurang itu dapat dihidupkan kembali. 12 gerai yang lama itu dapat dibuat baru, dapat mempergiatkan IKS perusahaan, mudahnya jadi usahawan seperti buku yang ditulis oleh Kota Anggerik, mudahnya jadi usahawan. Jadi kita nak galakkan usahawan di kampung-kampung ini, gerai-gerai ini patut kita perbaiki. Jadi saya tidak mahu mengambil masa yang terlalu panjang untuk beri laluan kepada rakan-rakan, akhir sekalilah dari Bagan Datoh ke Kuala Selangor, singgah di

Sekinchan membeli jagung, semoga Selangor sentiasa makmur, rakyat sepakat Pakatan disokong, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera. Saya terpanggil untuk sama-sama membahaskan tentang sejumlah wang Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor bagi 2015. Dengan memulakan perbahasan ini pada P01 iaitu Pejabat Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri. Apa yang ingin saya singgung ialah persoalan pertama sekali berapa banyak peruntukan yang kita peruntukkan untuk pembangunan. Perlu juga untuk kita teliti dan kita kaji tentang dari sudut impak dan juga dari sudut keuntungan Kerajaan Negeri terhadap setiap sen yang kita keluarkan untuk peruntukan pembangunan. Saya menyebut ini kerana ada kaitan dengan soal bina insan yang kita akan gunakan jumlah peruntukan ini. Terutama sekali banyak ketirisan atau pun banyak, bukan ketirisan tetapi banyak pembaziran berlaku dalam konteks perbelanjaan pembangunan ini kerana masalah sikap di kalangan masyarakat itu sendiri. Ambillah contoh perumpamaannya tentang masalah denggi di Negeri Selangor. Saya percaya 60% punca kepada masalah denggi ialah persoalan dengan berkaitan sikap. Begitu juga kalau kita pergi kepada zon yang lain, umpamanya soal sumbangan-sumbangan Kerajaan Negeri kepada pertanian umpamanya kepada yang lain juga. Semua ini kita nampak akhir sekali ialah kita akan menghadapi sikap ini menjadi penghalang besar untuk masyarakat memanfaatkan keseluruhan daripada setiap sen yang Kerajaan Negeri keluarkan. Ambil umpamanya, nanti kita tengok walau pun saya keluar sedikit soal wang yang akan dikeluarkan untuk umpamanya kebun kerang di tepi laut umpamanya.

Ini juga kegagalan ini sejak daripada dulu kerana sikap. Bukan kita tidak pernah menghasilkan satu produk yang tinggi, 2010 kalau tidak silap saya tak kurang daripada RM12 juta kita telah mendapat keuntungan. Tetapi hari ini kebun kerang hari ini bak kata Sekinchan hidup segan mati tak mahu projek itu. Sedangkan pantai kita adalah pantai yang terbaik untuk pembenihan kerang sehingga dapat menghasilkan produk yang tinggi. Masalah besarnya ialah soal sikap, soal sikap di kalangan pengusaha-pengusaha kebun kerang itu sendiri. Dan begitu juga soal-soal yang lain umpamanya. Sebab itu saya ucapkan terima kasih kepada EXCO Pertanian yang baru untuk memantau untuk melihat supaya setiap sen yang kita keluarkan dalam sumbangan pertanian mestilah setelah diperhatikan kepada soal sikap penerima sumbangan itu sendiri biarlah serius. Sekiranya mereka diberikan sumbangan dalam bentuk barangan, mereka betul-betul menggunakan barang itu untuk menaikkan taraf dia sebagai seorang pengusaha bukan kita beri dia lesen, kita beri dia jaring dia akhirnya pengusaha atau pun saudagar penjual jaring sahaja. Kita bagi dia bot dia jadi saudagar penjual bot akhirnya. Kita beri dia anak lembu dia jadi saudagar, lembu tak sempat turun pun ke tanah tukar lori saja kadang-kadang, anak lembu. Begitu juga anak ayam, yang ini yang saya kata persoalan sikap sebab itulah sikap ini kalau Yang Amat Berhormat merujuk kepada soal hendak menjadikan Selangor, kita hendak melihat sekarang ini kepada negara China yang akan menjadi kuasa terbesar selepas daripada Amerika. Dan kesempatan saya juga dan rakan-rakan yang pernah pergi ke China apatah lagi Adun Sekinchan yang memang ramai saudara mara, mereka boleh membangun dan menjadi kuasa besar kerana sikap dan disiplin yang sangat tinggi. Dan begitu juga kalau kita pergi ke negara-negara yang berjaya dalam konteks urus tadbir, ialah rakyat mereka mempunyai kesedaran sivik yang tinggi. Kesedaran inilah yang begitu juga kita

tengok masalah, sebagai contoh lagi umpamanya soal kemalangan yang banyak, laluan antara Sabak Bernam sampai ke Klang, hampir setiap hari pasti ada kemalangan. Puncanya apa sikap, sivik pengguna jalan raya itu tidak ada.

Jadi ini yang saya sebut bahawa penggunaan sejumlah wang yang benar-benar dapat merangsang satu program sama ada hendak disebut *SPIES* atau pun apa sahaja ke arah untuk memberi kesedaran. Dan untuk itu boleh jadi sebarang bentuk sumbangan kepada masyarakat saya fikir perlu sebelum daripada itu dinilai tentang aspek untuk pembinaan sivik dan juga kesedaran sikap itu sendiri. Kemudian saya juga hendak pergi kepada soal agro pelancongan sebab Sekinchan kalau cakap tentang *hub ekotourism* dia tak boleh cakap fasal Sekinchan sahaja. Kalau pantai itu cantik dia bukan pantai Sekinchan sahaja, dia memanjang sampai ke Sabak Bernam. 10 tahun yang dalu, 10 tahun dulu kalau orang buta dan pekak berjalan daripada Klang ke Sabak Bernam dia tak tahu di mana dia sampai kecuali bila dia sampai Sekinchan. Sebab apa ketika itu Sekinchan terkenal dengan bau busuk rupanya (dewan ketawa). Sekinchan terkenal dengan bau busuk, dia tahu di situ adalah Sekinchan lain dia tak tahu. Tapi sebagaimana yang Sekinchan sebut tadi, dia sudah berubah wajah tapi kalau Sekinchan sahaja Sabak Bernam terbiar begitu saja, tak boleh, tak boleh tak adil. Jadi sebab itu, ada banyak asas dan sumber *source* yang kita boleh bangunkan di Sabak Bernam. Sebab Sabak Bernam ini jadi pintu masuk dan keluar Selangor ke negeri Perak, di sebelah pantai. Kita tidak ada lagi yang kita kata *last stop centre* yang boleh diletakkan di hujung negeri Selangor untuk menyeberang ke Perak supaya jadi satu *trademark* yang cantik yang membezakan antara Selangor dan Perak, negeri Pakatan Rakyat dan negeri Barisan Nasional.

Jadi bila masuk Selangor dia tak rasa itu sebagai satu negeri yang punya satu *trademark* yang tersendiri sebagai sebuah negeri, negeri Pakatan Rakyat. Sebab itu saya fikir di situ sudah kita kena mulakan, satu *last stop centre* yang boleh jadi dapat memuatkan banyak produk-produk dan apa saja barang yang berkaitan dengan Negeri Selangor itu sendiri. Begitu juga bila bercakap tentang ekotourism juga ialah tentang keinginan saya untuk menjadikan Bagan Sungai Burong, bukan Sungai Burong Sekinchan. Sungai Burong Pancapadena dalam DUN saya sendiri. Saya lihat tepi pantai cukup cantik menjadi penggemar-penggemar petang untuk bersantai, kaki-kaki pancing untuk melihat keindahan untuk mencari hasil laut dan sebagainya tetapi keadaan sangat terbiar. Dalam keadaan tidak ada satu fokus yang betul-betul untuk jadikan ianya sebagai salah satu daripada pusat atau pun salah satu daripada tempat pelancongan. Saya sebut ini sebab Sabak ini di antara tempat ialah memanjang daripada Sungai Air Tawarlah saya bawa sekali rakan saya dari Sungai Air Tawar. Kita tidak ada pusat rekreasi, orang Sabak kalau hendak main boling pergi ke Kuala Selangor, pergi ke Setiawan, Perak. Padahal kaki-kaki boling ramai di Sabak Bernam (dewan ketawa), tapi kami yang dapat setiap kali kita ada *game* boling kelapa, boling kelapa, boling kelapa (dewan ketawa) cuba rasa sampai bila kita hendak berboling ini dengan kelapa. Yang kedua begitu juga kita hendak mandi tak ada satu kolam renang di Sabak Bernam yang boleh kita gunakan takkan sampai bila kita hendak mandi di air sungai parit 4, parit 5 itulah kolam renang yang kami ada. Kita harap itu sudah cukuplah berubahlah sedikit, bagilah sedikit peluang yang memang orang Sabak Bernam kaki renang. Orang sawah itu kalau menyelam setakat 5 minit tak timbul-timbul lagi (dewan ketawa) contoh nak tunjuk bahawa kita ada keupayaan untuk membangunkan kawasan ini. Jadi jangan biarkan kami hanya berenang di dalam air parit sahaja bagilah sekurang-kurangnya satu peruntukan yang besar kepada Majlis Daerah Sabak Bernam sebagaimana yang

disebut oleh saudara Ng Suee Lim, saudara daripada Sekinchan untuk supaya inilah kalau nak berubah kawasan luar bandar. Sekurang-kurangnya sesuailah dengan nisbah penduduk di Sabak Bernam yang minta untuk berenang, ah standard Olimpiklah, standard Olimpiklah. Sebagaimana besarnya di Klang, begitulah lebih kurangnya di Sabak lebih kurangnya.

Dan saya juga hendak menyebut tentang naik taraf jalan ini. Saya fikir 2016 Bagan Terap DUN Sabak akan berubah sedikit wajah kerana adanya Maahad Tahfiz Sains yang menempatkan di situ di tapak Yayasan IKYS dan juga ada dua tiga sekolah menengah, sekolah rendah yang ini akan datang menjadi satu tempat yang sangat baik. Tetapi masalahnya ialah perumahan, keperluan perumahan sangat mendesak di kawasan-kawasan ini dan begitu juga soal jalan yang perlu di naik taraf antara sekolah Maahad Tahfiz

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat minta duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah pun menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan Selamat Petang. Dewan disambung semula silakan Sabak jangan lebih 5 minit.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, tadi saya ada menyebut tentang naik taraf jalan dengan saya merujuk kepada satu jalan yang amat mendesak untuk di naik taraf dan juga di tambah lagi luasannya ialah antara Maahad Tahfiz Integrasi di Bagan Terap dibawa ke pekan dan sampai ke masjid sebab jalan itu akan dilalui oleh pelajar-pelajar ulang alik dalam keadaan yang sering berlaku kemalangan dan terlalu sempit. Jadi yang ini saya fikir perlu untuk dibangunkan dan saya juga hendak merujuk di dalam pejabat Menteri Besar ini ialah berkaitan dengan sejumlah peruntukkan pembangunan pengambilan tanah dan juga untuk pembangunan tanah itu sendiri.

Saya hendak merujuk dalam beberapa keperluan yang sangat mendesak antaranya ialah tanah yang pernah diserahkan kalau tidak silap saya kepada PNSB di Sungai Haji Dorani, zaman sebelum 2008 lagi dan pampasan telah pun dikeluarkan kepada penduduk dan tanah itu diambil alih Kerajaan Negeri untuk dibangunkan tetapi sampai hari ini bukan sekadar fizikal baru pun tak terasa lagi untuk dibangunkan. Jadi ini amat merugikan dalam sepatutnya dalam pembangunan telah dibuat setelah beberapa tempoh begitu lama tanah ini telah diambil alih dan pampasan telah dibayar kepada penduduk-penduduk yang terlibat jadi saya mempersoalkan ini bila lagi untuk dibangunkan tanah ini.

Begitu juga dalam konteks pembangunan tanah bila merujuk soal penduduk-penduduk di utara Selangor terutamanya di Sabak Bernam persoalan tanah ini sangat besar sehingga kalau kita perhatikan terlalu banyak boleh jadi tempat lain pun terlalu banyak PPRT terutamanya rakyat termiskin tetapi pemberian tanah kepada rakyat termiskin ini dulu hanya terletak di tanah-tanah rizab sahaja yang tidak memungkinkan untuk masa depan mereka jadikan tanah itu satu yang hakmilik yang *confident* untuk didiami diduduki dan bercucuk tanam dan untuk diwarisi oleh anak-anak cucu cicit. Walaupun sekadar untuk tapak rumah maka saya fikir sudah sampai masanya saya kira untuk kita melihat keperluan untuk meletakkan rakyat yang layak untuk mendapat tanah ini mungkin dengan strategi yang telah kita guna pakai selama ini untuk terutama dilihat dari sudut rakyat termiskin supaya tidak menjadikan tempat atau tanah-tanah rizab ini sebagai penempatan mereka sebaliknya berikan satu ruang tanah yang dapat memberikan satu kehidupan yang *confident* meyakinkan mereka terus hidup di tanah berkenaan. Dan begitu juga berkaitan dengan tanah ini adalah soal keperluan kepada belia-belia untuk membangunkan untuk terlibat sekali dalam soal persaingan apa ekonomi terutama

sekali keperluan terhadap guna tanah untuk program-program, projek-projek, yang akan dapat membangunkan kehidupan belia. Saya percaya ramai juga belia yang terlibat dalam beberapa aktiviti ekonomi mereka ada yang melaburkan tanah mereka sendiri, mereka boleh buat kolam ikan tetapi persoalannya ialah kita perlu untuk melayan ramai di kalangan belia-belia yang sangat perlu sebab itu, saya fikir Sabak Bernam yang ataupun Selangor yang selama ini kita belum ada satu mercu tanda satu *trendmark* satu program pertanian yang kita kata besar yang terpaksa menggunakan tanah yang saya fikir tanah masih ada lagi di Sabak Bernam di sebelah-belah Sungai Panjang yang mampu untuk digunakan sebab ada tanah-tanah milik Kerajaan Negeri ada yang disewakan kepada hanya kepada satu syarikat dia mengusahakan tanah untuk disewakan yang saya fikir untuk masa akan datang supaya dilihat bahawa keterlibatan belia perlu untuk sama-sama dilihat dalam soal pembangunan tanah pertanian kerana keperluan bukan sekadar mereka untuk terus tinggal di kampung tetapi juga untuk mengusahakan tanah-tanah pertanian di luar Bandar terutama sekali sebab itu kalau boleh saya hendak mencadangkan supaya satu projek beli tani untuk sekadar dalam lingkungan 500 hektar dapat disediakan kepada belia-belia.

Saya hendak juga merujuk kepada P08 juga Pertanian sebelum pertanian balik semula kepada PERHILITAN saya tengok dalam peruntukkan yang disediakan untuk PERHILITAN bagi menangani haiwan perosak RM10.00 token, RM10.00 ini antara makhluk yang gembira dengan RM10.00 ini ialah monyet dia paling gembira sebab dia rasa selepas ini dia akan bebas bergerak ke mana-mana sahaja bermaharajalela. *“Dia kata RM10.00 apa barang”* ini yang sukar kalau RM10.00 saya fikir apa yang boleh kita sedangkan inilah masalah yang bertali arus soal pertanian perosak-perosak di kawasan-kawasan Sabak Bernam luar Bandar sampai hari ini bukan mereka bukan bertambah kecil jumlah mereka tapi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tentang apa haiwan-haiwan perosak selain daripada monyet apa lagi

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI: Ialah banyak haiwan perosak di sana termasuk juga babi liar, khinzir, termasuk juga monyet banyak juga dia punya spesifik kera, lotong, bukan lontong ya lotong. Jadi saudara yang dikasihi sekalian Tuan Timbalan Speaker, saya sebut bahawa perlu dilihat juga supaya satu strategik yang terbaik yang boleh kita gunakan dan saya nak pergi ke P08 iaitu pertanian saya fikir mungkin pengalaman yang lalu permintaan dan permohonan di kalangan belia-belia juga mereka untuk mereka terlibat dalam aktiviti pertanian buat kali yang pertama sukarnya mereka untuk mencari modal sukarnya untuk mereka mencari sokongan akhirnya apabila kita melihat mereka tiada pengalaman kita terpaksa tolak

permintaan mereka sehingga mereka hilang satu motivasi untuk terlibat dalam dunia pertanian. Saya melihat ada beberapa aktiviti yang sangat menarik dan sangat berjaya ambil lah umpamanya penanaman nenas di Banting, Tanjung Sepat dan sebagainya saya lihat cukup berjaya dengan kejayaan ini bila kita serahkan program itu kepada satu koperasi yang di bawahnya ada belia-belia yang terlibat untuk terus melatih diri dalam koperasi bersama-sama jadi saya fikir boleh jadi satu strategi yang kita gunakan ialah sumbangan-sumbangan yang kita keluarkan kepada belia-belia ataupun kepada mereka yang baru menyertai baru memohon sumbangan dalam program pertanian ini kita letak di bawah satu koperasi ataupun layanan kita kepada koperasi sekurang-kurangnya dia boleh turut serta dan melatih diri bagaimana untuk mencari pengalaman bagi mereka untuk mengurus selepas daripada itu aktiviti di pertanian mereka secara bersendirian jadi ini penting supaya kita tidak banyak membazirkan sedangkan kadang-kadang kegagalan banyak ialah kerana kita berikan satu sumbangan kepada mereka yang tidak kepakaran keinginan dan pengalaman akhirnya menjadi projek "*hangat-hangat taik ayam sahaja*", "*tinggal kandang ayam sudahnya ayam tidak ada*" "*tinggalkan kandang lembu*", "*lembunya tidak ada terbiar begitu sahaja*". Ini banyak berlaku dan berkaitan saya pergi kepada soal Jabatan Pengairan dan Saliran

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sabak minta habis dalam 1 minit.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI: Ok panjang satu minit itu. Banjir sebab bumi Sabak Bernam jarang sekali untuk kita kata terlibat dengan banjir tapi sejak akhir ini sangat-sangat mendesak dan apatah lagi di belah-belah Hulu Selangor dan kedudukan tanah kalau ikut geografinya Sabak Bernam ini agak sedikit rendah apabila Hulu Selangor sekarang saya ingat sudah berapa orang dipindahkan kerana banjir airnya akan mengalir ke Sabak Bernam dan akan mengalir ke Sekinchan ini bukan sahaja mengancam pada soal penyelesaian duduk tetapi soal pertanian padi dan sebagainya akan menghadapi masalah yang besar. Yang saya perhati kadang-kadang ada kecuaiian atau kelewatan dalam pengurusan untuk membersihkan parit dan sebagainya kadang kita tak dapat beza antara parit dengan padang bola sebab rumput sama naik jadi akhirnya tidak dapat saliran air tidak bergerak sebagaimana yang sepatutnya jadi sebab itu antara punca berlaku banjir sebab itu sistem penjadualan ini perlu satu semakan kalau perlu kekerapan lagi dibuat untuk bagi menghadapi pembersihan parit-parit atau saliran-saliran yang besar yang membawa terus air buang ke sungai dan ke laut.

Akhirnya sekali saya ingin menyebut sedikit tentang saya telah membangkitkan ini secara ringkas dan ini hendak menyebut tentang Jabatan Kehakiman Syariah atau rasa keprihatinan dan juga rasa tidak puas hati tentang projek yang telah diluluskan sebelum 2008 lagi yang telah projek membina mahkamah syariah yang dibuat secara BOT kalau tak silap saya ketika itu. Tetapi apabila siap semuanya menghadapi masalah *electrical* soal *aircond*, sebagainya semua menghadapi masalah dan apabila dirujuk kepada pemaju seolah-olah pemaju lepas tangan dan

tak nak ambil jalan dan tak nak ambil jalan yang segera membaiki kerana Kerajaan Negeri telah membayar tahunan kepada pihak pemaju kerana dia secara BOT yang ini yang saya fikirkan menjadikan masalah dan Kerajaan Negeri perlu semak pemaju yang berkaitan dan perlu lihat terma-terma perjanjian siapa yang bertanggungjawab sebenarnya untuk menghadapi masalah ini dan kalau sekiranya pihak pemaju yang bertanggungjawab maka Kerajaan Negeri perlu bertegas dan kalau sekiranya kecuaiannya itu berlaku maka satu tindakan penalti dan sebagainya denda sebagainya perlu dilakukan kepada pihak pemaju yang terlibat dan boleh disenarai hitamkan supaya kita akan lihat pembangunan yang akan dibuat akan datang benar-benar satu pembangunan yang mengambil kira soal amanah soal kesungguhan dalam menjaga hak rakyat di negeri Selangor. Jadi saya fikir itu yang dapat saya sampaikan terima kasih. *Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatu.*

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Y.B. Sabak, silakan Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Timbalan Tuan Speaker, Rawang ingin turut serta dalam perbahasan Usul Pembangunan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap Ya Rawang, saya nak mengingatkan Yang Berhormat sekalian masa diperuntukkan untuk seorang 10 minit sahaja, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ok, saya akan menyentuh tentang P01, P12, P13, dan juga P14 yang lebih kepada pembangunan infrastruktur di kawasan Rawang yang saya rasa juga boleh dikaji untuk menjadi satu dasar untuk Kerajaan Negeri Selangor yang mana kita nampak sekarang isu perbandaran yang berlaku di Rawang khususnya adalah berpunca daripada pembangunan yang dibuat sebelum infrastruktur asas itu dilakukan atau dibuat. Jadi saya ingin mencadangkan supaya agensi-agensi berkenaan khususnya agensi perancang harus pantau supaya kita ada pembangunan infrastruktur sebelum pembangunan perumahan ataupun *commercial area* dengan izin, iaitu *infrastructure before development* ini yang ingin saya cadangkan supaya kita boleh mengelakkan isu-isu yang berbangkit seperti kesesakan lalu lintas dan sebagainya.

Rawang ingin memohon Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu peruntukkan khas bagi membangunkan infrastruktur asas seperti jalan, sistem pengairan dan saluran, lampu jalan, padang rekreasi dan dewan orang ramai untuk kampung-kampung yang telah ditempatkan semula. Di DUN Rawang sahaja ada 2 (dua) iaitu Kampung Sungai Bakau dan Kampung Sungai Dua yang memerlukan peruntukkan khas yang memerlukan peruntukkan khas seperti ini. Terdapat penduduk yang telah bina rumah atas rizab jalan sungai dan lot orang lain kerana tiada tanda sempadan yang jelas. Infrastruktur asas penduduk kampung ini jauh berbanding dengan kampung-

kampung yang lain. Oleh itu, saya amat berharap Kerajaan Negeri boleh menyalurkan peruntukan melalui PLB, di Pejabat Daerah Tanah Gombak untuk merancang dan membina infrastruktur untuk penduduk-penduduk kampung di kedua-dua kampung ini untuk keselesaan penduduk. Saya rasa PLB adalah agensi yang paling sesuai dan memandangkan YAB Menteri Besar menyatakan belanjawan pada tahun depan akan ada lebih banyak peruntukkan untuk pembangunan desa dan luar Bandar.

Saya memohon supaya kedua-dua kampung ini diberikan keutamaan untuk membina sekurang-kurangnya sistem jalan yang teratur untuk kedua-dua kampung ini. Rawang juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil pendekatan *infra before development* untuk mensyaratkan pemaju untuk membina dan menyiapkan infrastruktur asas seperti jalan utama dan sebagainya sebelum pembinaan projek pembangunan agar tidak menimbulkan masalah seperti kesesakan lalulintas dan sebagainya. Rawang kini pesat membangun tetapi sistem pengairan dan saliran yang sedia ada majoritinya masih dalam keadaan seperti zaman 1990-an ada *monsoon ring* yang dipinda oleh pemaju tetapi belum digazet di bawah JPS atau PBT. Ada sungai yang melalui kawasan tanah kubur dan masjid oleh pemaju terdahulu kerana banjir tetapi tidak digazet kan dan telah menimbulkan pengurusan masalah pengurusan sekarang. Justeru itu Rawang ingin memohon supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah wang untuk kajian pelan induk saliran Rawang. Memandangkan bahawa langkah tambatan banjir yang dijalankan di rawang sekarang adalah secara *piecemeal* dengan izin, yang mana langkah diambil hanya selepas banjir berlaku. Kejadian ini juga penting untuk JPS dan LUAS untuk menguruskan aset dan inventori mereka. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menambahkan jumlah peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan dan *maintenance* dengan izin, Sungai-sungai untuk setiap daerah khususnya JPS Gombak supaya boleh menjalankan kerja pembersihan sekurang-kurangnya 6 kali setahun memandangkan sekarang ini, kita menghadapi cabaran perubahan cuaca dan jumlah penurunan hujan yang luar biasa dan tinggi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang. Ada Sg.Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Y.B., Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin meminta satu petua daripada Tuan Timbalan Speaker di bawah peraturan 87. Tuan Timbalan Speaker, sekarang kita berada di peringkat usul, membahaskan usul untuk pembangunan, dan ada maksud yang terperinci di sini, P01 hingga P27. Jadi daripada ucapan Y.B. Rawang tadi dan sebelum juga, ADUN yang lain juga, lebih menyentuh pada dasar yang sepatutnya dibahas kan pada peringkat kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan B06 di mana isu-isu dasar dan permintaan boleh dibuat. Sekarang ni kita rujuk pada khusus, yang khusus P01 dan butir-butir nya ada di dalam buku anggaran perbelanjaan. Butir-butir projek-projek sudah disebut di situ, jadi sepatutnya kita menjurus ke arah projek-projek yang telah

pun dirangkakan itu supaya kita fokus pada perbahasan . Kalau tidak kita sebenarnya balik pada perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sg. Pinang. Saya ingin menyebut bahawa mana-mana projek pembangunan yang telah dinyatakan di dalam buku tersebut hendaklah difokuskan jika ada persoalan untuk penjelasan yang dikemukakan oleh Y.B. bolehlah dikemukakan dalam perbahasan dan akan dijawab oleh Kerajaan tetapi jika ada cadangan-cadangan baru boleh tetapi jangan dipanjangkan sebab perkara telah disebut dalam bajet tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih pada Tuan Timbalan Speaker. Sebab apa yang saya sentuh memang ada dinyatakan dalam buku tersebut cuma saya tak nyatakan kod tersebut . kalau ingin rujukan, saya boleh rujuk. Tentang isu pengurusan banjir kod projek 100105 5003 Projek Tambatan Banjir di Sg. Gong, Kuala Hulu, jadi ini yang saya rujuk bahawa projek-projek seperti ini adalah secara *piecemeal* jadi ini saya cadangkan kalau boleh satu kajian menyeluruh dijalankan dan Sg.Gong ini saya nampak memang perlu satu peruntukan khas untuk naiktarafkan sebab sekarang projek yang dijalankan atas tapak itu adalah sebahagian kecil sahaja. Dan saya tak nampak mungkin kita sudah selesaikan sebahagian tetapi secara menyeluruhnya kita sebenarnya perlukan satu kajian pelan tindakan. Saya mohon juga Sg. Gong ini naik taraf seluruh sepanjang Sg. Gong ini dimasukkan , kalau boleh tambahkan peruntukan dan ini satu lagi yang saya sentuh tentang program pengurusan lembangan sungai, Kod Projek 10030 menaik taraf benteng dan tebing sungai. Jadi cadangan saya adalah seperti yang dikatakan sebelum ini, kalau boleh kita punya *maintenance* dikerapkan 6 kali setahun sebab kalau ikut laporan SELCAT sebelum ini JPS masing-masing katakan mereka Cuma mampu lakukan 2 kali setahun disebabkan peruntukan Kerajaan Negeri tidak cukup. Jadi saya harap boleh ditambahkan. Dan saya dalam pengukuhan untuk tebing sungai dan sebagainya , saya juga cadangkan supaya konsep hijaukan *reserve* ataupun tebing sungai diaplikasikan dalam sebarang projek naik taraf sungai seperti apa yang dilaksanakan di Seoul Korea. Sungai dalam bandar itu sudah menjadi bukan saja satu pusat reaksi untuk rakyat tetapi juga pusat tarikan untuk sapa-sapa yang ingin berkunjung ke situ. Jadi pendekatan ini bukan saja boleh menyediakan lebih banyak ruang reaksi kepada penduduk tempatan malahan juga akan secara langsung mengurangkan insiden pencerobohan rizab Sungai JPS. Seterusnya rawang ingin merujuk kepada muka surat 194, PK 2 membina jambatan, kod projek 1002020001 tentang membina jambatan dan jejantas daerah Gombak. Jadi saya memohon penjelasan adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan khas untuk membina jambatan di atas lebuhraya PLUS NKVE yang menghubungkan jalan negeri B27 dan FT3209 Jalan Persekutuan selepas tol Rawang kerana jambatan ini telah menjadi botanik dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 198 PK4 menaik taraf jalan kod projek 1004020007 tentang menaik taraf jalan negeri B27 jalan Rawang - Batang Berjuntai Fasa 2. saya ini mengambil kesempatan dalam dewan untuk mengucapkan terima kasih atas

kelulusan peruntukan untuk projek naik taraf jalan B27 ini yang memang saya nampak sudah masanya disebabkan kapasiti pengguna jalan yang semakin meningkat. Namun ada 2 isu yang ingin saya bangkitkan iaitu sepatutnya kerja naik taraf ini disiapkan pada Disember 2015. Sekiranya melihat pada tahap kerja yang dijalankan atas tapak sekarang adalah jauh ketinggalan daripada jadual kerja yang dirancang kerana pihak saya difahamkan bahawa kerja pengambilan tanah sebelum selesai dan ini telah menyebabkan EOT perlu dikeluarkan kepada pihak kontraktor. Yang saya nampak sepatutnya isu pengambilan tanah diselesaikan dahulu sebelum kita *award*kan kerja-kerja kepada kontraktor. Jadi saya berharap bahawa Kerajaan Negeri perlu mengkaji tatacara dalam memulakan sesebuah projek seperti ini supaya isu pengambilan tanah diselesaikan dulu untuk kontraktor masuk tapak memulakan kerja mereka. Selain itu Rawang juga...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang kalau boleh tamatkan dalam satu minit.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ok saya cuma ingin sentuh yang tentang infrastruktur awam yang berkaitan dengan muka surat 66 perbandaran 10030 tentang dewan orang ramai. Sebelum ini Y.B. EXCO telah menjawab bahawa tahun depan terdapat RM500 ribu untuk menaik taraf ataupun menjaga dewan-dewan orang ramai. Saya rasa itu memang tidak mencukupi. Kalau kita tengok dengan keperluan yang ada sekarang dan saya cadangkan kalau boleh dalam projek-projek pembangunan yang akan datang kita perlu mengkaji khasnya PBT untuk mensyaratkan pihak pemaju juga membina dewan orang ramai untuk sesebuah perumahan itu. Saya nampak ini adalah satu keperluan . bukan saja dari segi pembangunan sosial dan infra tetapi kita lebih kepada menyediakan satu suasana hidup yang lebih harmoni dan *balance* untuk penduduk komuniti tempatan. Akhir sekali saya nak sentuh tentang Pasar Moden Rawang. Ini tentang perbandaran juga, bawah perbandaran. Yang mana saya mohon kalau boleh Kerajaan Negeri juga mengkaji untuk menaik taraf Pasar Moden Rawang dan Pasar Bandar Country Home Rawang. Untuk Pasar Moden Rawang khasnya, ini adalah sebuah pasar yang telah dibina pada tahun 2008 hasil daripada perjanjian penswastaan antara SAP Holdings dan juga pemaju. Tetapi sekarang pasar ini nampaknya *defect* dengan izin, dari banyak segi, reka bentuk dan infrastruktur bangunan. Sehingga sekarang banyak isu yang dihadapi oleh peniaga dan penjaja di situ termasuk paip yang selalu pecah dan meninggalkan tanda-tanda air di siling. Termasuk isu keselamatan dan sebagainya. Jadi saya harap kerajaan negeri boleh peruntukkan sejumlah wang untuk naik taraf dan menceriakan Pasar Moden Rawang ini. Sekian saja isu yang saya ingin sampaikan dan Rawang menyokong usul perbelanjaan pembangunan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Pembangkang tidak ada apa ya. Saya bagi satu untuk pembangkang dulu. Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang dalam usul perbahasan pembangunan. Saya

terus kepada *point* sebab masa 10 minit. Yang pertama sekali kita sedia maklum bahawa di Selangor ini terdapat juga pembangunan-pembangunan tanah khususnya oleh PKPS dan kita lihat di situ tugas pembangunan tapi kita lihat juga tentang pemberian input kepada pemilik-pemilik tanah di kawasan pembangunan PKPS ini. Dan saya harap ya sudah tentu bila ada pembangunan, hutan-hutan yang ditebang ini untuk pertanian, haiwan-haiwan penternakan menyeberang ke kawasan yang sedia ada dan sedikit sebanyak memberi, apa ni perkara yang kurang senanglah di mana pemilik-pemilik tanah ini mengadu masalah tentang hasil tanaman yang telah rosak. Ini mengenai dengan P0810070. selain itu baru-baru ini ya, sabak bernam dan juga Sg. Tawar telah mengalami banjir. Apa yang saya lihat adalah kerana kegagalan JPS ya, untuk mengorek parit yang sedia ada dan apabila banjir berlaku parit-parit ini tidak di selenggara dan akhirnya ia banjir kilat melibatkan juga sabak bernam di mana ia baru-baru ini YAB Menteri Besar turun dan sebenarnya bukan sahaja di kawasan Tebuk Pulau, sebenarnya merebak sampai ke Sg. Tawar. Ya saya lihat Sekinchan dah mula dikorek, hari ni saya lalu. Saya berpendapat bahawa bukan masa banjir sahaja mereka mengorek parit ini, semasa waktu kering mereka mengorek, makna taulah kedalaman parit-parit ini. Sebenarnya, itu sebenarnya seperti mana yang dinyatakan oleh Sabak Bernam dan Sekinchan. Ya di Sg. Tawar juga berhampiran dengan Perak, Bagan Datuk, di mana ekonomi perlu dijana juga. Oleh itu pembinaan jambatan menghubungkan antara Selangor Utara dan Perak perlu dipertimbangkan ya untuk penduduk-penduduk di kawasan utara lebih-lebih lagi di kawasan utara ini terdapat bandar ilmu, seperti yang saya nyatakan bahawa ada SPBI, Pusat Akauntan, Pencerap Bulan, dan Politeknik. Maka mudahlah penduduk-penduduk daripada sebelah utara untuk menghantar anak-anak mereka ke lokasi tadi. Selain daripada itu, saya dah utarakan sejak penggal yang pertama iaitu tentang pembangunan lah khususnya JKR. Ya tender telah pun dibuka tetapi setakat hari ini tidak nampak pun tanda-tanda untuk dinaiktaraf jalan, ataupun *dipreme* ataupun *dipicing*, dan akhirnya saya selalu sebut di setiap persidangan ini. Selain daripada itu seperti mana yang dinyatakan oleh Sekinchan tadi bahawa bukan sahaja di Sekinchan dan juga di Sabak ada tempat untuk beristirahat dan kita sedia maklum, di sungai tawar juga ada satu tempat iaitu Pantai BNO, saya nyatakan yang lepas-lepas di situ juga terdapat ramai penduduk-penduduk khususnya di sebelah selatan ataupun di Perak berkunjung di situ. Sambil mereka menghantar anak, mereka akan berkunjung di situ. Di samping melihat kelong, saya selalu sebut kelong-kelong ya, di situ ya, mungkin pelancongan boleh membuat satu terjahan untuk mungkin menambah baikkan kecantikan landskap di situ. Dan selain daripada itu saya juga berharap agar pihak JKR ini melihat lah juga tentang jalan-jalan seperti saya sering nyatakan iaitu jalan Sg. Tengar, bila berlaku kematian, kenduri dan sebagainya, ya sudah tentu akan mengakibatkan jam. Sebab itu jalan utama, jalan utama yang perlu diambil perhatian. Seperti yang saya nyatakan tadi, saya tak perlu bercakap panjang, nak beri peluang pada rakan-rakan untuk membahaskan pada pembangunan. Sekian terima kasih Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sg. Air Tawar. Saya persilakan Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini yang menyentuh tentang perbelanjaan pembangunan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi melaksanakan beberapa projek dan pembangunan di Selangor sebanyak RM1.134 bilion. Dan ini adalah merupakan suatu nilai ataupun angka yang besar yang meliputi ataupun yang ada 46.81% daripada jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi bajet 2015. Di awal ini saya sukalah ingin memperingatkan kepada semua khususnya kepada kerajaan sebagai pelaksana terhadap peruntukan yang telah dibajetkan ini agar perlu melihat dan mempelajari kelemahan ataupun kesilapan yang lalu seperti mana yang kita dimaklumkan bahawa sehingga November 2014 ini kerajaan hanya mampu membelanjakan sejumlah 63% daripada belanja yang diperuntukkan untuk tahun 2014 yang lalu. Maka sebab itu kita harus melihat bahawa perbelanjaan yang akan dilaksanakan pada 2015 nanti seharusnya mempelajari kesilapan dan kelemahan dan kita berusaha untuk melaksanakan pembaikan agar belanja yang telah diperuntukkan ini dapat dibelanjakan tepat pada waktunya dengan kualiti yang kita harapkan.

Saya suka merujuk kepada muka surat 65 P01 Perbelanjaan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Kod Projek 1002 yang di bawah PK2 di bawah Pembangunan Luar Bandar, projek-projek ekonomi kecil yang telah diperuntukkan oleh kerajaan berkaitan dengan 3 kategori utama yang diperuntukkan berjumlah RM14.568 juta dan ini, apakah bentuk program, adakah program ini hanya berbentuk pemberian alatan ataupun merupakan program-program latihan yang dapat membina skil mereka-mereka yang kita sasarkan. Kita tidak mahu hanya program-program dalam bentuk pemberian sahaja tanpa kita ada pemantauan ataupun kita mengambil perhatian tentang alat-alat ataupun skil yang akan dapat, oleh penerima-penerima tersebut.

Yang kedua, dengan Kod Projek 10020 (20), Pembangunan Kampung. Yang ini saya menyentuh di sini adalah keperluan latihan kepada ketua-ketua kampung dan juga JKKK di kampung Selangor ini agar mereka ini diberi latihan, pengurusan yang bermodul bagi meningkatkan kualiti pengurusan di kampung masing-masing. Maka sebab itu, penting sebagai kita meneruskan kesinambungan pemimpin di peringkat negeri supaya mereka juga, di peringkat bawahan mampu melaksanakan dasar-dasar yang lebih baik seperti mana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk itu juga, saya mengharap supaya Kerajaan Negeri melihat kembali bangunan-bangunan usang, bangunan-bangunan kerajaan seperti balai raya dan juga dewan-dewan ini agar diurus dengan baik, dengan sempurna. Kita tidak mahu melihat di era Pakatan Rakyat memerintah, bangunan-bangunan usang yang telah dibina, walaupun di zaman kerajaan Barisan Nasional tetapi apabila kita memerintah, kita tidak mahu bangunan-bangunan ini dijadikan sebagai bahan fitnah ataupun modal

yang akan membawa imej buruk kepada Pakatan Rakyat. Maka sebab itu dalam bajet 2015 ini saya mengharapkan kerajaan melihat dan membantu ketua-ketua kampung dan juga JKKK ini supaya dapat memberi peruntukan ataupun melihat kembali agar bangunan-bangunan ini dikawal selia ataupun diselenggarakan dengan wajah yang baru, *Insyaa-Allah*.

Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 69, Perkara PK6 tentang Pembangunan Usahawan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah bentuk industri kampung yang telah dikenal pasti dan apakah sasaran capaian dalam tempoh 3 tahun yang mendatang ini? Kita tidak mahu program-program yang baik seumpama ini kita tidak ada sasaran yang ingin dicapai, akhirnya wang yang kita peruntukkan berjumlah, peruntukan yang ingin kita salurkan kepada rakyat itu sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 70 tentang PK7, Sosial yang mengenai Projek Perumahan Rakyat dan saya sudah sampai waktu dan tempohnya kerajaan perlu memikirkan kaedah bagi membantu rakyat seluruh Selangor ini tak kira lapisan, kita tidak hanya tertumpu dengan membantu rakyat untuk mendapatkan perumahan kos rendah ataupun rumah Mampu Milik, kita juga ingin ingatkan kepada kerajaan bahawa di sana ada keperluan, mereka rakyat yang tidak berminat untuk duduk di kota-kota ataupun di bandar-bandar untuk duduk di rumah-rumah kos rendah ataupun rumah teres kos rendah ataupun rumah pangsa kos rendah mahupun rumah-rumah yang dikategorikan sebagai rumah Mampu Milik. Kita harapkan kerajaan juga memikirkan supaya satu program pembesaran kampung dilaksanakan agar kita pun ingin melihat supaya rakyat di kampung-kampung atau desa ini, mereka ini diberi perhatian oleh kerajaan untuk memiliki tapak-tapak rumah sekurang-kurangnya. Jadi, oleh kerana mungkin pendapatan mereka ini tidak tetap dan mereka tidak ada mempunyai slip gaji yang tertentu mereka boleh menjadikan tapak rumah itu sebagai aset untuk mereka mendirikan rumah kediaman secara berperingkat mengikut kemampuan masing-masing.

Muka surat, merujuk kepada muka surat 73, PK10 soal Pelancongan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada EXCO Pelancongan yang telah memberi komitmen dan bantuan yang begitu baik khususnya kepada DUN Tanjung Sepat yang fokus kepada mengindahkan dan menaiktarafkan pantai Batu Laut yang merupakan salah satu lokasi yang ada potensi menarik pelancong. Untuk pengetahuan tuan-tuan sekalian, bahawa pantai Batu Laut adalah merupakan kedudukan yang strategik yang menghubungkan antara Morib dan juga Bagan Lalang. Jadi, oleh sebab jarak yang begitu jauh, kita, amat bersesuaian lah agar pantai Batu Laut ini dinaiktarafkan sebagai sebuah tempat hentian ataupun sebagai tarikan pelancongan kerana di situ juga ada aktiviti menarik iaitu adalah merupakan pusat latihan perahu layar yang telah pun melahirkan anak tempatan yang telah lahir menjadi atlet antarabangsa yang dikenali ramai ketika ini. Mudah-mudahan saya rasa dengan bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2015 nanti mampu untuk memberi nilai tambah ataupun memperbaiki ataupun

merancang secara keseluruhannya pantai Batu Laut itu supaya dijadikan satu lokasi bukan sahaja sebagai lokasi tarikan pelancong malah saya mengharapkan ia sebagai satu lokasi yang dapat membantu menjana ekonomi masyarakat setempat dan juga menjadi satu tempat masyarakat berkumpul di situ melakukan aktiviti masing-masing.

Merujuk kepada muka surat 83 PK20, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Berkaitan dengan projek Bekalan Air, saya bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan subsidi air percuma sebanyak 20m³ yang bernilai RM11.40 ini. Kerana kita difahamkan pada tahun hadapan, kita akan berhadapan dengan cukai, pelbagai cukai di antaranya GST dan juga TTP. Dan ini akan menjejaskan ekonomi ataupun masalah memberikan masalah kepada rakyat tentang peningkatan kos sara hidup. Maka sebab itu, adakah, sekali lagi saya ulang, adakah kerajaan ada keinginan untuk menaikkan subsidi air percuma ini daripada 20 mungkin kepada 40 m³ air percuma kepada rakyat yang kalau kita lihat hari ini RM11.40 adakah nilai itu akan ditambah oleh kerajaan di masa akan datang? Saya ingin juga merujuk kepada 193, muka surat 193 PK1 dengan Pelbagai Rancangan yang telah dicadangkan oleh kerajaan tentang P12 merujuk kepada Jabatan Kerja Raya, tentang baik pulih penyelenggaraan. Saya memohon kepada kerajaan agar melihat juga aspek-aspek penyelenggaraan, bukan sahaja terhadap permukaan jalan ataupun *resurfacing* jalan, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan juga melihat tentang aspek penyelenggaraan tentang pembedung-pembedung ataupun atau pun *culvert-culvert* yang merentasi jalan-jalan. Kita maklum bahawa kalau tidak diselenggarakan dengan baik *culvert* ini, dia akan memberi implikasi banjir seperti kita hadapi pada ketika ini.

Saya juga merujuk kepada muka surat 195, khusus kepada Kod 10030 bagi daerah Sepang, saya mencadangkan ataupun mencadangkan kepada kerajaan agar mempercepatkan untuk membina jalan pintas Kg. Ulu Chuchoh ke KLIA. Dan ini adalah merupakan laluan yang sangat penting pada ketika ini untuk makluman sidang dewan sekalian bahawa jalan ini adalah jalan yang sangat penting sebagai alternatif daripada jalan yang sedia ada, daripada Salak ke pekan Sepang kerana pada setiap hujung minggu, jalan ini adalah merupakan laluan utama kepada penduduk-penduduk yang balik kampung ataupun mereka pergi bercuti. Jadi, kita mengharapkan supaya dengan adanya pembinaan, dipercepatkan pembinaan Jalan Ulu Chuchoh ke KLIA ini akan mampu mengurangkan masalah kesesakan dan mempercepatkan mereka untuk sampai ke destinasi masing-masing.

Akhirnya, saya juga ingin menyentuh kepada Perkara P14, merujuk kepada muka surat 231 tentang JAIS, saya mengharapkan dengan peruntukan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan sebanyak RM95.5 juta bagi pembangunan yang dilaksanakan oleh jabatan ini, saya merasa kalau inilah jumlah yang begitu besar dan keadaan telah kita lihat bagaimana prestasi yang telah ditunjukkan oleh hasil .. dalam tempoh 11 bulan yang lalu, maka saya mencadangkan di dalam dewan yang

mulia ini supaya kerajaan mewujudkan unit pembangunan yang diketuai oleh seorang jurutera khusus bagi memantau dan melihat sendiri pembangunan-pembangunan yang dicadangkan oleh kerajaan supaya kita mahukan supaya apa yang telah diperuntukkan dalam bajet tahun tersebut akan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan kita tidak mahu projek-projek ini terbengkalai ataupun melewati masa yang telah ditentukan.

Maka sebab itu, akhirnya sekali lagi saya ingin merayu dalam dewan yang mulia ini bagi pihak rakyat Tanjung Sepat memohon kepada pihak kerajaan supaya sama-sama membantu menaikkan aktiviti-aktiviti ekonomi sebagai sumber pendapatan utama rakyat tempatan di sana kerana mereka ini bergantung harap kebanyakannya adalah petani-petani ataupun masyarakat desa yang bercucuk tanam dan juga mereka ini sebahagiannya juga sebagai nelayan menangkap ikan sebagai pendapatan utama. Maka sebab itu saya memohon kerajaan sekali lagi agar menjadikan aktiviti-aktiviti lain terutama tentang *Eco-Tourism* yang berkaitan *Eco-Tourism* yang sekarang ini kita dimaklumkan banyak di sana ada *homestay-homestay* yang tidak diurus dan perlu bantuan daripada kerajaan supaya dengan adanya *homestay-homestay* yang terurus ini dan cantik, kita mahu rakan, penduduk di sana akan dapat meningkatkan ekonomi tempatan masing-masing tanpa mereka keluar daripada desa mereka. Yang keduanya tentang jeti..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Panjang sayang Tanjung Sepat. Bagi ayat terakhir.

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: 1 minit..1 minit. Saya di kesempatan ini, di sana, Tanjung Sepat ada satu jeti yang membawa sejarah pada diri saya sendiri tuan-tuan sekian supaya, dan juga ia menjadikan tarikan pelancong supaya kerajaan mengambil perhatian di sana agar dapat membina semula jeti yang telah runtuh pada tahun 2013 yang lalu dan dengan ini saya ucapkan terima kasih dalam dewan ini, mudah-mudahan kerajaan dapat memberi perhatian cadangan-cadangan, teguran-teguran yang saya utarakan tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Timbalan Speaker. Sri Andalas akan ambil bahagian di dalam usul bajet Peruntukan Pembangunan dan saya nak sentuh kepada muka surat 205 B13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Saya ingat banjir ialah satu isu yang besar di dalam negeri Selangor. Baru-baru ini, hari ini pun banjir juga di beberapa kawasan di Selangor, Hulu Bernam dan juga Sepang dan sebagainya. Saya doa Kajang dan Sri Andalas tiada banjir. (Dewan ketawa). Sebab kita sekarang, Adun-Adun ini kita kalau hujan lebat, kita tak boleh tidur, ya. Masalah banjir ini, satu masalah besar di dalam negeri Selangor dan saya tengok perbelanjaan kita ialah RM47 juta keseluruhan negeri Selangor dan program-program yang ada di dalam buku bajet

kita PK1 muka surat 211 untuk Pengurusan Banjir, seluruhnya kita akan belanja RM29 juta. Ini ialah Jawatankuasa EXCO berkenaan yang ada mesyuarat dengan JPS. Malangnya yang saya tahu, kalau silap minta maaf ya, mereka telah ada pertemuan sekali sahaja untuk tahun yang lepas, tahun ini lah, jawatankuasa ini. Tapi kita minta kerajaan untuk teliti dengan kedalamannya isu banjir di dalam negeri Selangor, saya sokong cadangan dari Kajang untuk mengadakan satu jawatankuasa khas ataupun *standing committee* untuk banjir di dalam Negeri Selangor untuk kita semua ADUN-ADUN Tempatan dan ADUN-ADUN yang ada khususnya masalah banjir di dalam kawasan kita boleh atasi dengan perbelanjaan kita mesti kena gunakan *reserve* yang kita ada sebab banjir ini satu isu yang besar. Kalau pelancong tak datang kepada Sekinchan tak apa, kalau rumah *you* naik air susah, itu jawapan kita untuk jawab penduduk-penduduk dalam kawasan bila kelulusan satu taman di buat oleh Majlis Tempatan dan sebagainya mereka beli rumah bukan anggapkan rumah ini akan banjir. Sekarang masalah itu telah pun kita hadapi di dalam Negeri Selangor dan sebab itulah ya saya minta kerjasama dari EXCO dan Menteri Besar untuk kaji semula banjir ini dalam Negeri Selangor satu peruntukan khas kena ada dalam tempoh 3 tahun ini tempat-tempat yang selalu banjir ini ada masalahnya macam mana kita hendak atasi masalah ini kita kena bagi *priority* kepada kawasan-kawasan ini dengan perbelanjaan yang lebih yang katakan lebih RM47,000,000.00 ini. Kalau tengok buku ini permintaan dari JPS untuk atasi masalah banjir yang bertanya oleh mereka banyak sekali tapi peruntukkan yang dibagi oleh Negeri sangat kecil di muka surat 215 sebagai contoh kod PK 202 Daerah Klang, penaikan taraf sistem saliran di Teluk Menegun Mukim Klang dia minta RM4,800,000.00 tapi yang diberikan oleh Kerajaan RM2,370,000.00 bagi jugalah bukan tak ada tetapi itu bukan akan selesaikan masalah dalam di dalam kawasan. So saya punya hujah pada hari ini satu sahaja iaitu banjir saja dalam Negeri Selangor, lain-lain semua saya punya rakan-rakan saya sudah bawah juga beberapa isu semua saya bersetuju dengan mereka kasi ini tetapi saya desakan Kerajaan Negeri Selangor untuk wujudkan satu jawatankuasa khas untuk banjir untuk kita atasi masalah di dalam Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sri Andalas, saya bagi Kuala Kubu yang ada masalah banjir sekarang ini. Kuala Kubu sila.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker yang memberikan ruang kepada saya. Saya memang nak mulakan tentang kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan Ulu Bernam. Ia bukan terletak di kawasan DUN Kuala Kubu Baharu tapi sebagai wakil rakyat tunggal Pakatan Rakyat saya juga turun ke Ulu Bernam tadi. Tuan Timbalan Speaker, banjir kali ini memang lebih teruk jika dibandingkan dengan banjir yang pernah berlaku pada kawasan tersebut pada tahun 1971. Terdapat 8 kampung dilanda banjir dan melibatkan lebih 200 orang mangsa dan 60 buah rumah. Kita memang ada projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Bernam yang merupakan satu projek yang Rancangan Tebatan Banjir untuk kawasan tersebut yang bagi tahun 2015 peruntukan untuk Rancangan

Tebatan Banjir tersebut ialah RM1 juta tetapi tidak termasuk kawasan yang melanda banjir pada malam tadi. Jadi inilah adalah tugas Kerajaan Negeri untuk menyemak semula Projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Bernam yang di mana skopnya kena diperluaskan untuk meliputi kawasan banjir malam tadi. Kawasan banjir malam tadi juga bukanlah suatu perkara yang senang untuk diselesaikan kerana ia melibatkan sungai berkeluk-luk dan kalau sungai itu kita katakan diluruskan ataupun diperbesarkan maka Sabak Bernam akan banjir dengan terus tak payah hendak tunggu sampai hari ini baru banjir. Saya difahamkan Sabak Bernam hari ini air sungai dah naik dah hampir-hampir nak banjir sebab sungai itu berkeluk-luk jalan lambat sikit ke Sabak Bernam tapi kalau kita besarkan sungai di Sungai Bernam sana di Ulu Bernam sana ertinya semalam Sabak Bernam akan banjir. Jadi ini adalah perkara yang rumit saya serahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengkaji dan menyemak semula.

Tuan Timbalan Speaker, isu yang seterusnya berkaitan dengan air tetapi ialah penstrukturan air yang mana Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan sebarang sen untuk pemberian air percuma bagi tahun 2015. Saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai perkara ini dan kaitannya dengan projek bekalan air diperuntukkan RM52 juta dan juga terdapat pinjaman sebanyak RM184 juta bagi tahun 2015. selain daripada itu saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberi gambaran yang lebih jelas kepada Dewan yang mulia ini mengenai butiran pengurusan air yang sebanyak RM500 ribu, adakah ia berkaitan dengan hasil negeri iaitu bayaran konsesi tahunan SYABAS yang dianggarkan sebanyak RM6 juta dan bayaran sewa tahunan untuk konsesi air yang dianggarkan sebanyak RM2.7 juta bagi tahun 2015.

Tuan timbalan Speaker saya menyambut baik peruntukan penyelenggaraan jalan kampung di bawah pembangunan luar bandar yang berjumlah RM12,000,000.00 bagi tahun depan. Saya ingin menyampaikan hasrat orang kampung kepada Kerajaan Negeri iaitu jalan kampung perlu ada lampu jalan. Saya pernah mendapat permintaan daripada satu mukim sahaja di mana ia memerlukan 90 unit lampu jalan dan saya rasa ini adalah munasabah memandangkan kes samun juga berlaku di kampung sekarang. Dengan adanya lampu jalan maka penduduk kampung boleh berwaspada sekiranya terdapat orang yang tidak dikenali berada di kawasan berhampiran mereka. Selain daripada itu Orang Asli juga meminta lampu jalan kerana murid-murid perlu berjalan kaki ke tempat menunggu van untuk ke sekolah pada awal pagi sebelum matahari terbit. Jalan Kampung Orang Asli adalah terlalu kecil dan hanya van yang boleh masuk dan dengan keadaan yang sedemikian saya berharap peruntukan kepada Kampung Orang Asli juga mempertimbangkan lampu jalan mungkin berbentuk solar di pasang di kawasan Kampung Orang Asli. Tuan Timbalan Speaker, ada juga jalan yang tidak memerlukan lampu jalan iaitu Jalan Pertanian. Saya amat kecewa Jalan Ladang di Hulu Selangor di bawah program Pengairan dan Saliran Pertanian hanya mendapat peruntukan RM10.00 bagi tahun 2015. Saya ingin memaklumkan dewan yang mulia ini bahawa terdapat banyak

jalan masuk ke kebun kecil di Hulu Selangor dan ianya teruk dan ia merupakan satu halangan untuk mempromosikan agro pelancongan yang semakin mendapat sambutan hangat.

Saya juga menyentuh peruntukan pembangunan Muzium Daerah di bawah Adat Melayu Warisan yang sebanyak RM350,000.00. Hulu Selangor yang kaya dengan sejarah tetapi masih belum mempunyai sebuah Muzium Daerah. Saya bersama Persatuan Sejarah Kuala Kubu pernah berbincang dengan Pegawai Daerah bagi cadangan membaik pulih rumah DO untuk digunakan sebagai Muzium Daerah. Mengikut sumber daripada Arkib Negara Malaysia, nama Ampang Pecah berasal dengan satu kisah Lagenda Buaya Putih di mana kedegilan seorang Pegawai Inggeris telah menembak seekor buaya putih yang di situ akibat daripada itu beliau membunuh buaya tersebut maka berlaku satu banjir besar, buaya tersebut berlaku satu banjir besar di mana telah memusnahkan empangan yang telah dibina oleh penduduk daripada batang-batang kayu dan ditambah dengan tanah merentangi Sungai Kubu iaitu anak Sungai Selangor. Begitu juga dengan pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British Henry Gurney yang berlaku di Bukit Fraser pada tahun 1951, beliau ditembak mati oleh pihak Komunis dan kereta yang dinaikinya pada masa itu terdapat kesan tembakan sebanyak 35 lubang peluru. Saya bukan nak cadangkan untuk mengambil balik kereta tersebut daripada Muzium Pulau Pinang tetapi kesan-kesan sejarah yang berkaitan boleh dipamerkan sekiranya terdapat Muzium Daerah Hulu Selangor. Dengan ini saya memohon agar peruntukan pembangunan muzium di salurkan untuk merealisasikan Muzium Daerah Hulu Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, terdapat sebuah Rumah Kerajaan yang perlu dibaiki pulih iaitu Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman di Bukit Fraser. Mengikut pertanyaan bertulis pada bulan Jun perancangan untuk memperbaiki kerosakan besar seperti penukaran kertas dinding *wallpaper*, saluran air hujan, kebocoran *ceiling*, sistem pendawaian elektrik, penukaran karpet dan mengecat rumah telah dimasukkan dalam permohonan bajet bagi tahun 2015 akan tetapi saya tidak dapat cari butiran memperbaiki Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman dalam anggaran perbelanjaan 2015. Keadaan rumah rehat tersebut perlu dipelihara kerana nilai sejarahnya apa entah lagi tempahan untuk sewaan rumah rehat tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan. Saya juga mendapat aduan bahawa *housekeeping* dengan izin di rumah rehat itu kurang memuaskan. Saya harap Kerajaan Negeri boleh mengambil berat hal ini supaya rumah rehat yang memang indah pemandangan ini juga memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengunjung. Tuan Timbalan Speaker, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Taman Medan juga ingin bahaskan Usul Pembangunan Tahun 2015.

Perkara pertama adalah berkaitan dengan di bawah tajuk P1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan berkaitan dengan pembinaan Flat Kos Rendah yang tertangguh iaitu di Blok A Petaling Utama iaitu di mana dalam proses rundingan pembinaan blok tersebut Kerajaan telah menawarkan bagi mereka yang beberapa kategori ataupun pilihan dan salah satunya adalah tawaran unit di Lembah Subang 2 jadi sehingga kini pemilik atau pembeli unit-unit Blok A yang telah memilih *option* tersebut tidak mendapat apa-apa maklum balas. Jadi saya mohon pihak Kerajaan memberi status perkembangan tawaran tersebut. Kedua, kini sedang berlaku projek pembangunan di bawah Kerajaan Pusat iaitu Greater KL menaiktarafkan sistem pementungan di seluruh kawasan Petaling Jaya. Projek penaiktarafan sistem pementungan ini menyatukan beberapa LRK ataupun Loji Rawatan Kumbahan menjadi satu. Jadi selepas penyatuan LRK-LRK tersebut tanah-tanah yang sebelum ini digunakan sebagai pusat loji rawatan kumbahan akan diserahkan kembali kepada sama ada Kerajaan Negeri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan, dengan itu Taman Medan ingin mohon tapak-tapak yang diserahkan kembali itu dijadikan sebagai taman-taman ataupun tapak-tapak rekreasi khususnya di kawasan-kawasan yang kurang prasarana berkaitan.

Perkara ketiga adalah berkaitan dengan pembinaan sebuah hospital awam di Petaling Jaya. Taman Medan telah pun membangkitkan perkara ini dalam sidang yang lepas. Memandangkan kemudahan hospital awam tidak ada di kawasan ataupun di Petaling Jaya adalah didapati ramai penduduk di Petaling Jaya di dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana rendah yang memerlukan perkhidmatan hospital awam sebab apa yang terdapat di kawasan Petaling Jaya hanyalah hospital-hospital swasta yang mengenakan caj tinggi bagi golongan yang kurang bagi mereka yang golongan berpendapatan rendah sudah tentu tidak mampu untuk mendapat rawatan yang sebaiknya. Dengan itu, Taman Medan mohon supaya pihak kerajaan mempertimbangkan pengambil..pengambilan balik tanah bagi memuatkan ataupun membina sebuah hospital awam yang memberi perkhidmatan di kawasan berdekatan dengan tempat yang ramai penduduk yang berpendapatan rendah khususnya di DUN Taman Medan dan juga Seri Setia. Perkara keempat adalah...berkaitan dengan bawah P14..silap P13 – Jabatan Pengairan dan Saliran. Pada masa sekarang terdapat rizab sungai..err Klang yang telah disalahgunakan dan ia telah menjadi satu tempat ataupun tempat pembuangan sampah haram. Dengan itu, Taman Medan mohon supaya JPS dapat berbuat sesuatu dengan segera memandangkan tapak tersebut sudah beberapa kali berlaku kebakaran yang berhari-hari dan malahan ada yang berminggu-minggu. Dengan itu, sebelum itu terdapat sebahagian tapak tersebut telah diwartakan sebagai tapak perkuburan. Jadi..saya berharap perkara ini dapat disegerakan supaya pembersihan yang dilakukan sebelum ini tidak...tidaklah menjadi satu perkara yang merugikan kerana dibiarkan begitu lama mendatangkan masalah yang sama semula. Maksud saya..tapak tersebut walaupun telah dibersihkan bila ditinggalkan telah datang semula operator-operator yang membuang sampah. Jadi usaha Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menelan belanja ratusan ribu ringgit untuk membersihkan

tapak tersebut kini tidak mendatangkan apa-apa faedah malahan kerugian kerana tindakan yang agak lambat. Untuk mengguna pakai rizab Sungai Klang tersebut. Jadi rizab sungai yang saya maksudkan ini adalah di sepanjang PJS1, 2, 3 dan 4 dan juga di dalam DUN Kinrara juga..terbabit juga. Kemudian, saya juga mohon pihak...saya tak pasti sama ada ini duduk di bawah JPS atau tidak tapi ada sebuah bekas lombong di PJS3...Lombong Seri Manja yang telah ditimbus ataupun sudah *reclaim* tapi kini ia timbul masalah yang baru. Sebelum ini segala air yang mengalir ataupun saliran di kawasan persekitaran disalurkan ke dalam lombong..bekas lombong tersebut. Apabila lombong tersebut sudah ditimbus sekarang ini kawasan di sekitar menghadapi masalah banjir disebabkan tidak ada saluran yang betul-betul mengalirkan ya..segala sumber-sumber air yang lain tu ke dalam Sungai Klang. Jadi saya mohon pihak yang berkaitan untuk membina parit-parit bukan *earth drain* sebab apa masalah ini tidak menyelesaikan masalah banjir sebab buat masa ini memang ada *earth drain* ataupun parit tanah ya. Tetapi setiap kali hujan maka parit tanah tersebut..tebing-tebingnya runtuh. Jadi ia tidak membantu menyalurkan air tersebut ke dalam Sungai Klang. Jadi saya mohon pihak yang berkuasa untuk mengatasi masalah banjir ini dengan mula membina parit yang konkrit supaya aliran air daripada seluruh kawasan sekitar itu dapat disalurkan terus ke dalam Sungai Klang. Dan perkara seterusnya...berkaitan dengan P1 juga ya...sekejap..berkaitan dengan perkhidmatan masyarakat. Terdapat sebuah Gurdhwara yang berada di atas rizab sungai yang perlu dialihkan. Hanya permohonan pihak Gurdhwara untuk mendapat tapak bagi dia berpindah ya...tapak yang berdekatan tidak mendapat apa-apa maklum balas daripada pihak yang berkaitan kerana rezab sungai ataupun tapak yang sedia ada ini akan digunakan untuk pembangunan kubur tersebut..yang saya sebut sebentar tadi. Jadi saya mohon..permohonan pihak Gurdhwara ini disegerakan kerana ia akan melibatkan perpindahan sebuah Gurdhwara yang telah pun membelanjakan sejumlah wang untuk mereka telah besarkan Gurdhwara tersebut. Jadi...dan akhir sekali..saya mohon pada pihak kerajaan untuk memastikan ya kenal pasti tapak-tapak perniagaan yang dibangunkan secara bersistematik. Sebab apa yang berlaku pada waktu ini ramai khususnya di kawasan saya..ramai yang membuka gerai-gerai dan tempat-tempat perniagaan sementara. Jadi ini menimbulkan kacau ganggu ataupun kesesakan lalu lintas di kawasan-kawasan tersebut. Jadi saya mohon supaya tapak-tapak gerai ini..dapat diselaraskan dikumpulkan di satu tempat dan disediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air dan elektrik dan juga perkhidmatan sisa pepejal...pengutipan sampah ya. Jadi ini akan memberi satu pemandangan yang lebih enak untuk dilihat dan juga memberi keselesaan kepada peniaga dan juga pelanggan yang berkunjung ke tempat-tempat ataupun ke gerai-gerai tersebut. Yang tadi bukan akhir ya..yang ini *Insya-Allah* yang terakhir. Berkaitan dengan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Medan, boleh tak akhir?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Ini akhir sebab kawasan saya memang ada banyak isu yang saya nak bangkitkan. Tapi ini antara perkara yang

saya ingin perhatian daripada pihak kerajaan. OK. Yang terakhir adalah bawah PK Sosial...bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Saya ingin mohon kepada kerajaan untuk peka terhadap keperluan wanita yang berkerjaya ya. Apabila wanita keluar untuk bekerja, mereka terpaksa meninggalkan anak-anak mereka kepada pengasuh..pengasuh ataupun di pusat-pusat jagaan anak-anak. Jadi saya mohon sistem sokongan ini dapat dijaga kualitasnya supaya wanita yang keluar bekerja ini tidak mengorbankan ya..masa depan anak-anak mereka kerana mereka tinggalkan anak mereka kepada mungkin pengasuh yang tidak ada pengalaman..tidak memberi pengisian ya..yang sepatutnya dari segi *content* penjagaan anak-anak tersebut. Jadi, ini tidak akan mendatangkan keuntungan kepada Negeri Selangor khususnya jadi mohon supaya sistem sokongan penjagaan anak-anak itu dijaga dari segi kualitasnya dan juga tempat-tempat yang menawarkan perkhidmatan tersebut itu di merata tempat mendapat pengiktirafan daripada pihak yang berwajib. Jadi dengan itu Taman Medan menyokong usul pembangunan..usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2015. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Seri Serdang dulu.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Merujuk kepada pembangunan bawah 2015, yang pertama Program SPIES, P01PK7 – Sosial Program SPIES peruntukan RM3 juta. Untuk menjadikan program SPIES yang telah sinonim di kalangan masyarakat Selangor, Seri Serdang ingin mencadangkan agar diperluaskan di masjid-masjid, di tokong-tokong dan di kuil-kuil agar ia selari dengan *mission* dan *vision* Kerajaan Negeri dengan izin mencapai Negeri Maju '*Rahmatallil Alamin*'. Walaupun SPIES ini telah dikenalkan lebih kurang empat tahun yang lalu tetapi kita cuba...Seri Serdang ingin mencadangkan agar dipertingkatkan kualiti SPIES. Yang kedua, Pembangunan Wanita. Program Memperdayakan Wanita Memberdayakan Wanita dan Keluarga, peruntukan RM1 juta telah sedia maklum 50% pengundi adalah di kalangan wanita. Jadi Seri Serdang ingin memohon keberkesanan penglibatan wanita harus kita hargai dengan memberi peluang pekerjaan terutama kepada ibu-ibu tunggal dan ibu-ibu yang kena tinggal serta ibu-ibu yang suami mereka berpendapatan rendah. Dan Seri Serdang berharap kerajaan menyediakan *line* khas Jom Kerja untuk golongan seperti ini. Yang ketiga, pembangunan pendidikan. Kod 2003 – Bantuan Sekolah Agama, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Seri Serdang menyarankan agar sekolah agama KAFA, buat masa ini peruntukan RM5,000.00...setiap SAR (Sekolah Agama Rendah), Seri Serdang mencadangkan agar dinaikkan RM10,000.00 minimum dan mengikut jumlah pelajar untuk dinaikkan yang berpatutan. Begitu juga yang keempat berkenaan Skim Kesihatan Wanita dan berharap agar EXCO Wanita telah pun menjalankan tanggungjawab dengan baik mengadakan rawatan mammogram yang telah pun berlalu beberapa tahun yang lalu dan Seri Serdang ingin memohon agar pembangunan wanita menyediakan pakar kaunseling untuk wanita-wanita bermasalah dan sediakan khidmat guaman percuma untuk agar memudahkan

permasalahan ibu-ibu ini diselesaikan dengan mudahnya. Yang keempat berkenaan dengan pembangunan sekolah-sekolah agama. Bila kita lihat untuk bajet untuk sekolah agama ini tidak disenaraikan sekolah menengah Cuma Maahad Tahfiz Integrasi sahaja dalam senarai sedangkan 23 buah sekolah itu prasarananya di bawah JAIS. Apabila kita perhatikan pembangunan sekolah terutama yang saya fokus dua buah sekolah terkenal di peringkat sekolah agama menengah iaitu Sekolah Bestari dan SAMTAJ keadaan sekolah begitu uzur dengan anai-anai yang menyerang di peringkat asrama dan juga di lab-lab komputer, pihak sekolah terpaksa menampung dengan ribuan ringgit yang tidak mencukupi untuk kelengkapan tersebut. Apa yang dimaklumkan oleh pihak sekolah untuk makluman para-para dewan yang hadir berdebat pagi ini dan pada petang ini, sekolah ini walaupun MOU dengan Kerajaan Pusat tetapi masih memerlukan bantuan daripada peringkat Kerajaan Negeri. Begitu juga kita nampak di SAMTAJ di Shah Alam, Pengerusi PIBG nya Anggerik ya..Kota Anggerik tu begitu uzur juga dan apa yang dikhabarkan sama macam Bestari juga. Itu yang kita nampak di depan mata ya...yang kita tak nampak belum tau di dalam dia macam mana. Dekat SAMTAJ tak pasti sangat lah. Tapi Bestari *Insyaa-Allah* Timbalan Speaker...Tuan Timbalan Speaker begitu uzur.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Siapa yang uzur tu? Sekolah ke Kota Anggerik?

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Bangunan..bangunan..bangunan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Kota Anggerik. Nak tanya apa?

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Haaa...dia nak menyampuk tentang SAMTAJ. Silakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya bangga SAMTAJ sebab Timbalan Speaker adalah Alumni SAMTAJ kena bantu sekolah tu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Sambung Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih. Kota Anggerik dia memang. Dia selalu *support* sikit. Yang seterusnya berkenaan banjir ya...tapi Seri Serdang ingin menyatakan bahawa Seri Serdang ini dah sinonim dengan kawasan banjir. Sekarang tambah pula di Batu 14 dan juga di kawasan Seri Aman yang diperkatakan banjir tidak berhenti-henti kerana...dengan pembangunan LRT sedang dijalankan. Jadi diharap pihak pasarana, PBT, JPS dapat membantu secepat mungkin kerana kalau diikutkan..saya setuju dengan apa yang disarankan oleh Kajang supaya menyediakan satu *task force* banjir dan peruntukan banjir yang kita perlukan pada DUN-DUN yang sentiasa mengalami banjir setiap tahun. Saya rasa sepertimana yang dikatakan Seri Andalas, Seri Muda yang berseri-serilah selalunya tak berseri bila hujan lebat kami memang

tak berseri lagilah keadaan murung sebab perbelanjaan perlu dikeluarkan untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini. Jadi, Seri Serdang tidak mengambil panjang cuma penglibatan Seri Serdang ingin menyuarakan melaksanakan apa yang disebut. Jadi Seri Serdang menyokong sepenuhnya atas Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Timbalan Speaker. Selat Klang...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nanti sekejap..nanti sekejap. Saya nak ambil perhatian Yang Berhormat sekalian sekiranya nak bangkitkan isu banjir lagi yang bersifat umum tak perlulah melainkan ada yang sangat spesifik dengan kawasan yang memerlukan perhatian tetapi jangan di luar bajet yang dicadangkan oleh kerajaan pada petang ini. Saya persilakan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menyentuh P01, P12, P13. Yang pertama saya ingin merujuk kepada muka surat 83 dan meminta penjelasan Kerajaan Negeri tentang...102000 – Merakyatkan Ekonomi Selangor, 08 – Pemberian Air Percuma. Saya mendapati bahawa yang peruntukan adalah '0'. Nak minta penjelasan daripada kerajaan sama ada peruntukan untuk air percuma telah diambil kira di bajet ini. Dan juga ingin meminta penjelasan Kerajaan Negeri tentang 09 – Projek Bekalan Air...di mana Kerajaan Negeri memperuntukkan RM52.43 juta dan kerajaan dari Persekutuan ataupun pinjaman kita dapat ialah RM184.5 juta. Saya nak tanya sama ada peruntukan ini akan dibelanjakan selepas penstrukturan semula ataupun semasa sekarang kita boleh membelanja sebab saya bimbang di mana penstrukturan semula kalau kita habiskan pada September kita tidak akan ada masa untuk membelanja semua peruntukan yang begitu besar ini. So, minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Dari isu air di projek bekalan air ini saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa bukan sahaja kita '*look at the supply*' dengan izin tapi juga kita kena '*on the demand side*' dengan izin sebab mengikut statistik sekarang ini rizab air terawat di Selangor adalah di sekitar 1% sahaja berbanding dengan 20% yang seperti yang dicadangkan oleh Bank Dunia. Air terawat...rizab air terawat. Ini berbeza dengan air mentah ya. Dari..dari segi pembangunan saya sangat bimbang apabila kita ada banyak pembangunan kita boleh membuat banyak projek tapi yang sangat penting itu sumber air. Tetapi saya ada lihat laporan daripada '*The Edge*' bahawa terdapat 781 projek pembangunan di Selangor ditangguhkan kerana tidak ada air yang dirawat yang mencukupi. Daripada 781 projek ini, 325 adalah komersial, 300 domestik, 88 industri, 53 pembangunan bercampur dan 9 institusi. Projek-projek ini akan memberi pembangunan daripada *private sector* dengan izin. Yang ini memerlukan 700mld. Saya ingin memohon pengesahan daripada kerajaan adakah laporan ini benar? Jikalau ia benar ini bermaksud kita kena ada satu pelan yang baik sebelum penstrukturan semula air dimuktamadkan. Saya ada satu cadangan kepada Kerajaan Negeri dalam projek bekalan air ini iaitu kita kena melancarkan kempen jimat air yang besar-besaran. Sekarang penggunaan air domestik Selangor 'per

capital' ialah 235 liter sehari. 235 liter sehari adalah 40% lebih banyak daripada apa yang disyorkan oleh WHO. WHO syor 165 liter '*per day*'. So, kita ada banyak '*room of improvement*' dengan izin. So, ini bermakna orang di Selangor ataupun Malaysia kita menggunakan air 40% lebih banyak daripada apa yang disyorkan oleh WHO ataupun '*average*' orang lain. Kalau kita boleh mengurangkan permintaan air daripada 235 kepada 200 liter '*per day per capital*' dengan izin, kita boleh sudah boleh mencapai margin rizab yang lebih banyak tanpa...tanpa membuat apa-apa untuk meningkatkan bekalan air. So, saya cadangkan supaya apabila kita menunggu penstrukturan semula yang kita tidak boleh buat apa-apa untuk paip ke apa, kita buat kempen jimat air, kita turunkan *demand for water* dengan izin supaya kita dapat meningkatkan rizab air dan seterusnya kita dapat memberi sumber air yang lebih banyak untuk pembangunan-pembangunan swasta. Saya juga cadangkan supaya Kerajaan Negeri melihat sama ada kita boleh ada satu skim insentif dalam projek bekalan air ini supaya kita menggalakkan peralatan cekap air *efficient water instrument* or..ataupun penggunaan *grey water* di bangunan-bangunan. Seterusnya saya ingin merujuk kepada P12 dan P13 iaitu JKR dan JPS. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini dengan perbelanjaan JKR dan JPS. Secara keseluruhannya JKR membelanja RM115 juta untuk pengurusan, RM320 juta untuk pembangunan iaitu bermaksud JKR '*every RM2.00 they spent they use RM1.00 for administration*'. Nisbah pengurusan pembangunan ialah RM2.00 kita buat untuk pembangunan RM1.00 untuk pengurusan. Ini saya kira OK. Tapi kalau kita tengok JPS. JPS ini sangat membimbangkan sebab peruntukan untuk mengurus RM88.9 juta. Tetapi apa yang wang...jumlah yang mereka gunakan untuk pembangunan...projek pembangunan ialah RM47 juta. Ia bermaksud nisbah setiap RM1.00 kita belanja untuk pembangunan kita kena belanja untuk pengurusan. Ini amat membimbangkan. Saya berasa bahawa JPS kalau kita bandingkan dengan JKR, JPS sepatutnya boleh mengendalikan lebih banyak projek pembangunan dari segi nisbah sahaja. So, saya dengan ini saya menyeru kepada kerajaan supaya melihat semula peruntukan untuk JPS samada kita nak meningkatkan lagi pembangunan peruntukan untuk JPS secara keseluruhannya sebab dari segi pengurusan kita nampak dia akan...dia boleh mengendalikan pembangunan seperti sedemikian. Sebagai contoh, yang saya nak menarik perhatian ialah di kawasan saya PK2 – Menaiktaraf Sistem Saliran di muka surat 215, 10020 – Program Menaiktaraf Sistem Saliran, Daerah Petaling 10001 – Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Sungai Kayu Ara Fasa 4 yang berjumlah RM9.3 juta. Saya sudah berulang-alik membangkitkan isu ini sejak tahun lepas. Tetapi JPS tidak memperuntukkan sekarang peruntukan masih RM10.00 sahaja. So, Sungai Kayu Ara, Y.B. EXCO Bukit Lanjan, ada banyak Sungai Kayu Ara, banyak kawasan sudah terjejas dengan Sungai Kayu Ara yang tidak diselenggara dengan betul. Di kawasan saya, di Kampung Cempaka...banjir sebab *back flow* dengan Sungai Kayu Ara ini. Saya sudah tulis surat berkali-kali kepada JPS Selangor, JPS Persekutuan, saya tulis surat ke KSSB juga untuk mereka mengeluarkan kelodak tetapi tak ada apa-apa yang kita dapat sehingga sekarang. Saya memang bimbang bahawa kita ada banyak rizab, kita ada pengurusan yang cukup tetapi pembangunan itu projek

sedemikian yang sudah banyak berkali-kali kita tulis surat masih belum dapat peruntukan daripada JPS. So, dengan ini saya mohon makluman daripada Kerajaan Negeri, saya berharap bahawa kita tidak menunggu sehingga tahun depan baru boleh memperuntukkan sedikit perbelanjaan untuk Sungai Kayu Ara. Sebab ini 20 tahun masalah sudah bertahun-tahun. Saya memohon Kerajaan Negeri supaya mengambil maklum masalah Sungai Kayu Ara ini. Dengan ini, Damansara Utama menyokong usul pembangunan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi dua wakil pembangkang dulu kalau ada. Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Oleh kerana masa, maka saya terus sajalah ya..untuk sama-sama mengambil bahagian dalam pembentangan peruntukan pembekalan..apa ni pembangunan. Tuan Timbalan Speaker, apabila saya lihat kepada buku yang ada..dalam buku Bajet 2015 ini maka saya timbul satu persoalan pada diri saya dan saya pun ingin tahu sebenarnya kerana perkara ini adalah perkara lama yang saya lihat perkembangannya belum lagi melibatkan kawasan saya sendiri ya..kawasan Bukit Melawati. Kita sedia maklum bahawa satu-satu perancangan projek itu akan diikuti dengan perancangan laluan ya..Apa yang saya maksudkan ini ialah pembinaan Universiti Selangor sebelum ini yang mana telah ditentukan laluan-laluan jalannya untuk dinaiktaraf. Kalau kita lihat sekarang...ketika ini jalan daripada selatan iaitu Simpang Tiga Ijok menghala ke Batang Berjuntai ya..Yang Berhormat Ijok faham ya..perkara ini. Kemudian laluan daripada utara daripada kawasan Raja Musa menghala ke Batang Berjuntai. Saya juga difahamkan Rawang menuju ke Batang Berjuntai. Kerja-kerja menaiktaraf jalan telah pun dilakukan, maka ada satu perkara yang saya tertanya-tanya dan perkara ini pernah satu ketika dulu melebihi daripada 10 tahun saya rasa...bancian telah dibuat kepada laluan ya...B33 Kuala Selangor – Batang Berjuntai. Ini dia. Ini Kuala Selangor – Batang Berjuntai dia arah barat. Kalau daripada selatan dah ada, daripada utara dah ada, daripada timur dah ada, daripada barat belum lagi ada. Cuma kerja-kerja yang saya dapat lihat sebelum ini pembancian telah dilakukan sepanjang jalan kepada penduduk-penduduk dan berkaitan dengan tanah-tanah sepanjang jalan dan beberapa kerja menaiktaraf pembentung-pembentung telah dilakukan. Jadi bila saya lihat kepada buku Belanjawan Pembangunan ini di muka surat 200, perkara muka surat 200 ya...saya dapat lihat ada empat fasa kerja untuk JKR ya..daripada JKR ini...EXCO pun ada dekat sini. Ada empat fasa yang tentukan melibatkan RM58 juta kos projek. Tapi apabila dilihat pada sebelah kanannya masih lagi '0'. Belum ada token. RM10.00 pun belum ada lagi. Jadi maksud saya di sini bahawa saya tertanya-tanya dan kawan-kawan di kawasan tertanya-tanya bahawa bilakah atau bila sampai masanya pihak Jurutera JKR Kuala Selangor ingin mengutarakan pada pihak Kerajaan Negeri bagi membolehkan memulakan kerja menaiktaraf jalan laluan atau laluan B33 Kuala Selangor ke Batang Berjuntai? Ini satu persoalan yang kita timbulkan bagi membolehkan kalau dari selatan sudah bermula, daripada timur sudah bermula dan

daripada Raja Musa iaitu daripada sebelah utara telah bermula, bilakah soalan apa ni jalan laluan daripada barat Kuala Selangor ke Batang Berjuntai itu ingin ataupun hendak dimulakan. Oleh kerana sekarang ini kita lihat bahawa hujung minggu tak perlu kita tunggu perayaan...Kuala Selangor, Sabak Bernam turun ke Tanjung Karang menghala jalan ke Latah...jem Tuan Timbalan Speaker. Jadi laluan pilihan mereka ialah jalan Kuala Selangor ke Batang Berjuntai masuk ke laluan Saga..potong balik masuk ke Latah. Ya, ada pilihan-pilihan jalan yang ada di sana. Maka, mungkin pada saya dah...pada saya perlu pihak JKR melalui rakan-rakan Jurutera Daerah mula memikirkan bahawa laluan B33 ini Kuala Selangor ke Batang Berjuntai bolehlah difikir-fikirkan bagi dimulakan mengikut kepada laluan daripada Simpang Tiga Ijok ke Batang Berjuntai, Raja Musa ke Batang Berjuntai dan Rawang ke Batang Berjuntai untuk dimulakan. Ini perkara pertama yang dapat saya nyatakan bagi membolehkan bajet di tahun hadapan perkara ini boleh dipertimbangkan bagi memulakan kerja-kerja laluan B33. Ada satu perkara lagi berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran yang saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat EXCO dalam semasa menggulung perbahasan mengenai bajet tempoh hari saya ada utarakan dalam beberapa berkenaan berkaitan dengan rumah pintu-pintu air yang saya nyatakan pintu air perlu dibaiki segera kerana berlakunya pergerakan *cover* pembedung itu menyebabkan saya bimbang apabila musim seperti ini air sungai ataupun air sungai itu kuat, air di darat pun kuat maka menyebabkan benda ini boleh pecah maka laluan itu akan terputus menyusahkan rakyat di dalam itu untuk keluar. Apa yang dijawab oleh Y.B. EXCO saya dapat dengar hari itu ialah berkaitan dengan puncak yang besar sebenarnya, dia ada dua kunci air yang besar yang kecil, yang besar itu betul dan dibaiki, tapi yang sebelah dia itu iaitu kunci air kecil daripada pembedung di bawah itu, betung yang dipasang pada tahun lepas telah lari ke depan. Bila-bila masa bila air kuat dia boleh pukul, boleh pecah, saya bimbang. Jadi perkara itu boleh timbang. Saya lihat di dalam muka surat peruntukan JPN muka surat 223 PK 7 10070 ada peruntukan menaik taraf pemasangan hidro mekanikal. Di situ ada maka bolehlah perkara ini, mungkin boleh,*insya-Allah*, kalau diizinkan pihak Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Selangor, kalau boleh saya rundingkan bagi membolehkan disegerakan daripada peruntukkan itu membolehkan kunci air kecil itu dapat dibaiki semula apabila sampai musim, nak segera tak boleh, memang kerja ni susah. Apabila hilang ketepinya mungkin tengkujuh ini boleh tindakan itu diambil untuk tahun 2015. Itu sahaja Tuan Timbalan Speaker yang dapat saya utarakan bagi kawasan saya di Bukit Melawati supaya dapat diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wasalamualaikum Warahmatulahi Wabaraktuh.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaraktuh.* Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam usul bajet pembangunan untuk belanjawan tahun 2015. Saya terus kepada masalah-masalah terutamanya yang membangkitkan melibatkan masalah-masalah tempatan. Yang pertamanya berkenaan projek tambatan banjir. Seperti mana sahabat-sahabat lain saya juga ingin membangkitkan masalah banjir di kawasan saya. Saya difahamkan YAB Menteri Besar baru sahaja pergi ke Hulu Selangor melibatkan mangsa banjir yang agak besar juga. Begitu juga di Sepang, di Dengkil melibatkan 150 200 keluarga. Kadang-kadang bila dia dah pindah, pindah balik ke rumah balik banjir balik. Hampir kadang-kadang tiga kali dipindahkan di Pusat Pemindahan Banjir. Pada tahun 2010 Mantan Menteri Besar telah berkunjung ke Dengkil. Sebenarnya banjir di Dengkil di Sepang ini yang kekerapan banjir itu sebenarnya yang besarnya berlaku tiap-tiap dua tahun sekali. Bila air banyak daripada Hulu Langat mengalir ke sungai Langat, daripada Kajang mengalir ke Sungai Langat, bila Kajang tak banjir, Dengkil yang banjir. Tetapi ianya melibatkan perbelanjaan yang besar. Mantan Menteri Besar mengatakan setuju untuk memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar RM50 juta untuk menaik taraf ban-ban yang sedia ada, memperkukuhkan lagi memperdalamkan sungai tetapi saya faham ini merupakan peruntukkan yang agak besar dan saya percaya ia juga melibatkan kedudukan kewangan di peringkat Kerajaan Negeri. Tetapi apa yang boleh kita lakukan ialah penyelesaian jangka pendek. Saya telah cakap dengan pegawai JPS mereka tidak ada peruntukkan untuk membuat menaik taraf saluran memperbaiki saluran dan sebagainya walaupun ianya tidak melibatkan belanja yang besar. Saya ingin pergi satu persatu untuk meminta pihak Kerajaan Negeri membantu Jabatan Parit dan Saliran untuk menyelesaikan masalah ini sekurang-kurangnya tidak lagi berlaku perkara-perkara begini di masa-masa akan datang. Umpamanya di Kg. Tok Aminuddin sepertimana yang saya sebut tadi banjir kilat. Dua kali, tiga kali air masuk dalam rumah dan masalah utamanya ialah kolam tadahan yang dibuat oleh JPS tidak di selenggara dengan baik. Yang ini kos penyelenggara itu tidak sampai RM20,000.00. Yang ini kalau boleh diberikan perhatian. Kemudian di Kg. Lalang begitu juga, parit tidak di selenggara dengan baik, kos hanya melibatkan RM40,000.00 sahaja dan adanya 'culvert' di bawah lebuh raya Putrajaya KLIA yang agak kecil yang perlu ditukar menyebabkan air 'back flow', bila jumlah air yang banyak tidak dapat menampung dan akhirnya air 'back flow' dengan izin, masuk balik ke kampung. Di Kg. Sri Tanjung begitu juga parit tidak diselenggara dengan baik ia juga melibatkan perbelanjaan hanya RM40,000. Kg. Ampang Tenang, parit juga tidak diselenggara dengan baik. Di Kg. Sg. Buah walaupun saya telah menyebutkan ianya melibatkan pengambilan tanah orang kampung untuk membaiki saluran yang sedia ada tetapi kerja-kerja penyelenggaraan hanya melibatkan lebih kurang RM40,000.00 sahaja. Begitu juga di Kg. Jendram Hilir, baik pulih parit tidak sampai RM40,000.00 dan akhir sekali di Kg. Bukit Changgang, Kg. Labuhan Dagang, Kg. Orang Asli Bukit Tadam, dan Paya Rumput, Kg. Orang Asli Bukit Serdang, yang ini sebenarnya ia betul-betul berdekatan dengan Sg. Langat dan perlu ada diadakan atau diperuntukkan pam kekal untuk ke empat-

empat lokasi tersebut yang menelan belanja 700,000 kalau kita nak buat kali dengan empat, yakni agak besar RM2.8 juta. Saya mohon pihak Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat di kawasan Dengkil.

Terima kasih, saya juga ingin merujuk kepada P12 Jabatan Kerja Raya. Ini melibatkan jalan membina jalan di daerah Kuala Langat. Saya nampak di dalam buku anggaran belanjaan kita ini, saya telah bangkitkan pada sidang DUN yang lepas. Jalan yang menghubungkan Genting Sanyir dan Sg. Kelambu, yakni telah diberikan *assurance* dengan izin Y.B. EXCO Sijangkang pada masa itu bahawa jalan ini pada masa sekarang masih lagi di bawah teknikal *study* dan pelantikan konsultan dan *Insyah-Allah* pada tahun depan akan dimasukkan di dalam bajet Kerajaan Negeri. Tetapi saya tidak nampak, tapi saya fikir jalan ini amat penting sebagai alternatif kepada jalan Olak Lempit Banting yang begitu sesak terutamanya semasa waktu puncak waktu pagi sampai petang dan jalan yang menghubungkan Genting Sanyir dan Sg. Kelambu ini yang menjadi masalahnya di tengah-tengah di Genting Sanyir sudah siap, di Sg. Kelambu pun sudah siap tetapi '*missing*' di tengah-tengah. Saya mohon Kerajaan Negeri untuk melihat balik perkara ini kalau boleh dijadikan keutamaan supaya kita dapat mengelakkan dan juga memberikan alternatif dengan izin kepada penduduk-penduduk untuk pergi ke Sepang ataupun ke Banting. Kemudian saya juga ingin merujuk P14 Jabatan Agama Islam, yang ini juga melibatkan berkenaan dengan pembinaan Masjid Dengkil. Saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar, Y.B. EXCO yang juga telah memaklumkan bahawa Masjid Dengkil ini tidak ada masalah lagi dan ianya akan dibina. Sukacita saya maklumkan bahawa ianya juga melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan yang bersetuju untuk memperuntukkan RM3 juta dan saya lihat dalam buku ini juga pihak (JAIS) Jabatan Agama Islam Selangor juga akan memperuntukkan RM2 juta tetapi dalam bajet ini hanya diperuntukkan token RM10.00 sahaja. Kalau dah selesai masalah-masalah yang kita hadapi melibatkan masyarakat asli saya fikir tahun depan kita boleh laksanakan pembinaan Masjid Dengkil ini yang saya kira akan bernilai RM5 juta, RM3 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM2 juta daripada Jabatan Agama Islam. Saya mohon supaya ianya diberi perhatian. Saya juga telah bercakap dengan Pejabat Kadi daerah Sepang, saya tahu alternatif yang diberikan oleh Y.B. EXCO sebelum ini bahawasanya projek ini boleh '*proceed*' tetapi adakah peruntukkan 10 ekar yang hendak diwartakan kepada Masjid Dengkil antara penyelesaiannya ialah untuk memberikan 5 ekar sahaja untuk pembinaan masjid dan 5 ekar lagi untuk menyelesaikan masalah orang asli, tetapi ianya tidak dimaklumkan awal dan saya mohon supaya Kerajaan Negeri mengambil kira masalah ini kalau boleh diperuntukkan 10 ekar untuk Masjid Kg. Dengkil ini untuk juga pembangunan dan juga *development* dengan izin untuk masa-masa akan datang. Akhir sekali saya ingin juga merujuk kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan dengan Kerajaan Tempatan. Ada satu masalah yang dihadapi oleh penduduk Taman Warisan Bestari Kota Warisan yang mempunyai 300 rumah hampir 1,000 orang tinggal di sini. Masalah yang dihadapi oleh Taman Warisan Bestari ini, ianya jauh masuk ke dalam dan walaupun ianya

telah dibina fasa1 telah siap, fasa 2 hampir siap tetapi jalan masuk sepanjang 1.5 km hingga 2 km, tidak ada lagi lampu jalan. Sebenarnya masalah ini melibatkan juga masalah pengambilan jalan orang asli Kg. Bukit Tadam yang mana masyarakat asli telah bersetuju untuk membenarkan jalan ini digunakan ataupun dibina untuk sebagai jalan masuk kepada Taman Warisan Bestari tetapi masalahnya sekarang bila ada di kalangan penduduk-penduduk di sana menimbulkan masalah apabila malam bila ianya jauh masuk ke dalam kadang-kadang sang suami daripada rumah terpaksa ambil isteri hingga ke luar jalan semata-mata tidak membenarkan isteri untuk lalu dalam jalan tersebut berseorangan walaupun naik kereta tetapi gelap, ada kes-kes yang melibatkan samun, rompak dan sebagainya. Saya mohon pihak Kerajaan Negeri mengambil kira perkara ini supaya kita dapat membina lampu-lampu jalan di dalam Taman ataupun di sepanjang jalan masuk Taman Warisan ataupun sepanjang jalan masuk Taman Warisan Bestari Kota Warisan ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan saya untuk berbahas dalam isu pembangunan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015. *Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya minta Y.B.-Y.B. duduk sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya persilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 7.00 petang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Dipersetujui. Saya persilakan Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, untuk memberi saya peluang untuk membahaskan peruntukan pembangunan Negeri Selangor 2015. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada peruntukan pembangunan Pejabat Menteri Besar PK 14, Jabatan PERHILITAN yang saya dapati peruntukan tahun depan cuma RM10.00 sahaja. Ini sangat menghairankan sebab masalah haiwan-haiwan liar yang merosakkan tanam-tanaman, harta benda di kampung-kampung dan juga mereka yang haiwan liar pun cuba merosakkan lampu yang saya tegak, lampu *solar lighting* di Ijok. Ini satu masalah kronik, jadi adakah peruntukan sebanyak ini dasar Negeri Selangor telah macam dengan izin *surrender* tentang masalah ini sebab saya ingat peruntukan yang masalah ini

kerusakan berjuta-juta ringgit dan juga bukan kawasan saya. Saya ingat ini satu masalah kita dapat pada seluruh Negeri Selangor. Sabak telah membangkitkan masalah ini. Saya ingat...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang mohon mencelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak mohon sedikit mencelah untuk penjelasan sikit, untuk bertanya dengan Y.B. Ijok boleh?.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Boleh.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya dengan Y.B. Ijok, ada tak Jabatan PERHILITAN di kawasan Y.B. Ijok pernah bangkitkan bahawa salah satu kekurangan mereka adalah perangkap untuk tangkap monyet itu yang dia tak boleh selesaikan isu itu?.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Ada. Itulah, Satu rancangan untuk mengatasi masalah ini, saya ingat Jabatan ini perlu mendapat buah fikiran daripada pakar-pakar yang boleh mengendalikan. Sebab perangkap-perangkap yang mereka ada tak berkesan, sebab monyet-monyet yang ada dia pandai keluar balik daripada perangkap itu tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, inilah satu masalah saya ingat Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya mengkaji semula peruntukan untuk mengatasi perosak-perosak tanaman harta benda di Negeri Selangor ini. RM10.00 saya ingat, itu macam dah *surrender* dah pada masalah ini. Lagi satu saya nak merujuk kepada peruntukan pembangunan Pejabat Menteri Besar iaitu dari item PK 20 dan PK 21 atas nama merakyatkan ekonomi Selangor. Ini saya nak sentuh tentang kesihatan, peruntukan Skim Kesihatan Wanita RM1,000,000.00. PK 21 Skim Pembangunan Kesihatan RM2.8 juta, jumlah lebih kurang RM4,000,000.00 untuk kesihatan warga Selangor. Ini pada pendapat saya satu peruntukan yang amat rendah. Sebab kalau kita kajikan peruntukan Negeri Selangor *total* ya jumlah dengan RM4,000,000.00 sahaja untuk kesihatan macam mana kita nak dapat warga Selangor yang sihat untuk nak membangunkan Negeri Selangor ya. Kalaulah peruntukan begini saya ingat kemungkinan besar jumlah kita Negeri Selangor akan membiayai banyak-banyak pesakit mungkin lebih pada kemudian hari sebab dari segi kesihatan dengan izin *prevention better than kill* untuk kita nak mencegah penyakit-penyakit peruntukan kena besar. Dari segi kesihatan wanita, bukan payudara sahaja yang kita utamakan. Masalah lain dari wanita juga perlu dikaji, sebab masalah kanser yang paling ketara di wanita ialah kanser leher rahim dan payudara. Bab-bab ini masalah sakit lelaki, banyak sekarang di Selangor sakit-sakit kronik sebab apa pencegahan kekurangan, peruntukan kekurangan, memberikan nasihat kesihatan kekurangan. Jadi, saya haraplah Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor prihatin kepada warga Selangor meningkatkan peruntukan, tukar dasar-dasar kita. Saya tahu masalah kesihatan bawah persekutuan, tetapi kalaulah mereka abaikan Negeri Selangor, kita kena proaktif, prihatin dan lagi satu saya dapati kekurangan tentang kewangan untuk merawat. Saya cadangkan Negeri Selangor mulakan satu

Yayasan Kesihatan Selangor untuk kita menolong warga Selangor yang perlukan rawatan secara besar-besaran ya. Dari anak yang kecil yang mendapati masalah jantung ataupun warga Selangor yang dia rasa memerlukan rawatan yang ongkosnya ataupun perbelanjaan yang besar. Kalau kita *start* satu yayasan begitu, bukan dananya bukan sahaja dari Negeri Selangor kita *initiate* kita boleh melibatkan banyak syarikat-syarikat yang berniaga dengan Negeri Selangor ataupun kita boleh melibatkan NGO-NGO untuk ke depan untuk menambahkan dana kita untuk kesihatan. Jadi, saya harapkanlah dari segi ini, kesihatan sasaran insan Selangor bermula dari perut ibu sampai dia meninggal. Jadi, saya tak dapat macam kemudahan untuk ibu mengandung di klinik-klinik, *basic* sekarang macam *ultra sound*. Jadi, banyak *ultra sound* kena *refer* pada hospital. Jadi, kita sebagai Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya membuat satu inisiatif untuk meningkatkan kesihatan warga Negeri Selangor yang ya yang akhir sekali saya nak sentuh tentang P 8, Jabatan Pertanian PK 14, Pembangunan pengurusan tanah terbiar, saya dapati banyak tanah terbiar di kawasan saya dan kawasan-kawasan lain di Negeri Selangor. Saya nak tahu apa dasar atau garis panduan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus tanah-tanah yang terbiar. Apa rancangan-rancangan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik orang-orang atau anak-anak muda untuk menguruskan atau mengendalikan tanah-tanah terbiar. Ada satu misalnya di Ijok sana, seorang graduan menguruskan tanah tani, pendapatannya lumayan RM5,000.00 ke RM10,000.00 sebulan. Itulah satu-satu kadang-kadang tak tahu. Anak-anak muda kita tak tahu sebab benda-benda ini tidak digembar gemburkan. Jadi, pada pendapat saya Kerajaan Negeri Selangor dengan izin *should verify* petani *as a* petani *as a farmer*. Jadi, orang *graduate* selalu nak kan kerja *office, air cond* senang, tapi apa yang telah jadi mereka susah nak dapat kerja. Banyak tanah terbiar di Selangor, tak diuruskan, so, jadi, di sini, saya nak tahu mungkin Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor beri satu garis panduan macamana nak menolong graduan-graduan ataupun anak-anak muda untuk nak mulakan mengurus atau mengendalikan tanah-tanah terbiar. Itu sahaja yang saya nak sentuh tentang bajet pembangunan. Ijok menyokong tentang bajet Negeri Selangor 2015.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Ijok, saya bagi Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih, Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada P 14, Jabatan Agama Islam Selangor, Kod Masjid. Saya merujuk kepada Masjid Nurul Iman Kampung Telok Gadong 300 Klang 03 ya, di mana diperuntukkan untuk tahun 2015, 0. Untuk makluman Y.B. Timbalan Speaker dan semua Ahli-Ahli Dewan terutama kerajaan, Masjid Nurul Iman ini telah diroboh pada bulan Julai 2010 kerana melalui siasatan forensik yang dilakukan oleh JKR pusat ia tidak sesuai dan tidak selamat untuk digunakan. Maka, sebuah tempat masjid sementara digunakan dan untuk makluman sudah 5 tahun, maknanya 5 kali tarawih, 5 kali solat raya, dah 260 Jumaat menggunakan masjid sementara itu. Jadi, apabila

kita melihat hanya kosong diperuntukkan untuk tahun depan, saya mengharapkan masalah-masalah yang dihadapi itu kerana pengguna-pengguna, ahli kariah Masjid Nurul Iman ini memerlukan tindakan segera daripada Jabatan Agama Islam Selangor. Yang kedua, saya merujuk kepada Jabatan Agama Islam juga, ini untuk Pejabat Menteri Besar ya, JP 01, untuk memastikan matlamat pendidikan Islam di Selangor tercapai, saya mencadangkan EXCO agama bukan sahaja bertanggungjawab melihat, memantau, merancang, menjaga peruntukkan untuk Sekolah Rendah Agama dan KAFA, tetapi semua Sekolah Agama di seluruh Negeri Selangor ini termasuk Sekolah Agama Rakyat. Jadi saya mengesyorkan supaya EXCO Agama menjaga sekolah semua jenis sekolah agama di seluruh Selangor, merancang dan juga memperuntukkan yang secukupnya supaya ia lengkap melengkapi mulai tahun depan. Yang ketiga, Y.B. Timbalan Speaker, ramai rakan-rakan saya di dalam dewan ini tadi telah menyebutkan tentang wanita. Jadi saya ingin merujuk kepada P 01 Pejabat Menteri Besar, PK 7 Sosial. Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Untuk secara keseluruhannya, melihat supaya Kerajaan Negeri Selangor ini benar-benar prihatin dan peka masalah-masalah wanita yang berada di Selangor ini untuk menjaga segala hal ehwal yang berkaitan dengan kebajikan wanita sama ada wanita yang bekerja ataupun yang mempunyai masalah yang ada anak kecil yang bermasalah kesihatan dan sebagainya. Maka, saya mengesyorkan Kerajaan Negeri Selangor apalah salahnya selain daripada PWB, terima kasih banyak pada Dato' Menteri Besar dan kerajaan yang telah meluluskan apalah salahnya kita memulakan seorang penghulu tanpa mukim yang menjaga khusus untuk wanita dan bolehlah kita sebut sebagai penghulu wati setiap daerah. Ya, ini sebab Selangor dilihat sebagai peneraju untuk wanita, jadi saya berharap, saya yakin dan saya percaya semua ADUN-ADUN di dalam apa ini sama ada daripada Pakatan Rakyat mahupun pembangkang sepatutnya menyokong. DO wanita dah ada, YDP tak ada, penghulu wati tak ada. Penghulu wanita tak ada. Ini yang apa *missing link* kata apa tadi ya kena Dengkil dia apa tadi ke yang satu lagi ialah P01 PK 5 Perpustakaan. Saya melihat peruntukkan yang di beri oleh Kerajaan Negeri Selangor ini kurang berbanding dengan tahun ini 2014. Jadi, oleh kerana kita mahu memberdayakan ilmu, kita mahu merencanakan budaya membaca, kita mahu budaya yang dikenali di Selangor adalah budaya ilmu. Maka sudah pastilah sepatutnya Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih banyak untuk mewujudkan perpustakaan yang lebih yang lebih baru dengan penjenamaan semula dilengkapi dengan koleksi sama ada buku, audio visual dan pelbagai lagi sumber ilmu. Sekian, Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, Selat Kelang, saya bagi Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker, Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan bajet peruntukkan pembangunan 2015. Tadi ramai rakan-rakan saya telah sentuh tentang masalah banjir. Saya tidak akan cakap, cerita banyak tentang masalah banjir. Saya hanya ingin nak minta perhatian daripada Kerajaan Negeri 2 lokasi yang sering berlaku banjir kilat di DUN Kinrara

iaitu Taman Pak Siong, Batu 8, Jalan Puchong dan juga Kampung Kuala Sungai Baru. Masalah banjir kilat bertambah serius sejak projek LRT dijalankan di kampung-kampung ini. Di samping itu di dapati kolam-kolam takungan dibina kontraktor Pembinaan LRT tidak dapat menampung jumlah air hujan. Apabila saya mengesakan prasarana untuk mengambil tindakan mereka menuding jari kepada MPSJ, apabila kita tanya MPSJ, kata itu tanggungjawab JPS, apabila kita tanya JPS, mereka kata tanggungjawab bawah JKR. Jadi saya pun tidak tahu agensi mana yang perlu buat aduan. Jadi saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan susulan segera bagi menambah baik sistem perparitan demi mengelakkan masalah yang sama teruk berlaku. Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah P16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Saya ingin membangkitkan kepentingan mengenai garis panduan perancangan ke atas tanah bekas lombong perlu diberikan perhatian dan dikaji semula. Oleh kerana tanah untuk kemajuan di Selangor semakin kurang bekas lombong di kawasan bandar telah menjadi tumpuan untuk dibangunkan sebagai contoh bekas lombong-lombong di sekitar Puchong. Akibat daripada perancangan yang tidak sesuai masalah utama yang timbul di pembangunan atas bekas tanah bekas lombong-lombong Puchong adalah sebahagian daripada tasik bekas lombong telah ditimbus. Dan baki yang di kekal sebagai tasik takungan air itu telah menjadi seolah-olah tasik kumbahan. Sistem Kumbahan Indah Water dan perparitan yang dikelilingi semua di alir ke dalam tasik tersebut. Contohnya Tasik Legej, Tasik Mutiara Puchong, Tasik Prima Puchong di DUN Sri Serdang dan juga tasik yang tanpa nama di belakang IOI Mall. Selain daripada itu tasik-tasik tersebut juga menjadi tempat pembuangan sampah. Masalah ini adalah sukar untuk jabatan-jabatan kerajaan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan atas pemilik tanah. Ini kerana ia mempunyai ramai pemilik, waktu subuh sampah terapung di sebelah kiri tetapi waktu petang dia telah ditiup oleh angin ke sebelah kanan dan memang sukar untuk pastikan sampah itu atas tapak siapa. Jadi inilah masalah-masalah jabatan-jabatan kerajaan mereka susah nak pastikan siapa pemilik tasik itu untuk mengambil tindakan penguatkuasaan. Saya ingin memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula dasar atau garis panduan terhadap pembangunan atas tanah bekas lombong terutamanya di kawasan bandar. Dan satu jumlah peruntukan tahunan dari Kerajaan Negeri atau pun PBT untuk menyelenggara tasik-tasik di sekitar taman-taman perumahan. Dan juga mewartakan tasik-tasik tersebut sebagai tasik rekreasi dan bukan sebagai tasik takungan air sahaja dan akhirnya jadi tasik kumbahan. Perkara yang berikutnya juga berkaitan dengan Perancang Bandar dan Desa, pekerja asing dari pelbagai negara banyak masalah sosial kepada komuniti kita, oleh kerana kekurangan asrama yang sesuai untuk pekerja-pekerja asing kilang-kilang terpaksa menyewa Flat khususnya Flat Kos Rendah untuk penginapan pekerja asing. Ini bukan sahaja membawa masalah sosial ia juga telah mengurangkan peluang orang tempatan untuk menyewa rumah mampu sewa. Memandangkan padang-padang di kawasan perindustrian adalah kurang penting dan jarang digunakan. Kinrara ini mencadangkan supaya padang-padang atau kawasan lapang di kawasan perindustrian dibenarkan untuk dibangunkan untuk tujuan asrama pekerja asing.

Dengan adanya asrama berpusat dan berdekatan dengan kilang masing-masing ia adalah lebih senang dikawal oleh semua pihak dan lebih jimat bagi pengilang kerana dapat jimat dari segi kos pengangkutan. Sampai sini sahaja dengan ini Kinrara menyokong usul ini terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker terima kasih atas peluang yang diberikan oleh Kota Anggerik pada petang ini, terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang terus membawa pembangunan di negeri-negeri ini. Saya juga membawa isu keperluan Sekolah Rendah Agama Selangor. Kita lihat jumlah pelajar di Sekolah Kebangsaan dibanding jumlah pelajar di sekolah agama seperti jawapan EXCO yang lepas sekitar 40% pelajar-pelajar di Sekolah Kebangsaan tiada tempat untuk belajar di sekolah agama SRA atau KAFA. Sebagai contoh di tengah bandar Shah Alam ini ada 5 sekolah kebangsaan tetapi sekolah agama SRA cuma sebuah yang muatannya hanya 2,000 orang. Satu sekolah rendah 1,000 pelajar, sekolah rendah 5,000 pelajar tetapi sekolah yang ada Seksyen 3 muat 2,000 dan permintaan sangat tinggi sebab itulah saya telah bawa isu ini di dalam dewan yang mulia ini supaya peningkatan sekolah-sekolah agama ini ditingkatkan dan bagi Kota Anggerik merasakan ini satu keperluan. Memastikan bahawa anak-anak di Negeri Selangor mendapat tempat yang cukup dan sewajarnya pendidikan agama yang cukup di peringkat sekolah rendah lagi. Kalau dalam bajet ini disebut Denai Alam sepatutnya ada sebuah sekolah agama dalam RM10 tetapi peruntukan 10 ringgit. Jadi ini menunjukkan bahawa kawasan yang begitu padat di kawasan Bukit Subang, sekolah agamanya di bawah kolong, di bawah flat tidak ada sekolah-sekolah agama di bina di sini. Itulah saya minta supaya peruntukan untuk sekolah-sekolah agama ini dipertingkatkan bahawa anak-anak kita ini mendapat pendidikan yang cukup dan satu perkara lagi ialah program-program *skill development*. Saya cadangkan supaya pelajar-pelajar universiti, baik di UNISEL ataupun INSPENS atau pun KUIS agar dipertingkatkan daya kreativitinya keusahawanannya. Mana Sekinchan bukan saya tulis buku fasal keusahawanan tetapi lepasan universiti pada hari ini peluang untuk bekerja sangat terhad. Sebab itulah kalau boleh skil program di INSPENS ini dipertingkatkan daya keusahawanannya dan program keusahawanannya dimasukkan dalam program mereka. Dan INSPENS sebagai program lepasan SPM. Saya cadangkan supaya diperbesarkan ini ada peruntukan RM4 juta tetapi muatan INSPENS hanya sekitar 600 sahaja. Itu kalau boleh memberi keutamaan sebagai anak Selangor untuk masuk ke INSPENS. Saya dapati juga pelajar-pelajar dari luar Selangor yang berada di INSPENS. Inilah dua perkara yang saya ingin nak bawa Tuan Speaker iaitu Sekolah Rendah Agama dan juga INSPENS.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Balakong ingin menarik perhatian semua mengenai isu keberkesanan pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran Selangor telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai institusi perbekalan dalam isu penyelenggaraan pengaliran dan saliran. Saya berasa kecewa terhadap sikap JPS yang sambil lewa terhadap aduan-aduan yang telah dipanjangkan. Saya telah mula hilang keyakinan terhadap JPS kerana tidak mampu menyelesaikan 4 aduan yang saya panjangkan sejak Jun, 2013. Saya faham pihak kerajaan mungkin sukar nak jawab jika terlalu spesifik tetapi saya yakin dengan kehadiran Pegawai JPS di dewan ini isu-isu yang saya bangkitkan pasti dapat dijawab kerana pejabat saya membuat surat ke setiap satu atau dua minggu untuk mendapatkan status terkini mengikut aduan masing-masing. Balakong berharap pihak kerajaan dapat mengkaji keberkesanan pihak JPS melaksanakan tanggungjawab mereka supaya satu perancangan yang rapi dapat melaksanakan untuk meningkatkan prestasi mereka yang kini sangat mengecewakan. Kalau aduan yang spesifik pun susah nak selesai pula dengan sikap bertindak proaktif yang sepatutnya diamalkan untuk mencegah dan menyelesaikan masalah banjir. Saya berpendapat bahawa isu kewangan tidak timbul kerana saya Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru kita bersedia untuk membantu jika ada timbul keperluan. Dan Tuan Timbalan Speaker aduan-aduan yang saya maksudkan tadi adalah yang pertama tebing sungai yang runtuh sejak tahun 2012, saya mula buat aduan pada 5.6.2013 sehingga kini pelbagai alasan diberi, pelbagai jawapan diberi tetapi tiada tindakan yang memuaskan. Yang kedua aduan tersebut adalah di Jalan CU9 Taman Cheras Utama. Aduan yang kedua adalah runtuh tebing sungai juga di Taman Cheras Utama, Jalan CU 1/A. Aduan dari April tahun ini sehingga hari ini langsung tidak ada apa-apa tindakan. Yang ketiga hakisan tebing sungai di Sungai Balak, Kajang aduan ini telah dipanjangkan kepada JPS pada 21 Ogos 2013 dan bahagian yang runtuh adalah lebih kurang 300 meter tetapi aduan ini mungkinlah saya bernasib baik sedikit telah dibuat tetapi hanya dibuat 100 kaki sahaja pembaikan tebing dia. Itulah prestasi JPS Selangor. Dan akhir sekali isu kolam takungan air di Taman Putera Budiman dan Taman Cheras Indah. Ini semua merupakan aduan yang sangat lama dan apa yang lain mengecewakan JPS jarang membalas surat, aduan telah dibuat surat telah dihantar *by hand*, *by post* dengan izin tetapi jarang kami dapat maklum balas daripada mereka. Akhir sekali Balakong ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya mempercepatkan urusan kelulusan permohonan peruntukan daripada surau-sarau serta masjid-masjid untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf jalan, membaik bangunan dan infrastruktur. Banyak permohonan yang saya terima dari masjid dan surau di kawasan Balakong dan saya telah panjangkan kepada pejabat EXCO Hal Ehwal Agama Islam kerana jumlah yang dipohon melebihi apa yang saya mampu berilah mengikut tatacara penggunaan peruntukan kawasan DUN. Jadi sejak awal tahun tetapi sehingga sekarang saya tidak nampak ada mana-mana satu yang diluluskan apabila bertanya di pejabat EXCO dimaklumkan bahawa telah dihantar untuk keputusan JAIS. Jadi saya berharap pejabat EXCO, JAIS ke harap

permohonan dapat disegerakan memang banyak surau dan masjid kerja-kerja pembaikan dan naik taraf. Itu sahaja sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Timbalan Speaker saya ingin merujuk kepada P01 PK03 Perbandaran dan juga P12 JKR serentak. Perkara ini saya ingin timbulkan di dalam dewan kerana isu yang saya bangkitkan adalah pembangunan di sempadan-sempadan Majlis-majlis Perbandaran. Kebetulan Batu Tiga berada di tengah-tengah di kawasan yang begitu padat dan ia mempunyai sempadan di antara Shah Alam, Klang dan Subang Jaya. Tetapi apa yang saya dapat lihat isu-isu yang banyak yang berbangkit di kawasan Batu Tiga adalah bila mana berada di sempadan. Jadi saya ingin merujuk kepada bajet perbekalan P01 dan P12 yang berkaitan dengan JKR juga. Ianya perlu diambil perhatian kerana saya dapati bila perancangan tidak wajar, pembangunan tidak dibuat secara komprehensif dan kolektif. Ia akan mengundang beberapa masalah yang akan datang, isu yang saya bangkitkan contoh adalah yang berlaku di Taman Bukit Saga dengan bersebelahan Taman Bukit Merah di mana ianya berada di simpang Jalan Persiaran Klang dan Persiaran Kuala Selangor. Bila mana pembangunan itu tidak mempunyai jalan masuk yang mana menumpang tanah sebelah MPSJ tidak membuat satu perancangan yang baik, jalan yang masuk ke dalam Taman Tanah Merah itu menggunakan jalan yang berada di bawah Majlis Perbandaran Shah Alam di jalan yang mengguna pakai taman sebelah. Jadi persoalannya bila penaiktarafan Persiaran Klang dan Kuala Selangor dibuat JKR negeri telah berlaku satu KIOS atau satu kelam kabut di situ tidak menyelesaikan masalah trafik yang ada. Jadi saya ingin mengutarakan di sini isu yang besar adalah bila mana sempadan ini kawasan-kawasan sempadan ini dibangunkan dengan baik dan ianya mestilah dibuatkan satu perancangan dan yang sempurna kerana bila taman Bukit Saga meminta supaya jalan itu ditutup Taman Taman Merah marah. Taman Tanah Merah diminta jalan buka Taman Saga pula marah. Jadi saya ingin mencadangkan beberapa perkara isu yang spesifik, saya ingin menyatakan mengapa pembangunan di satu pemaju PBT tiada akses jalan keluarnya sendiri dan akhirnya Jabatan Kerja Raya dan juga PBT terpaksa bertahun-tahun menyelesaikan masalah ini. Saya sendiri telah pun mengutarakan perkara ini semenjak 2009 tapi sehingga sekarang masih belum dapat diselesaikan. Penduduk buat jalan sendiri ditutup dilanggar oleh *tractor* dan sebagainya untuk memastikan jalan itu *blaket* itu dikeluarkan semula. Jadi saya harap isu ini diselesaikan secepat mungkin saya dapati Dato' Bandar yang dulu telah berusaha untuk menyelesaikan tetapi orang di bawah masih lagi belum puas hati dengan perkara ini. Satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan, ia mungkin tidak memerlukan bajet yang banyak saya mengharapkan dengan peruntukan P.012 JKR perlu menyelesaikan masalah hanya *U-turn* perlu dibuat di Persiaran Kuala Selangor bagi memudahkan ya penduduk-penduduk Bukit Saga masuk ke kawasan mereka dalam keadaan yang lebih baik. Jadi itu yang saya bangkitkan. Di bawah VOT.01 P.01 PK.4 iaitu Adat Melayu dan Warisan pula saya ingin menimbulkan tentang

bagaimana menaik taraf kawasan bersejarah. Saya ingin memaklumkan bahawa semenjak 2012 saya telah pun kebetulan mendapati ada satu tapak khusus, kebetulan saya menghantar jenazah di kawasan saya di Kg Kuantan, tiba-tiba ataupun dengan tidak sengaja saya mendapati ada satu tapak sejarah di situ. Iaitu makam Diraja yang dinamakan Makam Tungku Hassan. Ya Makam ini ada dia punya pintu gerbang pun, ya dengan lambang Kerajaan Negeri lagi tetapi dalam keadaan usur tidak terjaga dan ia tidak diambil pulih. Saya dapati selepas itu saya telah maklumkan kepada Lembaga PADAT, saya dapati ada 5 atau 6 kerabat DiRaja dikebumikan di situ. Jadi saya mengharapkan supaya menaiktarafkan kawasan sejarah ini diambil maklum dan dijaga sebaik mungkin. Kerana bagi saya sejarah ini bukanlah sesuatu yang kita perlu tutup mata tetapi sepatutnya kita perlu memberikan perhatian yang khusus bagi memastikan ia dapat dikenang oleh generasi akan datang. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya ingin membangkitkan isu berkaitan P.13 Jabatan Pengairan dan Saliran saya ingin menegaskan di sini Projek Tebatan Banjir Sungai Rasah, Shah Alam setelah 2 kali diberikan bajet untuk program ini tapi isunya masih belum selesai. Baru-baru ini saya agar gembira YAB Dato' Menteri Besar pun telah turun padang terima kasih. Tetapi saya ingin memaklumkan awal bulan ini awal bulan 11 baru ini saya pergi Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Klang kita dapati hanya baru 24% pelaksanaan projek ini dapat diselesaikan. Jadi saya mengharap sangat sebab Sungai Rasah ini adalah satu tempat yang begitu *skenfefe* atau sinonim dengan banjir. Jadi saya harap dapat diselesaikan secepat mungkin. Seterusnya ada satu perkara lagi iaitu berkaitan dengan Jabatan Agama Islam P.14. Saya dapati bajet yang peruntukan tahun ini atau berkurangan kalau Tahun 2014 RM121,000,000.00 tetapi pada tahun ini RM95,000,000.00 sahaja. Jadi saya ingin mengetahui kenapakah banyak sangat bajet yang dipotong dan kenapa?. Dan keduanya saya ingin mengatakan di sini sebab saya risau bila turun bajet ini susahlah saya hendak mengutarakan satu persoalan yang besar di kawasan saya. Kita tahun Batu Tiga ini adalah kawasan perindustrian kilang-kilang banyak ya banyaklah surau-surau di kawasan saya yang telah digunakan ataupun dinaiktarafkan sebagai surau solat Jumaat itu pun melimpah-limpah. Saya ingin mengatakan di sini semenjak 2008 saya telah mengutarakan bahawa perlunya satu tapak masjid ya di Seksyen 20 yang pada ketika itu sebenarnya disewakan tapak itu disewakan di KPJ, Hospital KPJ Shah Alam untuk tapak parkir tapi sekarang parkir itu telah pun siap dibina tapi saya tidak lihat di dalam VOT dalam Kod.103000 di mana-mana mengutarakan bahawa Masjid Seksyen 20 ini akan dibina. Yang lebih mengecewakan bila mana baru-baru ini setelah saya banyak kali *follow up* ataupun (dengan izin) mengambil maklum balas banyak kali dengan JAIS. JAIS menjawab bahawa tapak itu memang telah digazetkan iaitu tapak Masjid Seksyen 20 tetapi pihak kariah masjid telah mencari dana sendiri. Jadi saya mengharap sangat supaya Dewan yang mulia ini dan juga pihak kerajaan mengambil kira isu-isu yang saya bangkitkan tentang kepadatan penduduk penggunaan masjid dan surau kawasan saya perlunya satu tapak baru iaitu Masjid Seksyen 20 yang telah di gazet tapaknya diberikan peruntukan untuk memastikan ia dapat dibina. Jadi itu sahaja Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan 3 Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hanya ada sedikit perkara yang saya hendak bangkitkan. Saya merujuk dulu kepada P.01 saya ada 3 soalan dalam P.01:-

1. Merujuk kepada Bahagian Sosial Pembangunan Insan ada satu Program Menangani Gejala Sosial. Saya mendapati dalam buku bajet ini sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukkan untuk program ini. Kalau boleh ini satu jumlah wang yang sangat besar. Apa sebenarnya program yang ingin dibuat untuk Menangani Gejala Sosial dan adakah kita mampu untuk trek keberkesanan program ini jika kita melabur duit kita tengok *result* dia. Boleh kita ukur *result* dia. Saya menyokong kita berusaha untuk menurunkan Menangani Gejala Sosial tetapi bila kita buat program seperti ini boleh ke kita *trek result* dia, adakah dia berkesan?.
2. Saya merujuk kepada Belia dan Sukan untuk menaik taraf infrastruktur sukan. Maklumlah di Petaling Jaya ada satu Stadium Hoki yang cukup *famous* so hanya ada 2 Stadium Hoki di Negeri Selangor. Saya ingin bertanya adakah duit ini juga ada sedikit yang diberi untuk membaiki dan menaik taraf Stadium Hoki Petaling Jaya yang pada masa ini tidak boleh di main hoki sebab *keff* dia terlalu rosak. Atau adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengarahkan pihak MPPJ menggunakan peruntukkan dia untuk membaiki. Dalam Belia dan Sukan juga sudah beberapa tahun terdapat permohonan untuk satu bumbung kekal di arena Sukan Rakan Muda MPPJ yang bersebelahan di Stadium Hoki yang sama. Adakah tahun ini sedikit peruntukkan akan diberi untuk membina bumbung kekal. Saya dimaklumkan hanya RM300,000.00 sahaja dibina bumbung kekal tersebut. Tetapi dalam juta-juta yang diperuntukkan untuk infrastruktur sukan ini, adakah kita memberi sedikit supaya *fasiliti* ini yang selalu digunakan oleh berbagai jenis sukan boleh menikmati satu bumbung yang kekal. Isu ke 3
3. Saya melihat pada muka surat 83 dalam Kod untuk Air Percuma untuk tahun hadapan ditulis sana kosong tiada peruntukkan berbanding kos projek RM620,000,000.00. Tapi untuk 2015 anggaran dia kosong so mungkin ada sedikit kesilapan atau ada sedikit penjelasan isu tersebut.

Seterusnya kepada P.16 Rancangan Struktur Negeri Pengubahan 2035. saya mengalu-alukan pengubahan semula Rancangan Struktur Negeri yang sudah lama tidak di *update* kan dan saya ingin bertanya adakah dalam kita merancang Rancangan Struktur Negeri ini kita saya jangka dibuat tahun hadapan. Adakah kita akan *divu* satu isu iaitu taburan penduduk di Lembah Klang kerana pada masa ini

taburan penduduk di Lembah Klang tidak sekata. Mungkin saya boleh memberi sedikit angka di Petaling Jaya kepadatan penduduk 6,330 orang perkilo meter persegi. Di Ampang Jaya lebih sederhana 3,279 penduduk perkilo meter persegi. Tetapi di Selayang hanya 997,000 penduduk perkilo meter persegi. Kajang 1,600 sahaja. Jadi taburan itu tidak sekata. Adakah rancangan struktur negeri ini akan memberi sedikit penekanan fokus untuk kita menagihkan pertumbuhan akan datang di Negeri Selangor supaya dia ke arah tempat ke kawasan di mana di *density* rendah supaya pengagihan itu lebih teratur. Saya tahu semua pemaju membina di Petaling Jaya *density* yang paling tinggi di Negeri Selangor. Tetapi itu pun saya perlu ada haknya tidak boleh *density* naik sehingga *density*. Jadi itu sahaja pendek sahaja pertanyaan-pertanyaan saya untuk perbahasan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Kota Damansara mengambil perbahasan berkenaan peruntukkan pembangunan. Merujuk kepada muka surat 198 VOT. P.12 Kod PK.4 Menaik Taraf Jalan. Saya ingin menggesa kepada pihak kerajaan supaya semua Projek Naik Taraf Jalan ini mestilah berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan daripada rakyat setempat. Dan saya juga ingin menggesa supaya kerajaan mengambil berat dan perhatian untuk memastikan kualiti kerja mengikut justifikasi sebab mengikut kepada menaik taraf jalan yang telah dilakukan tak sampai sebulan jalannya telah berlubang-lubang. Jadi saya menggesa pihak kerajaan supaya benda ini diambil perhatian dan fokus supaya dia tidak merugikan setelah mengeluarkan belanja yang banyak. Perkara ke-2 iaitu muka surat 212 VOT.P13 KOD. PK.1 Program Pengurusan Banjir. Saya melihat di sini memang ada kos projek tetapi tidak ada anggaran Tahun 2015 untuk peruntukan kalau saya lihat daripada 1002004 ini tapi walau bagaimanapun saya hendak menggesa juga pihak kerajaan untuk memastikan bahawa banjir sentiasa berlaku di kawasan Jalan Bukit Badak, Kg Melayu Subang, Jalan Merbau Subang, Jalan Bunga Tanjung, Kg Melayu Subang dan juga Lorong Cempaka, Kg Melayu Subang terutama di musim-musim hujan ini, walaupun banjirnya tidak seteruk mana tidak seteruk di Hulu Bernam. Tetapi taraf airnya akan naik sehingga 2 hingga 3 kaki ia amat menyusahkan rakyat yang tinggal di kawasan tersebut. Saya difahamkan bahawa ke semua jalan atau perparitan telah pun diselua dan di naik taraf pada Tahun 2006. Apa yang menjadi masalahnya berlaku banjir ini sebab tidak ada *maintaining* atau penyelenggaraan dilakukan selepas itu. Jadi apa bila saya turun ke semua kawasan perparitan tersebut tersumbat dan sebagainya. Jadi saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil perhatian di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan tadi. Supaya kalau perparitannya telah dilakukan pada Tahun 2006 itu dapat diselenggarakan dengan sebaik mungkin, saya rasa banjir tidak akan berlaku. Jadi itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah sekarang saya menjemput pihak kerajaan jika hendak memberi penjelasan. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan. Saya ingin jelaskan yang pertama tentang soalan tentang berkaitan dengan Program Kebudayaan dan juga peruntukkan untuk Kebudayaan Negeri Selangor. Pertamanya Hulu Kelang membangkitkan tentang Program Teater yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri memutuskan bahawa Teater ini akan letakkan di bawah Perbadanan Adat Istiadat Melayu dan Warisan (PADAT). Namun begitu, pihak *Standco* atau Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor akan bekerjasama erat dengan PADAT kita meletakkan seorang pegawai yang kita uruskan sebagai Sekretariat Kebudayaan supaya kita dapat menyemarakkan kegiatan dan aktiviti Teater yang ada dalam Negeri Selangor khususnya bagi menyemarakkan Teater kita yang sudah beberapa tahun yang lalu tidak dapat digunakan disebabkan dengan *defeak* (dengan izin) atau kecacatan dalam pembinaan bangunan tersebut. Berkenaan nama-nama yang dibangkitkan Saudara Disman, Saudara Hishamuddin Rais termasuk Saudara Kino. Saya telah dihubungi 2 atau 3 nama yang telah dibangkitkan itu sudah pasti tahun hadapan kita akan susun jadual yang lebih tersusun apatah lagi dengan peningkatan peruntukan kewangan sebanyak 3 kali ganda daripada RM500,000.00 kepada RM1.5 juta. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinan beliau, kita akan memperkemaskan, memperkemaskan program-program termasuk apa yang saya sebutkan Geran Seni dan geran itu kita boleh berikan untuk memudah cara pengamal-pengamal teater dan penggiat-penggiat kebudayaan yang ada dalam Negeri Selangor untuk melaksanakan dan mempersembahkan program-program kebudayaan mereka yang ada dalam Negeri Selangor.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Sekinchan dan juga Kampung Tunku, rakan saya Kampung Tunku iaitu berkenaan dengan pembangunan Pusat Kebudayaan Kaum. Jika kita lihat di muka surat 78, ada komitmen Kerajaan Negeri maknanya kita belum menetapkan berapakah peruntukan yang dikenakan namun diletakkan RM10.00 itu sebagai tanda ada komitmen dan Kerajaan Negeri bersedia untuk menambahkan perbelanjaan itu jika sampai kepada masanya. Saya kemukakan daripada fakta yang kita perolehi bahawa Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan bagi pembangunan pusat kebudayaan Melayu, Cina, India bermula pada Mei 2011 yang lalu. Namun disebabkan isu lokasi cadangan untuk dibangunkan secara berasingan di sekitar kawasan Sungai Kelang. Berikut adalah lokasi cadangan pusat kebudayaan yang dicadangkan. Pertama, nombor 17 iaitu untuk Pusat Kebudayaan Melayu, keluasan ekar sebanyak 15 ekar atau pun 9 lot. Lokasinya di Kampung Bukit Kuda dan Kampung Kuantan Kelang. Yang kedua, nombor 11 untuk Pusat Kebudayaan Cina berukuran 13.4 ekar terletak di Bandar Kelang; dan yang ketiganya, Pusat Kebudayaan India sebanyak atau seluas 16 ekar dan keluasannya adalah 4 lot di Kampung Pandan Kelang dan jumlah

keseluruhannya ialah sebanyak 44.92 ekar. Kertas MMKN pada tahun 2012, Mac 2012 telah mengambil maklum dengan pembentangan kertas konsep yang dibentangkan dan ada 3 konsep yang dikemukakan. Yang pertama; Pusat Kebudayaan Melayu akan berkonsepkan Kota Tamadun Melayu dengan perkampungan Melayu diwujudkan di persekitaran Sungai Kelang. Pengisiannya seperti program Laman Warisan, Laman Ilmuan, Laman Residen dan Laman Seni Kraf ya. Untuk Pusat Kebudayaan Cina, berkonsepkan *Malaysian Chinese* ataupun kaum Cina Malaysia dengan 7 fasa pembangunan dengan komponennya Pusat Kebudayaan *Town Park* dan penempatan semula tokong. Dan Pusat Kebudayaan India dengan konsep pengaruh India dengan motif Bali, komponennya ialah konvensyen, teater terbuka, galeri seni dan muzium. Kalau melihat angka yang telah digariskan di sini, angkanya agak tinggi untuk Pusat Kebudayaan Melayu sahaja lebih daripada RM1 bilion yang disasarkan. Untuk Pusat Kebudayaan Cina lebih daripada RM212 juta yang telah dikemukakan dan Pusat Kebudayaan India kita tak ada rekod, maknanya jumlah dia macam *infinity*, tak ada berhenti. Namun begitu, bagi pihak Kerajaan Negeri saya menganggap kita memandang serius perkara ini sebab ia satu janji, kita ada beberapa model. Antara model yang sangat berjaya dalam negara kita ialah *Sarawak Cultural Village*. *Sarawak Cultural Village* lebih padat dan lebih tepu kerana di negeri Sarawak ada pelbagai kaum seperti Iban, Melanau, orang Melayu, orang Cina, ada juga orang Iban yang mereka tempatkan di satu perkampungan. Jadi izinkan saya bersama Yang Berhormat Sijiangkang, EXCO yang mengawal urusan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan dan jangan terperangkap dengan adat istiadat Melayu kerana ada warisan di belakang yang saya kira boleh mengendali bersama-sama dengan pusat kebudayaan ini untuk kita kemukakan. Cadangan sasaran 3 tahun, saya letakkan ini sebagai cabaran penting untuk kami laksanakan tapi saya akan panggil semua pihak. Masalah sebelum ini saya rasa, saya kira sebab ia tidak bergerak sekali, ada yang nak buat komuniti, masyarakat India, ada masyarakat Cina jadi kita susah untuk *assemble* dan kemukakan. Jadi pada perkiraan awal berdasarkan komitmen yang ada dalam buku Belanjawan ini, kita perlukan permulaan RM20 juta dan saya perlu untuk melaksanakan dan saya minta sampai ke bulan tiga nanti saya akan kemukakan dalam Sidang yang akan datang apakah perkembangan tentang pembinaan Pusat Kebudayaan ini. Jadi saya berharap dengan wujudnya Pusat Kebudayaan ini akan mengayakan lagi peluang mempelajari asas kebudayaan warisan negeri Selangor di samping kelahiran kota-kota budaya sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Seterusnya dibangkitkan tentang persoalan sukan. Soalan sukan pertama daripada rakan saya Kampung Tunku berkenaan dengan peruntukan RM20,000.00 satu Pusat Dewan Undangan Negeri yang dikatakan memang agak kecil. Ya, saya setuju ia kecil. Namun begitu dengan peningkatan peruntukan RM700,000.00 satu tahun itu saya kira sebahagian daripada peruntukan itu boleh digunakan untuk membantu membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan di tempat-tempat sesaudara selaku Ahli Dewan atau selaku Ahli Dewan Negeri di kawasan

berkenaan. Jadi untuk tahun ini kita akan peruntukkan RM20,000.00 dulu dan saya harap ia dapat dikemukakan segera oleh pusat-pusat Dewan Undangan Negeri kepada Majlis-majlis Tempatan atau Pejabat Tanah mengikut kepada kawasan dan tempat itu dan Kerajaan Negeri sasarkan sekitar bulan enam, senarai nama-nama ataupun sekitar bulan tiga atau bulan empat, maafkan saya, bulan Mac hingga April senarai nama-nama kawasan yang dipilih oleh ADUN-ADUN itu telah dicadangkan dan dibincangkan di peringkat Majlis-majlis Tempatan untuk naik taraf kemudahan sukan, naik taraf ya. Untuk pembinaan-pembinaan pada masa ini kita belum ada lagi cadangan untuk perkara tersebut kerana kalau ikut rekod kita pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah belanjakan lebih RM100 juta untuk membina gelanggang-gelanggang futsal di seluruh Negeri Selangor. Kemudian dalam beberapa tahun kemudian melalui Geran Selangorku di bawah EXCO sebelum ini Yang Berhormat Sijangkang, kita telah membina dataran anak-anak muda yang meliputi kemudahan sukan, pelbagai sukan, ada bola jaring, sepak takraw dan futsal di satu tempat di samping sedikit dataran untuk anak muda dan kemudahan asas untuk tempat tersebut. Jadi kita akan kemukakan kemudian, jika ada keperluan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Saudara Bukit Gasing membangkitkan tentang infrastruktur sukan. Ya, saya berikan kepastian di sini bahawa Stadium Hoki Petaling Jaya, kita akan masukkan dalam *priority* pertama sebab peruntukan belanjawan untuk naik taraf kemudahan itu untuk dua stadium hoki yang saya dah ulang tiga kali termasuk pagi tadi, kita akan bina di Stadium Hoki Pandamaran dan Stadium Hoki Petaling Jaya dan kita ada kemudahan lain iaitu ada kemudahan yang akan digariskan oleh MSN dengan maklumat dan juga cadangan daripada pihak-pihak Majlis Tempatan untuk naik taraf sebahagian besar kemudahan sukan. Bila kita telah tubuhkan aset ataupun Perbadanan Aset Sukan Negeri barulah kita dapat mengawal dan mengurus selia secara keseluruhannya aset-aset yang dibangkitkan. Berkenaan dengan bumbung itu, saya kita untuk pendapatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang pendapatannya saya kira lebih daripada RM300 juta satu tahun, saya rasa ia tidaklah begitu berat. Jadi saya percaya Majlis Bandaraya Petaling Jaya ia boleh mengeluarkan wang tersebut, malahan untuk Stadium Hoki tu pada saya pun boleh, kalau ikut pandangan Pegawai Kewangan Negeri dan juga daripada Unit Perancang dan Ekonomi Negeri. Namun bagi kita, kita komited dulu angka tersebut, kalau Majlis Bandaraya Petaling Jaya setuju untuk membiayai sebahagian daripada Stadium Hoki itu kita akan boleh juga uruskan untuk tempat-tempat lain untuk kemudahan stadium-stadium yang banyak di Sabak Bernam, Sungai Besar dan tempat lain.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Saya dimaklumkan..tak apa. Sini dulu ok.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Saya dimaklumkan oleh MBPJ bahawa mereka tidak hendak keluaran peruntukan untuk Stadium Hoki kerana kurang orang bermain hoki berbanding bola sepak dan *this is a state level stadium*, dengan izin. Jadi mereka hendak negeri yang menanggung kos tersebut atas dasar prinsipal. Kalau negeri tetap mahu MBPJ membiayai kosnya, saya harap Kerajaan Negeri boleh menulis kepada MBPJ secara jelas supaya isu ini boleh diselesaikan dengan cepat tidak lagi tolak,tolak,tolak antara MBPJ dengan Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Bukit Gasing. Bagi pihak Kerajaan Negeri kita komited untuk melaksanakan penambahbaikan dan menaik taraf kemudahan stadium hoki. Wangnya saya rasa Pegawai Kewangan Negeri lebih gembira kalau MBPJ nak belanjakan, jadi kita boleh salurkan ke tempat lain. Ha, tengok tersenyum Pegawai Kewangan Negeri bila saya sebutkan itu. Jadi saya tak ada masalah, kita akan pastikan tetapi saya sasarkan sekitar bulan enam kalau boleh tahun hadapan kita dah memuktamadkan urusan permulaan ataupun memulakan pembinaan dan kalau ia ikut kepada sasaran yang kita buat sebab Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah kemukakan senarai harga ataupun 'b.q' juga cadangan-cadangan untuk menaik taraf kemudahan tersebut dan kita rasa kalau ia dapat dilaksanakan dengan cepat ia boleh dilaksanakan. Itu yang saya harapkan dan saya akan tetapkan nanti dalam pihak MTES atau di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk tetapkan bab peruntukan itu untuk digunakan. Untuk Kelang, *insya-Allah* kita akan laksanakan tapi bagi saya di Kompleks Rakan Muda tu, kalau setakat bumbung RM200,000.00 atau RM300,000.00 minta Negeri tu, jadi taraf bandar raya Petaling Jaya tu susah la nak dipertahankan. RM300,000.00 pun nak minta dengan Kerajaan Negeri, ya Petaling Jaya ni bandar raya kan, segan pula. Jadi itu cadangan saya, pandangan saya.

Yang terakhirnya berkenaan dengan pembangunan usahawan. Kampung Tunku membangkitkan tentang gerai,pasar awam. Tadi juga dibangkitkan oleh Taman Medan ya berkenaan dengan peniaga-peniaga yang dapat disusun. Memang menjadi sasaran kita sesuai yang disebut oleh rakan saya Sungai Pinang bahawa perniagaan ini satu konsep yang sangat luas daripada *potato chips* sampailah ke *micro chips*. Jadi katakan lah saya ambil *micro chips*, tak apa saya mulakan dengan perniagaan mikro. Jadi sasaran kita tahun hadapan adalah untuk menaik taraf, menyusun bersama dengan rakan saya EXCO Kerajaan Tempatan memastikan program perbandaran kita berada dalam baik untuk kita menyusun seluruh ataupun sebahagian besar daripada penjaja-penjaja ataupun penjaja kecil yang saya boleh cerakinkan kepada 3 kelompok; (i) pasar malam dan pasar pagi, (ii) penjaja *uptown* yang agak banyak dan (iii) penjaja-penjaja yang bersendirian dan bersepeh-sepeh. Kita akan susunkan secara berperingkat mengikut model supaya penjaja Negeri Selangor ini merupakan satu penjaja yang jauh berbeza daripada negeri-negeri lain dan kita ada contoh beberapa tempat misalnya Thailand ataupun negara-negara luar yang mampu menyusun penjaja-penjaja ini sehingga penjaja-penjaja ini bukan kekal menjadi penjaja berpuluh tahun tetapi mereka boleh mengorak langkah untuk

program-program pembangunan keusahawanan yang telah disediakan termasuk menyalurkan mereka melalui program-program pembangunan kursus keusahawanan Negeri Selangor. Ini yang akan kita serapkan mereka supaya mereka ada peningkatan kualiti dalam bidang keusahawanan dan juga perniagaan mereka.

Yang ketiganya, daripada Tanjung Sepat, daripada Tanjung Sepat membangkitkan tentang dana industri kampung. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh pihak Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam pembentangan belanjawan, dana industri kampung kita telah ada peningkatan sekitar RM800,000.00. Tahun ini kita, tahun ini kita ada RM1 juta lebih kita naikkan kepada RM1.8 juta untuk memastikan dana usahawan-usahawan ini ditingkatkan sesuai dengan perubahan pembangunan negeri dan dana industri kampung ini kita telah *repackaging* dengan izin ataupun dengan menjenamakan semula dengan kepada Dana Usahawan Mikro Selangor kerana kita ingin memberikan bantuan kepada usahawan-usahawan bukan sahaja terperangkap di kampung tetapi usahawan-usahawan Mikro sebagaimana sasaran yang saya telah kemukakan tadi. Jadi kita letakkan sasaran itu kalau setiap tahun sekarang kita letakkan 100 orang dari seluruh negeri Selangor tahun ini saya telah mulakan supaya Ahli-Ahli Dewan Negeri terlibat untuk proses pemilihan siapakah calon-calon yang perlu diberikan bantuan oleh pihak Kerajaan Negeri dan mulai tahun depan saya juga akan melibatkan dengan lebih aktif para Ahli Dewan Negeri namun ia berpusat di pusat-pusat di Pejabat Tanah Daerah untuk memilih dan mencadangkan calon-calon yang sesuai yang berdaya saing dengan kadarnya kita tingkatkan. Tahun ini kita tetapkan RM10,000.00 dalam bentuk barangan bukan dalam bentuk bantuan modal, RM10,000.00 itu dalam bentuk barangan. Namun kita kenal pasti ada sebahagian lain agensi-agensi tertentu peladang ataupun pertanian, agensi yang lain juga bagi barang, jadi ada sebahagian usahawan-usahawan yang kita jumpa ni dia tak berniaga, dia kumpul barang, dia dapat mesin tebu daripada satu agensi, karang dia dapat juga mesin tebu daripada kita, dia pengumpul barang, dia tak jadi. Jadi untuk melebarkan itu kita telah menambah nilai bukan hanya barangan termasuk aspek promosi juga, kita akan tambah nilai dalam Dana Industri Kampung dan Dana Usahawan Kecil ini untuk pastikan mereka dapat mengembangkan perniagaan di samping melebarkan sedikit *fund* itu ataupun dana itu daripada RM10,000.00 kepada RM30,000.00. Kalau RM30,000.00 bermakna kita akan mengurangkan lebih daripada separuh, daripada 100 orang lebih kepada separuh penerima-penerima itu. Namun bagi Kerajaan Negeri lebih baik kita pilih yang *selective* yang betul-betul yang boleh dikembangkan dan kita menyasarkan menjelang satu tahun daripada penerimaan dana dan bantuan yang kita berikan mereka boleh meningkatkan hasil mereka lebih daripada 30% daripada hasil yang mereka perolehi pada waktu ini. Jadi pada enam bulan pertama kita akan membuat kajian dengan impak kesannya terhadap program kita dan selepas satu tahun juga kita akan buat kajian lain dan saya akan bentangkan dalam Dewan jika ada permintaan daripada Ahli-Ahli Dewan

yang saya kasihi sekalian. Dan saya kira itu saja lah daripada saya kalau itu saya minta. Terima kasih.

Sekiranya apa yang saya bangkitkan tentang Adat Melayu dan Warisan adalah dua perkara. Yang pertama adalah berkenaan dengan teater, keduanya tentang filem dokumentari. Boleh diulas. Terima kasih, saya tertinggal...

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Daripada rekod yang kita perolehi pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah menyumbangkan lebih RM20,000 kepada Pusat Komus yang menganjurkan program *freedom film art festival* ini. Pada tahun ini 2014 kita tak ada rekod menunjukkan bahawa *Standco* Kebudayaan membelanjakan. Nama saya sedang fakta dikatakan kata-kata belum muktamad saya akan dapatkan pegawai belum dapat muktamadkan bahawa pihak MBI telah memberikan bantuan kepada *freedom film festival*. Saya kira *freedom film festival* ini di antara pertandingan *short film* yang paling awal berkenaan dengan hak sasi dan juga kemanusiaan di Malaysia ini saya kira tidak ketegangan untuk pihak Kerajaan Negeri untuk membelanjakan dengan mereka dan kita juga akan menjemput mereka untuk festival-festival kesenian dan program-program kesenian sebagaimana yang telah dianjurkan terutamanya apabila kita dapat ujudkan kota seni di Shah Alam dan juga angkanya saya tak boleh beri di sini secara muktamad sebab saya kena tengok balik perancangan program pembangunan dalam *retreat* yang kita akan anjurkan akhir tahun ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih kepada Kinrara yang membangkitkan isu berkenaan tanah lapang digunakan untuk membina asrama bagi pekerja-pekerja asing. Pada dasarnya Kerajaan Negeri tidak membenarkan sebarang pembangunan dipohon untuk dijalankan di atas tanah lapang yang diwartakan melainkan untuk aktiviti rekreasi. Walau bagaimanapun Kerajaan menggalakkan kilang yang kawasan keluasan tapaknya melebihi 20 ekar untuk membina asrama pekerja dalam perkilangan itu sendiri. Melainkan ada tanah lapang yang sesuai dan dengan sumbangan daripada pihak swasta maka itu boleh dipertimbangkan kerana ada tidak adil untuk membebankan Kerajaan Negeri bagi membina asrama untuk pekerja-pekerja asing kerana itu akan bererti kita membebankan rakyat. Wang cukai rakyat digunakan untuk membina asrama pekerja bagi membantu pekilang-pekilang tersebut. Saya rasa itu harus diberikan pertimbangan sewajarnya sekian saja.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Hulu Kelang yang menyentuh 2 perkara khususnya satu Lembaga Selangor yang mana memang dalam kaji masih lagi

saya UPEN telah berjanji bahawa masih lagi mereka menunggu beberapa keputusan daripada Badan-badan seperti Teknikal Department dan juga daripada Pulau Pinang mereka nak bandingkan kertas memang sudah pun sedia sebenarnya di bawah ke MMKN tapi masih menunggu *clarification* sahaja dengan izin maka saya percaya seperti yang diminta oleh Y.B. Hulu Kelang saya percaya kalau diizinkan tahun depan dapat membawa Enakmen ini dalam Dewan nanti, itu hal pertama. Berkenaan dengan kemiskinan memang kita ada kumpulan sasaran sebenarnya. Apabila kita menetapkan paras garis kemiskinan sebanyak RM1,500.00 kita ambil maklum bahawa memang satu kumpulan yang begitu besar iaitu 30% daripada penduduk Selangor. Adalah sasaran sebenarnya di bawah *Standco* kemiskinan tapi namun dengan peruntukan yang sedia ada kita perlu benar-benar *identify* seperti saya tadi amat tertarik dengan cara daripada apa yang diberitahu oleh Y.B. Hulu Kelang tadi berkenaan dengan *success story* dengan izin. Kita perlu ada saya percaya itu sebab kita buat *retreat* baru-baru ini kita telah rancang dalam bulan Disember ini supaya *Standco* Sektor ini di bawah bincang bersama mendapat idea-idea baru supaya kita menetapkan dari mana mereka pergi kalau tidak kes yang sama berlaku kepada seperti tadi yang diberitahu oleh Yang Berhormat Batu Caves yang mana mereka menjadi pengumpul barat. Apabila kita kata paras garis kemiskinan *Standco* saya ialah Blue print Kemiskinan di mana kita membantu peralatan perniagaan di bawah RM5,000 kepada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan ini memang maklum apabila Pegawai Sektor menyiasat ada kes-kes yang berlaku di mana mereka hanya mengumpul atau pun tidak menggunakan barang yang tersebut. Tapi dalam pada itu saya tidak dinafikan memang ramai juga telah memaju mengguna pakai barang tersebut dan memaju dalam perniagaan mereka dan memajukan diri mereka melepasi paras garis kemiskinan. Tapi tidak ada satu perangkaan yang jelas telah dirangka supaya kita boleh beritahu *what is the success story* dengan izin. Namun maka kami telah cadangkan, UPEN telah cadangkan satu kajian secara menyeluruh dibuat oleh UNISEL dan juga UNITAR dan tahun depan saya rasa demikian kita menentukan kumpulan sasaran dan juga kita akan rangka program-program yang lebih bersesuaian dan dapat siasat dan kita akan membawa perkara yang *success story* nanti, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD: Terima kasih Y.B. Tuan Speaker tentang pertama sekali tentang isu SPIES ada dibangkitkan oleh Y.B. Hulu Kelang, Sabak dan juga Seri Serdang. Kita akan ambil kira cadangan-cadangan yang dibawa oleh mereka dalam proses kajian semula di bawah Portfolio Mudah Insan. Tentang isu pelaksanaan SPIES di Masjid, Surau dan Tokong-tokong, sebenarnya kita telah laksanakan bila program SPIES dilaksanakan sejak 2008 sehingga 2014 dia telah melibatkan lebih 151,000 peserta melibatkan semua peringkat termasuk peringkat Masjid, Surau, JKKK, PBT dan juga peserta *non muslim*. Seterusnya tentang isu

bantuan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil yang dibangkitkan oleh Y.B. Kampung Tunku tidak ada yang tercacah sebab kalau kita rujuk kepada

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mahu minta penjelasan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD: Bagi saya terangkan dulu

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya, saya mahu minta penjelasan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD: Ya saya tengah terangkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebab saya.....

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, biar Seri Setia habiskan soalan dulu, ayat beliau bukan soalan. Seri Setia

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD: Ya, jadi peruntukan kita ialah sebanyak RM16 juta, RM6 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, RM4 juta

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 34, 354. 354 seseorang Ahli yang telah bercakap dalam satu-satu masalah itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam Ucapannya dan telah menerbitkan kesalahan faham tapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara baru. Saya tidak ingin mengeluarkan perkara baru tapi saya percaya terdapat kesalahan fahaman dalam isu yang dibangkitkan di sini. Isu yang saya panggilkan Tuan Speaker ialah peruntukan tambahan RM2 juta untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau SMJK dan Sekolah Kebangsaan. Ianya tidak ada kaitan dengan peruntukan kepada SJKT, SJKC atau pun Sekolah Agama. Tapi saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kesalahan faham dalam isu yang dibangkitkan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD: Sebab itu perlu dengar apa yang saya terangkan sepenuhnya dahulu. Apa yang saya terangkan kalau kita rujuk muka surat 70, ia dalam dokumen itu, dia sebut RM16 juta tiap tahun, RM6 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan RM2 juta untuk Sekolah Menengah Cina sebab itu tidak ada soal tercacah untuk peruntukan tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, itu sebab itu saya kata tercacah kerana RM2 juta yang saya bangkitkan itu adalah untuk SMJK, SMJK bukan Sekolah Menengah Cina dan juga untuk Sekolah Kebangsaan termasuk Kebangsaan yang biasa yang kita lihat ini. Memangnya dalam 5 tahun yang lalu tidak pernah diberi apa-apa peruntukan oleh Kerajaan. Masuklah seperti misal Sekolah Kebangsaan Kampung Tunku, Sekolah Kebangsaan, Taman SEA, Sekolah Kebangsaan Y.B. Puan Speaker sendiri. Ini yang saya maksudkan RM2 juta terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD: Okay, jadi yang tak saya meneliti perkara tersebut tetapi yang apa saya difahamkan ialah sebelum ini kita tak pernah berikan pun. Jadi dan yang kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan yang lain setakat ini memang kita bagi, kita belum pernah sebab kita bagi bantuan kepada Sekolah-sekolah yang tidak dapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ya, *I think* saya nak memperjelaskan Sekolah Kebangsaan itu bukan Sekolah Kebangsaan biasa tapi merujuk kepada *what you call it* Sekolah Mubaligh, *Missionary School*, macam *Catholic School*, *Methodist School* dan sebagainya yang juga macam Sekolah Cina dan Sekolah Tamil, Sekolah Separa Bantuan. Sebelum ini tidak ada peruntukan Kerajaan Negeri. Adakah RM2 juta ini juga akan digunakan untuk Sekolah-sekolah seperti Sekolah Rendah, Methodist dan sebagainya.

Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD: Tak apa, kita akan mempertimbangkan perkara tersebut dan melihat cadangan-cadangan yang telah dibawa sebentar tadi. Seterusnya untuk program jom kerja yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Serdang, kita memang ada bagi tumpuan khusus bagi ibu tunggal dan juga golongan belia dan ada lebih kurang ada 8,736 pemohon untuk program tersebut dan kita akan bawa anak-anak muda ini untuk bertemu dengan Syarikat-syarikat untuk diadakan *walk-in interview* dan hampir lebih kurang 1/3 daripada mereka kemudian dipanggil untuk peringkat temu duga seterusnya. Y.B. Seri Serdang ada juga membangkitkan tentang isu ghafard ditambah. Itu pun kita akan menelitinya tentang peruntukan Sekolah Agama Rakyat ikut kapasiti pelajar. Sistem yang ada pada hari ini ialah kita melihat pertama bergantung pada permohonan yang dibuat oleh Sekolah Agama Rakyat itu sendiri kerana masing-masing mungkin setengah Sekolah Rakyat ada pelajar yang sedikit tetapi keadaannya adalah lebih daif berbanding Sekolah Agama Rakyat yang pelajarnya ramai. Kita juga melihat kepada rekod untuk cuba membolehkan sebanyak mungkin Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang ada untuk menerima bantuan jadi kalau Sekolah Agama Rakyat itu sudah pun menerima bantuan sebelum ini maka kita cuba bagi peluang kepada Sekolah yang lain pula untuk menerimanya. Untuk seterusnya tentang isu peruntukan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor sebenarnya kita menyediakan peruntukan sebanyak RM1.1 juta untuk tujuan berikut pertama Perpustakaan Desa RM350,000.00 iaitu membina Perpustakaan Desa Simpang Lima, Sabak Bernam dan seterusnya baik pulih dan pembaikan bangunan RM370,000.00 untuk Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Perpustakaan Desa Parit Baru Sabak Bernam, Perpustakaan Kerling Hulu Selangor dan Perpustakaan Desa Sg Masin Hulu Selangor. Perbelanjaan untuk kelengkapan dan koleksi buku sebanyak RM200,000.00 dan naik taraf Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang sebanyak RM200,000.00. Selain itu, juga peruntukan disediakan sebanyak RM5 juta dalam proses Pembangunan Perpustakaan Raja Tun Uda, fasal kedua. Juga di tentang isu peruntukan untuk INPENS Kerajaan Negeri akan melihat cadang-cadangan yang

diberikan termasuk idea meluaskan bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan oleh INPENS di keusahawanan dan akhir sekali tentang penambahbaikan perkhidmatan *wifi* sekali tentang penambahbaikan perkhidmatan *wifi* percuma yang telah dibangkitkan oleh Sekinchan sebelum ini yang mana kita semua maklum 112 *hotspots* sahaja ada di seluruh negeri iaitu 2 *hotspots* di kawasan setiap DUN dengan setiap dengan membayar sewaan bulanan sebanyak RM1,000.00 untuk setiap *hotspots*. Jadi menyedari kelemahan ini sebagaimana telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita dalam proses kerjasama dengan pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi untuk menyediakan secara percuma sekurang-kurangnya 2,500 *hotspots* yang berkelajuan 1mpps dengan lingkungan perkhidmatan 100 meter untuk menampung penggunaan Internet dijangka mencecah 25 juta di seluruh negara menjelang 2015. Kita akan menumpukan 2,500 *hotspots* ini di tempat tumpuan awam di kawasan luar bandar dan kemudahan yang tidak mempunyai Internet. Mungkin Sekinchan akan mendapat banyak manfaat daripada tindakan ini. Dengan pelaksanaan program ini maka penggunaan ekonomi digital dapat dipertingkatkan dan kita dapat membuka peluang untuk para usahawan berjaya dan meningkatkan taraf kehidupan masing-masing, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Speaker, ramai daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat menyentuh tentang isu-isu kesihatan terutama dari segi tentang bajet untuk kesihatan. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Ijok untuk meningkatkan peruntukan bagi pembangunan kesihatan Negeri Selangor. Peruntukan yang telah diluluskan dalam pembentangan bajet 2015 bagi Pembangunan Kesihatan adalah sebanyak RM2.8 juta. Jumlah tersebut adalah lebih tinggi dibandingkan tahun 2013 iaitu hanya RM500,000. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah menggariskan beberapa program-program bagi meningkatkan agenda pembangunan kesihatan di antaranya adalah bantuan kesihatan Sihat Selangor di mana Kerajaan Negeri membiayai kos rawatan bagi rawatan dialisis pembedahan kecil katarak mata, kaki palsu dan lain-lain rawatan di Hospital Kerajaan. Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan melihat semula pelaksanaan pusat dialisis rakyat untuk melaksanakan penambahbaikan khidmat kepada pesakit-pesakit dialisis yang menerima rawatan. Selama ini mereka dapat rawatan di Pusat Dialisis Rakyat sedia ada. Kerajaan Negeri akan memastikan yang sedia ada digunakan sebaiknya demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat negeri Selangor. Ijok juga mencadangkan agar Selangor menubuhkan Yayasan Kesihatan Selangor. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkaitan cadangan bagi penubuhan Yayasan Kesihatan Negeri Selangor dan akan mengkaji secara terperinci keperluan penubuhan Yayasan ini mulai 2015. Selain daripada tentang kesihatan Kampung Tunku juga ada menyentuh tentang isu pusat penyusuan. Dasar Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan apa yang terbaik demi kesejahteraan rakyat Selangor dan ini termasuk menggalakkan ibu-ibu supaya menyusukan anak mereka sekurang-kurangnya melebihi satu tahun dan mengikut kajian bahawa

menyusukan anak ini atau *breastfeeding* ini mengurangkan risiko kanser payu dara kepada wanita tersebut. Di bawah dasar Kerajaan pusat yang mana dasar menyediakan kemudahan tempat menyusu anak di tempat membeli belah telah disenaraikan di bawah aktiviti pelan tindakan pemakanan Malaysia 2011 – 2015. Di mana 30% pusat membeli belah menyediakan kemudahan tempat penyusuan dan memerah susu ibu menjelang tahun 2015. Agensi yang akan memastikan perkara ini dilaksanakan adalah di bawah Kementerian Wanita, Mampu, Kementerian Kesihatan Malaysia dan MTC.

Di peringkat Kerajaan Negeri sebagai contoh taska pejabat SUK yang dibina khusus untuk warga SUK yang ingin menghantar anak ke pusat Asuhan turut disediakan bilik penyusuan bayi bagi memudahkan dan menggalakkan ibu-ibu menghantar anak di Taska ini dan terlibat dalam sistem penyusuan susu ibu. Bagi garis

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Adakah Kerajaan juga merangka sama ada mungkin Kerajaan memberi insentif kepada majikan-majikan di sektor swasta. Saya menitik berat swasta kerana kebanyakan taska kerajaan ini hanya *reach out* kepada penjawat-penjawat awam sahaja yang sebenarnya apa yang perlu juga diberi perhatian yang sama penting ialah wanita yang bekerja di sektor swasta. Jadi mereka barang kali kerajaan boleh berikan insentif contohnya seperti potongan cukai, pintu dan sebagainya sebagai satu insentif kepada majikan ini memberi galakkan kepada pekerja-pekerja kaum wanita di Syarikat mereka menjalankan penyusuan ibu. Contohnya mereka perlu menyediakan peralatan atau pun infra yang berkaitan dengan penyusuan ibu. Boleh tak kita merancang sesuatu?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku . Kita akan mengkaji apa yang dikemukakan oleh Kampung Tunku iaitu satu cadangan yang baik yang mungkin kita boleh laksanakan di negeri Selangor.

Seterusnya tentang isu garis panduan Pusat Jagaan Warga Emas. Seperti yang dikemukakan oleh Kampung Tunku bahawa pusat jagaan harian Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ada ditetapkan satu garis panduan. Walau bagaimana pun bagi Pusat Jagaan yang ingin dibangunkan oleh pihak swasta atau Pertubuhan Sukarela tiada garis panduan dan khusus untuk perkara ini. Justeru itu Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan akan meneliti perkara ini memandangkan Pusat Jagaan harian Warga Emas yang ingin dibangunkan oleh pihak swasta atau Pertubuhan Sukarela menjadi keperluan di Komuniti masa kini. Selat Kelang dan Seri Serdang membangkitkan tentang peluang pekerjaan kepada ibu tunggal dan OKU. Kerajaan Negeri prihatin terhadap masalah ibu tunggal yang tiada pekerjaan dan ianya sering dibangkitkan. Justeru itu Kerajaan Negeri telah

ada menyediakan latihan dan bimbingan kepada mana-mana ibu tunggal yang berminat untuk terlibat dalam program mengasuh dan menjaga anak-anak di rumah. Latihan dan bimbingan yang diberikan untuk ibu tunggal ini adalah khusus asuhan kanak-kanak di rumah agar ibu tunggal ini mempunyai pengetahuan dan mempunyai sistem dalam aspek penjagaan dan asuhan kanak-kanak. Dengan ini aspek penjagaan kanak-kanak diutamakan dan diaplikasikan dalam penjagaan kanak-kanak tersebut. Selain itu Jabatan Kebajikan Masyarakat itu juga ada menyediakan bantuan geran pelancaran pada mana-mana ibu tunggal yang berminat untuk memulakan perniagaan kecil. Terdapat juga bantuan lain yang diberikan melalui agensi lain untuk dimanfaatkan oleh ibu tunggal yang ingin menjaral pendapatan seperti daripada SkimSel, MIMBAR daripada Jabatan Pertanian dan lain-lain.

Sekinchan, Seri Serdang dan Ijok ada membangkitkan tentang isu program mammogram yang mana program mammogram ini telah pun diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2010 dan telah memberi manfaat kepada 18,852 orang dengan sejumlah RM 1,808,708 telah dibelanjakan khusus untuk program mammogram ini. Justeru itu mulai tahun 2015 program mammogram ini akan terus dipergiatkan bagi memberi lebih manfaat kepada wanita sehingga ke akra umbi. Oleh itu, dengan adanya penyelia PWB yang dilantik, yang akan dilantik di setiap DUN maka kita mengharapkan program ini akan lebih dipergiatkan sehingga ke peringkat komuniti yang mana yang akan turut dilaksanakan oleh PWB ini. Dengan itu wanita di komuniti juga akan terdedah dan menyedari keperluan untuk turut serta dalam program mammogram demi kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Taman Medan membangkitkan tentang Hospital, tapak Hospital di Taman Medan Petaling Jaya. Saya akan membuat penyiasatan secara terperinci tentang status terkini dan saya akan memberikan jawapan secara bertulis pada Taman Medan apabila mendapat makluman tersebut.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang terlibat di dalam membahaskan Perbelanjaan atau pun Belanjawan Pembangunan. Pertamanya isu yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang berkaitan dengan Pembangunan kemudahan asas desa yang dahulunya kita mula konsep APCD. Prior APCD telah dimulakan pada tahun 2011 oleh mantan Menteri Besar melalui ucapan Bajet 2012 bertujuan untuk membangunkan ekonomi desa. Memberi penekanan kepada kemahiran kepimpinan berfikir dan juga pendedahan kepada konsep pembangunan komuniti berasaskan aset, aset komuniti *development*. Antara program yang telah dilaksanakan adalah *natural farming* menggunakan sumber-sumber sedia ada di kalangan petani, sedia ada. Dengan kaedah *natural farming* ini ia berjaya menurunkan kos operasi masa baja dan sumber-sumber semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan dan ternakan. Dan secara teorinya mengurangkan kos operasi menyumbang kepada peningkatan-

peningkatan dan Hulu Kelang menawarkan untuk menjadi Kampung besar sebagai projek di kawasan beliau. Insya-Allah kita akan lihat pada tahun hadapan bagaimana kita dapat menggunakan peruntukan itu mungkin juga dengan menggunakan konsep yang sama atau pun bertambah baik konsep itu se.... untuk tujuan pembangunan yang desa yang ada di negeri Selangor ini. Kemudian Sekinchan menyentuh berkaitan baik pulih atau pun struktur, infrastruktur atau pun fizikal bangunan SRA di kawasan beliau termasuk SRA Taman Harmoni, SRA Sg. Lemang yang kadarnya uzur termasuklah tandas dan bumbung keadaannya tidak memberikan soal keselamatan kepada pelajar-pelajar. Jadi secara saya tidak pasti sama ada Sekolah Rendah Agama kawasan Sekinchan ini terlibat di dalam program baik pulih yang kita telah jalankan tetapi saya akan ambil maklum tentang perkara ini Cuma makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rekod penyelenggaraan SRA bagi tahun 2014 pada 1 Januari sehingga 30 November 2014. Kita telah membelanjakan sejumlah RM7,823,724.33, RM7,823,724.33 dengan jumlah kerja atau projek sejumlah 171 projek kesemuanya. Cuma saya kira negeri Selangor Jabatan Agama Islam mempunyai jumlah Sekolah-sekolah yang perlu diselenggarakan dengan cukup banyak sejumlah 334 buah sekolah kesemuanya termasuklah SRA, SRAI, Maahad Tahfiz dan Sekolah Agama Menengah KAFA-KAFA Menengah dan juga pra Sekolah. Jadi saya ingat yang dibangkitkan oleh Sekinchan tadi dan *insya-Allah* kalau ada perkara-perkara yang perlu diselenggarakan kita akan selenggarakan untuk pembangunan pelajar-pelajar juga. Perkara yang kedua

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sedikit, terima kasih Tuan Speaker, berkenaan dengan permohonan permintaan untuk baik pulih itu saya ucapkan terima kasihlah kepada EXCO daripada Sijangkang yang prihatin dan ambil maklum tapi cuma dalam konteks Sekolah Taman Seri Harmoni ini, dia bukan sahaja masalah fizikal penambahan bangunan baru untuk SRA itu. Penambahan bangunan baru, sudah lama kerana tidak cukup kelas untuk mereka. Ini yang saya minta perhatian.

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih kepada Sekinchan. *Insya-Allah* kita akan ambil maklum. Perkara yang kedua adalah berkaitan dengan gerai PLB dan juga dibangkitkan oleh pihak Sekinchan. Gerai PLB ini adalah projek yang dijalankan pada tahun 1980-an. Cuma saya kira pada masa ini keadaannya cukup uzur pun begitu pada masa ini gerai PLB ini tidak dibina lagi di Negeri Selangor. Dan kita dalam proses untuk membuat kajian tentang status-status gerai PLB ini, sama ada ianya perlu diperbaiki atau pun dirobohkan kerana sebelum ini pun kita melihat ada peruntukan, cuma yang sedikit malang kadang-kadang gerai itu sepatutnya dirobohkan tidak sesuai untuk digunakan tetapi ianya diperbaiki lagi. Yang akhirnya ia juga tidak memberi manfaat kepada masyarakat atau pun rakyat di negeri Selangor. Kemudian Sabak ada menyentuh berkaitan dengan isu penyelenggaraan bangunan Jabatan Kehakiman Syariah (JAKES). Projek pembinaan Mahkamah Syariah dibangunkan oleh Amanah Raya Development bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk Jabatan Kehakiman Syariah Selangor atau

pun JAKES meliputi satu bangunan mahkamah di setiap daerah di Negeri Selangor termasuklah Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Shah Alam. Berdasarkan kepada aduan yang telah dikemukakan berkaitan pembinaan bangunan JAKES maka Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak JKR untuk membuat pengauditan ke fungsian semua bangunan JAKES ini yang telah dibangkitkan oleh seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Sabak tadi. Dalam daripada pengauditan tadi terdapat isu keselamatan dan isu ke fungsian yang perlu diperbaiki dengan segera yang melibatkan bidang awam dan struktur seni bina elektrik dan juga mekanikal. Hasil auditan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor pada 20 November 2014. Dan MTES telah memutuskan supaya kos untuk kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan dianggarkan RM4,102,800.00 dibiayai oleh pihak Amanah Raya *Development* bagi pihak yang bertanggungjawab dalam pembinaan bangunan JAKES ini. Dan saya kira ini mungkin antara satu projek yang tidak begitu berjaya kerana banyak kelemahan-kelemahan yang kita dapat kenal pasti. Kemudian, Tanjung Sepat membangkitkan isu berkaitan dengan latihan kepada Ketua Kampung dan juga Jabatan Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Kerajaan Negeri telah melaksanakan latihan dan kursus kepada Ketua Kampung dan JKKK sebenarnya secara berkala untuk membantu menambahkan kefahaman supaya golongan ini mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang agenda-agenda Kerajaan Negeri. Dengan alatan yang mencukupi ketua kampung dapat membuat hebahan kawasan masing-masing sekali gus membantu mereka mendapatkan manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat. Latihan kepada Ketua Kampung dan JKKK ini telah dimasukkan sebagai salah satu daripada sasaran kerja tahunan. Pun begitu, saya ingat mungkin ada sedikit sebanyak kelemahan yang berlaku dan saya akan lihat daripada segi penambahbaikan dan *insya-Allah*, kita akan lakukan sesuatu supaya akhirnya latihan-latihan kita yang kita berikan ini akan benar-benar memberi manfaat kepada Ketua Kampung dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kemudian Tanjung Sepat juga membangkitkan kaitan dengan isu agar mewujudkan bahagian pembangunan di JAIS yang diketuai seorang jurutera, kita sedia maklum bahawa setakat ini memang kita mempunyai kelemahan dari segi itu. Kita ada seorang penolong pengarah bahagian yang mengetuai kemudian ada empat orang pembantu jurutera yang saya kira ianya sudah tentu tidak mencukupi. Cadangan ini telah dimasukkan dalam rancangan penstrukturan semula Organisasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang telah dibengkelkan beberapa kali sepanjang tahun 2014. Dalam rancangan tersebut Ketua Unit Pembangunan ialah daripada Skim Jurutera Gred 41. JAIS sedang mengemas kini cadangan tersebut dengan bantuan bahagian pengurusan Sumber Manusia SUK sebelum diangkat ke perhatian pihak yang berkaitan. Kemudian, Kuala Kubu Baharu juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu Muzium Daerah, yang saya kira hari ini saya akan lihat bagaimana yang dicadangkan rumah DO untuk dibaikpulih dan dijadikan sebagai Muzium, kita akan lihat sama ada ianya sesuai ataupun tidak. Perkara yang seterusnya adalah perkara yang dibangkitkan Seri Serdang berkaitan dengan Sekolah Agama. Kita mempunyai 23 Sekolah Agama bantuan kerajaan yang mana bangunan pengurusan

bangunan itu juga masih lagi dibantu oleh Jabatan Agama Islam untuk baik pulih dan untuk makluman bahawa Sekolah Agama Menengah Bestari ya, sebenarnya pada tahun 2013 kita telah memberikan memperuntukkan sejumlah RM426,000.00 untuk pembaikan dewan dan Blok Akademik yang ini sudah selesai dan pada tahun ini Sekolah SAMTAJ ya, kita telah menjalankan baik pulih kecil kuarters sejumlah RM60,000.00 dan baik pulih tandas sejumlah RM20,000.00. Dengkil membangkitkan lagi isu berkaitan dengan tapak projek membina masjid pekan Dengkil ya. Seperti mana yang saya maklumkan tempoh hari bahawa daripada beberapa perbincangan dan pandangan-pandangan yang terkini daripada Kamar Penasihat Undang-Undang yang mengatakan bahawa pandangan beliau adalah berkaitan dengan tanah yang dipertikaikan oleh orang asli sebagai tanah warisan sebenarnya adalah tanah milik kerajaan yang telah diwartakan sebagai tapak Masjid pekan Dengkil dan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan sebenarnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga tidak mempunyai masalah kalau ikutkan bahawa JAKOA daerah Sepang memaklumkan bahawa orang asli tiada halangan dalam pembinaan masjid dan tujuan pemulangan cek pampasan adalah kerana orang asli mahu membuat tuntutan pampasan tanah dan pokok. Dan buat masa ini seperti mana yang saya maklumkan tempoh hari JAIS telah melantik juruukur *format survey* bagi kerja-kerja ukur dan meletakkan batu tanda bagi keluasan lima ekar tapak masjid tapak masjid baru itu. Secara tidak langsung daripada bacaan saya bahawa sepuluh ekar itu, seperti mana pandangan terkini daripada Kamar Undang-Undang adalah tanah milik Jabatan Agama Islam yang diwartakan untuk pembangunan Masjid Pekan Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker. Boleh Yang Berhormat EXCO...

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya, terima kasih. Terima kasih. Boleh Yang Berhormat EXCO sentuh sedikit fasal peruntukan RM2 juta daripada pihak JAIS ini. Sebab sekarang ini ada token RM10.00 sahaja untuk masjid tersebut.

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Yang ingin juga saya maklumkan tempoh hari bahawa kita juga mendapat maklum bahawa kerajaan Pusat Persekutuan akan memberi sejumlah 3 juta ringgit untuk pembinaan itu. Saya kira sekiranya kita mulakan tahun ini pun 3 juta itu akan mencukupi dan *insya-Allah* sebagai tambahan untuk projek ini yang mungkin akan menelan belanja lebih kurang 5 juta ringgit, kita akan masukkan dalam belanjawan tahunan 2016. Selat Kelang ya, membangkitkan tentang Masjid Nurul Iman Teluk Gadung, Masjid Nurul Iman Teluk Gadung Kelang merupakan masjid lama yang telah uzur dan dirancang untuk dirobuhkan dan dibina baru. Pada 18 September 2012 Ahli Kariah telah memohon untuk membina sendiri masjid baru tersebut. Perobohan masjid lama itu

dicadangkan menggunakan wang wakaf secara l'tidal tetapi tidak diluluskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor oleh kerana terdapat peruntukan semasa kerajaan berjumlah RM3 juta bererti 14 Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun tersebut satu cadangan telah dikemukakan supaya peruntukan tersebut disalurkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor sebagai pembiayaan tambahan projek tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh pihak Perbandaran Negeri, Perbendaharaan Negeri. Pada 11 November 2014 notis mengenai siasatan pembatalan warta TTK10A/28/92/PTK10A/17/97, PTK6/19/75 dan DOK1335 telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Pada 26 Jun 2014 JAIS menerima satu maklumat daripada pihak masjid memaklumkan keputusan untuk menyerahkan pembinaan semula masjid kepada JAIS. Oleh itu, masjid ini masih dalam proses reka bentuk pada kebiasaannya proses ini akan memakan masa selama setahun untuk dimuktamadkan. Oleh yang demikian, ia tidak tersenarai untuk pelaksanaan pada tahun 2015. Seterusnya, Kota Anggerik menaik isu berkaitan Sekolah Agama Rendah tidak cukup di kawasan bandar yang ini saya akan lihat. Kerana permintaan yang begitu tinggi kita akan kaji di peringkat Jabatan Agama Islam di Negeri Selangor sekiranya kita mempunyai tapak yang bersesuaian mungkin boleh dirancang untuk pembinaan Sekolah Rendah Agama di masa akan datang. Balakong permohonan untuk penyelenggaraan naik taraf masjid dan surau, saya kira saya baru mendapat surau dalam lebih kurang seminggu ataupun dua minggu yang lepas dan saya telah mengambil maklum dan *insya-Allah* kita akan mengambil tindakan melalui JAIS terutamanya bagi penyelenggaraan masjid dan surau biasanya Lembaga Zakat juga boleh terlibat di dalam memberikan peruntukan untuk pembangunan pembaik pulih ataupun penyelenggaraan surau.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Untuk makluman Speaker, tapak untuk Sekolah ini telah ada satu dan tujuh dan dalam RM ini ada di apa ni di Subang. Jadi saya telah minta lebih dua tiga kali, dua tiga tahun tapi setakat ini JAIS tidak ada ambil tindakan. Yang sangat mendesak sebab jumlah keperluan pelajar sangat tinggi. Minta agar pihak kerajaan mengambil tindakan segera.

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Kota Anggerik. *Insya-Allah* saya akan mengambil maklum perkara ini dan kita akan lihat bagaimana kita dapat melihat pembangunan Sekolah Agama untuk keperluan anak-anak kita. Seterusnya Batu Tiga berkaitan dengan tapak kampung tapak Kampung Kuantan Makam Diraja Ungku Hassan yang ini saya kira untuk tujuan peruntukan ataupun baik pulih biasanya kita akan letakkan atau kita akan wartakan perkara itu atau masukkan dalam *list* yang akan yang perlu diwartakan dan kemudian kita akan peruntukan-peruntukan barulah kita boleh menyelenggarakan atau membuat kerja-kerja baik pulih di situ dan *insya-Allah* saya akan lihat keperluan ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak mohon penjelasan sebab tadi saya nampak Yang Berhormat EXCO dah jawab banyak tapi saya ada bangkitkan tentang pembangunan kampung di kawasan saya, Kampung Sungai Bakau dan Sungai Dua yang mana memerlukan peruntukan khas melalui PLB untuk pembinaan infrastruktur asas seperti jalan dan sebagainya.

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Rawang. Yang ini adalah kampung yang penempatan semula kampung. Dua buah kampung ya. Yang saya kira mungkin perlu juga di peringkat Negeri untuk kita fikirkan. Saya akan melihat keperluan itu terutamanya berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Saya minta maaf, saya lupa berkaitan infrastruktur dan juga kemudahan awam, keperluan kampung tersebut. Batu Tiga juga membangkitkan isu tapak masjid di Seksyen 20 yang digunakan sebagai tapak letak kereta oleh KPJ. Tapak tersebut telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS untuk diguna secara sementara oleh KPJ sebagai tapak letak kereta sehingga pembinaan masjid dimulakan. Untuk rekod pembinaan masjid adalah inisiatif ahli Kariah melainkan wujud keperluan dan dipersetujui untuk dimasukkan dalam rancangan Malaysia yang akan datang. Saya kira itu antara beberapa perkara yang menyentuh portfolio saya. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini.

TUAN SPEAKER: Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyentuh isu tentang Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjawab soalan daripada Hulu Kelang dengan Rawang mengenai isu tentang Dewan Orang Ramai. Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan pembangunan bagi Dewan Orang Ramai sebanyak lima ratus ribu. Ya, saya ingat Yang Berhormat Hulu Kelang kata ini terlalu sedikit. Ya, nanti saya akan jawab. Dan peruntukan ini disalurkan kepada mana-mana PBT yang menghadapi kekangan daripada segi kewangan untuk membaik pulih dan menyelenggarakan Dewan Orang Ramai di kawasan masing-masing dan keutamaan diberi bagi kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan struktur fizikal Dewan Orang Ramai seperti tandas, bumbung, lantai dan sebagainya. Kalau peruntukan ini telah habis peruntukan di bawah kemudahan awam ia juga dalam bajet sebanyak empat juta ringgit juga boleh digunakan sebagai baik pulih ataupun penyelenggaraan dewan ataupun balai. Itu yang boleh dimohon oleh PBT kepada UPEN. Dengkil. Yang Berhormat Dengkil membangkitkan isu tentang jalan masuk ke Taman Warisan Bestari. Ya, betul ya Y.B.? Yang tidak mempunyai lampu jalan. Untuk makluman Yang Berhormat jalan masuk ini adalah di bawah bidang kuasa jalan bidang kuasa JKR. Perkara ini berhubung jalan JKR dan saya akan apa ni salurkan isu ini kepada pihak JKR

supaya dapat mempertimbangkan permohonan. Daripada Yang Berhormat Bukit Gasing membangkitkan isu tentang *density*. *Density* ini merupakan isu hangat di kawasan PJ, Subang Jaya dan sebagainya. Pandangan Kerajaan Negeri adalah perubahan atau pun perancangan densiti baru atau pun lama di sesuatu tempat perlu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, dan kesesuaian setempat. Selain itu ia juga perlu dibuat secara telus, ya, telus dan terbuka supaya pandangan dan suara penduduk dan Wakil Rakyat perlu diambil kira. Itu adalah pandangan daripada Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Kinrara membincangkan dengan isu pembuangan-pembuangan sampah-sampah haram di kawasan tasik-tasik DUN Kinrara dan juga Seri Serdang. Tidak menafikan bahawa PBT menghadapi cabaran yang besar, ya, amat besar untuk mengawal pembuangan sampah haram, bukan sahaja di kawasan Kinrara tetapi di seluruh negeri Selangor. Justeru itu, arahan telah diberikan kepada semua PBT supaya menjadikan ya, kerja pembersihan sebagai satu *priority, priority* skop kerja untuk PBT masing-masing. Dan untuk menjawab soalan daripada Kg. Tunku juga Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM41,000.00 bagi pembinaan padang cergas di setiap DUN kawasan PBT berstatus Majlis Daerah di bawah peruntukan P01 Kerajaan Tempatan sepanjang tahun 2014 sebanyak 16 kawasan DUN melibatkan 4 PBT berstatus Majlis Daerah menerima peruntukan berjumlah keseluruhan RM 670,720.00 bagi tujuan ini. Kerajaan Negeri mengambil maklum agar cadangan spesifik ya, spesifik padang cergas ditambah baik dan akan meneliti peruntukan sedia ada sekiranya mencukupi bagi memperuntukkan banyak sebanyak RM 20,000.00 bagi setiap DUN. Itu sahaja jawapan saya. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Taman Templer. Bukit Lanjan dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Puan Speaker dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah adakan debat yang amat bermakna pada petang ini. Ada beberapa penjelasan yang perlu diberi kepada Dewan yang mulia yang ini. Pertamanya, soalan yang dibangkitkan oleh Sg. Air Tawar dan juga Ijok mengapa Jabatan PERHILITAN hanya ada token iaitu RM10.00 untuk tahun hadapan. Sebenarnya, Jabatan PERHILITAN telah memohon kepada Kerajaan Negeri untuk beberapa projek-projek khas iaitu untuk pembaikan perangkap untuk projek menaik taraf Taman Konservasi Sg. Dusun dan untuk pembelian perangkap. Dan peruntukan yang dipohon oleh Jabatan PERHILITAN pada sebelum ini adalah RM100,000.00 dan selepas sebut harga dan juga perbelanjaan maka RM87,850.00 telah disalurkan kepada Jabatan PERHILITAN. Untuk tahun 2015 Jabatan PERHILITAN telah membuat permohonan untuk tujuan pembelian aset dan ini merupakan satu perkara yang merupakan di luar perbelanjaan pembangunan. Pada masa yang sama Jabatan PERHILITAN merupakan agensi *Federal* di negeri Selangor yang ada peruntukan khas daripada Persekutuan bagi projek-projek lain. Maka, program untuk menangani atau pun untuk mencegah menyelesaikan masalah haiwan perosak itu masih dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN. Walau bagaimanapun, kalau dan bila ada keperluan

Jabatan PERHILITAN boleh memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk projek-projek yang tertentu. Saya sekarang ingin menyentuh dua perkara yang dibangkit oleh Kuala Kubu Baharu iaitu lampu jalan solar yang dicadangkan untuk dinaikkan di kawasan-kawasan atau pun perkampungan Orang Asli. Cuma saya ingin, saya tidak ada halangan, cuma saya ingin menitikberatkan bahawa bukan semua kawasan boleh dipertimbangkan. Hanya kawasan-kawasan atau pun kampung-kampung yang amat terpinggir di atas gunung atau pun bukit di mana tidak ada perkhidmatan TNB dan kos untuk menaikkan tiang-tiang lampu jalan terlalu tinggi maka Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan projek untuk mendirikan lampu jalan solar. So, sebagai contohnya kita telah maklum dalam dewan yang mulia ini di kampung Kemensah kita akan mulakan projek pada masa yang terdekat dan juga satu dua kampung orang asli yang di mana terdapat permohonan. Perkara yang dibangkitkan juga oleh KKB, Kuala Kubu Baharu adalah berkenaan tentang bangunan Sultan Sulaiman di Bukit Fraser. Sebenarnya Kuala Kubu Baharu kalau kita lihat muka surat 72 Kod Projek 10090 perkara atau pun kepala 9 ada satu *line item* yang menunjukkan atau yang menunjukkan rumah-rumah, maaf, baik pulih rumah kediaman kerajaan dan Bangunan Sultan Sulaiman di Bukit Fraser sebenarnya disyorkan RM 1.8 juta daripada jumlah dianggar dalam belanjawan 2015 dari kod projek ini untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Sg. Air Tawar dan Sabak Bernam yang telah bangkit beberapa cadangan untuk menaik taraf atau pun mengindahkan landskap ada juga cadangan daripada Sabak untuk membina kolam renang dan sebagainya supaya penduduk-penduduk di Sabak Bernam dan juga di persekitaran di Sabak Bernam boleh dapat manfaat rekreasi dan mungkin pelancongan. Perkara ini boleh ditujukan atau pun dicadangkan kepada PBT iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam dan itu akan dinilai oleh pihak UPEN dan juga *Tourism* Selangor bersama dengan Majlis Daerah. Kita juga perlu bezakan antara projek-projek rekreasi dengan projek-projek pelancongan. Kalau boleh, Majlis boleh ambil sebahagian dan kalau ada tapak-tapak pelancongan yang berpotensi untuk menjanakan atau pun mendapat pelancong-pelancong yang ramai untuk berkunjung maka tapak itu boleh diambil kira. Tanjung Sepat telah bangkitkan banyak perkara. Untuk makluman Tanjung Sepat jangan bimbang, Tanjung Sepat memang akan kekal disokong oleh Kerajaan Negeri dengan beberapa aktiviti-aktiviti dan juga penambahbaikan prasarana di Daerah Kuala Langat dan juga Sepang. Tumpuan kita adalah Pantai Morib, Bagan Lalang, Batu Laut dan sebagainya. Dan kita akan tambah lagi pantai-pantai di mana kita dapat banyak pengunjung-pengunjung khususnya di hujung minggu. Tentang penjana ekonomi masyarakat setempat ini adalah satu perkara yang kita memang mengalu-alukan dan saya syorkan Tanjung Sepat merancang bersama dengan PBT dan juga EXCO yang menjaga isu-isu keusahawanan iaitu Y.B. Batu Caves. *Homestay* sebenarnya di bawah pertanian iaitu *Agrotourism* dan daripada bantuan atau pun perkhidmatan yang *Tourism Selangor Sdn. Bhd.*, memberi kepada *homestay-homestay* adalah untuk mempromosikan di mana-mana mereka pergi dan kita ini merupakan satu produk pelancongan yang amat unik di Negeri Selangor dan kita akan terus mempromosikannya. Jeti yang runtuh itu kita perlu semak dengan

Lembaga Urus Air Selangor. Kita semua masih ingat hari pertama Yang Berhormat Tanjung Sepat masuk ke dewan masa itu baru terjah, hah! Hah! Jambatan tersebut. Ada beberapa perkara yang saya dimaklumkan. Satu adalah sebenarnya jeti itu tidak ada permit dan juga agak tidak selamat. Jadi perkara ini saya rasa boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri kerana ianya adalah satu *ikon* di Tanjung Sepat dalam bahasa Inggeris dengan izin *The Lovers Bridge*. Dan banyak orang suka pergi sana ambil foto dan sebagainya, so, tapi perkara ini akan dipertimbangkan dan akan diteliti pada 2015. Dan kita telah memprioritisekan perkara ini. Okey, yang terakhir tetapi yang tidak dipinggirkan ialah Sekinchan. Jemputan media atau pun yang kita gelar *farm trip Familiarisation Media Trip* adalah satu program yang dijalankan sepanjang tahun. Jadi kita tidak ada halangan kalau Sekinchan boleh bincang dengan *Tourism* Selangor untuk adakan program khas dua hari satu malam untuk mempromosikan Sekinchan cuma kita mungkin boleh dapat satu tarikh pada 2015 supaya ini boleh dirancangkan mungkin satu masa yang mana cuacanya cantik bukan semasa musim banjir dan sebagainya. Itu saya hendak syorkan Yang Berhormat Sekinchan boleh tetapkan tarikh dan akan diuruskan oleh pihak UPEN dan juga *Tourism* Selangor. *Access Wifi* sebahagian telah dijawab oleh Yang Berhormat Seti Setia dan saya yakin dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan dengan program *wifi* Selangor yang amat agresif saya pasti DUN Sekinchan akan diberi prioriti. Program-program dan juga acara-acara tidak kira daripada Sekinchan ke atau pun mana-mana DUN atau pun PBT akan dinilai oleh pihak UPEN, *Tourism Selangor Sdn.Bhd.*, dan juga pegawai-pegawai PBT. Dan saya ingin syorkan kalau sesiapa Yang Berhormat di sini ada program atau pun cadangan untuk Tahun Melawat Selangor 2015 sila hantar secepat mungkin ke PBT dan juga UPEN. Ini termasuk acara program, aktiviti dan juga tapak-tapak pelancongan yang boleh dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri secepat mungkin dalam satu dua minggu ini kerana kalendar pelancongan akan diterbit sebelum akhir tahun ini untuk diedarkan sebelum 31 Disember 2014. Akhirnya, satu perkara yang dipohon oleh Sekinchan iaitu *Sekinchan Cover Ads*, berita baik untuk Sekinchan sebenarnya sudah diluluskan RM20 ribu untuk *Sekinchan Ads* saya harap kita semua juga boleh dapat manfaat daripada itu. Satu lagi perkara Yang Berhormat Tuan Speaker ini hanya penjelasan, tiada kaitan dengan mungkin soalan yang dibangkit Yang Berhormat Hulu Kelang tadi ada sebut serba sedikit tentang filem *Freedom Film Fest*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini untuk tahun ini Filem Film Fest ada tajaan peruntukan sebanyak RM 20 ribu daripada *Standco* Pelancongan dan pada masa yang sama saya juga difahamkan bahawa begitu ramai ADUN-ADUN Negeri Selangor juga memberi peruntukan kalau saya tak silap Bukit Gasing, Hulu Kelang, Bukit Lanjan, Damansara Utama dan sebagainya. Tapi untuk tahun depan kita juga harap EXCO Kebudayaan boleh melihat macam mana program-program yang bagus ini yang memang disambut baik oleh orang ramai boleh disokong oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya. Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Petang, terima kasih kepada Ahli Dewan yang banyak bertanya khususnya berkenaan dengan banjir. Mungkin saya tak terbilanglah sebenarnya persoalan-persoalan atau pun permasalahan yang menyentuh tentang banjir ini. Pertama kalau kita lihat di dalam buku bajet ini yang telah pun ada bajet pada 2015 sudah pasti, *insya-Allah* akan dilaksanakan dengan cara terbaik pada 2015 nanti dan bagi yang masih lagi sudah ada butiran tetapi masih kosong nilainya, atau pun sudah ada mungkin RM10.00 dan sebagainya, bermakna sudah ada kerja-kerja awal yang akan atau yang telah dilaksanakan dan yang masih kosong itu telah pun dalam perhatian tetapi mungkin belum lagi melihat kepada keutamaan untuk dijalankan pada masa yang terdekat walaupun perkara-perkara tersebut sangat penting kepada setiap daripada kita yang berkaitan. Sidang dewan sekalian, kalau kita melihat dan sebagai contoh satu lagi perkara yang saya nak bangkitkan seperti mana yang telah disebutkan oleh Rawang bahawa banyak program-program, Jabatan Banjir ataupun untuk menyelesaikan masalah banjir ini, ia bersifat *piecemeal*, bersifat mungkin setempat tapi tidak secara menyeluruh. Saya mengambil contoh lah kalau kita melihat kepada Kajang misalnya yang baru berlaku banjir agak terkejut bila saya melihat bagaimana telah pun pada 2008, telah ada satu kajian *Storm Water Management and Drainage Master Plan Study For The Town of Sungai Besi, Kuala Lumpur and Seri Kembangan*. Pada 2010, *Storm Water Management and Drainage Master Plan Study For MPKJ Selangor*. Begitu juga dengan reka bentuk terperinci serta saluran mesra alam bagi bandar Kajang dan melibatkan kerja-kerja tebatan banjir di 6 sub-lembangan sungai iaitu Sungai Jernih, Sungai Merbau, Sungai Jerlok, Sungai Chua, Sungai Ramal dan Sungai Reko tapi masih lagi berlaku banjir.

Jadi, itu satu perkara yang kita perlu memahami lah. Selain daripada, kita mengambil contoh Kajang. Selain daripada, hasil daripada penyelidikan yang saya buat, pertama, dari sudut, ya lah, andai kata, dari sudut, mesti dia ada kerjasama ataupun penyelesaian secara holistik termasuk juga perancangan-perancangan pembangunan, difahamkan macam di Kajang ada bangunan yang asalnya berada di atas sungai terpaksa sungai dialih dan sebagainya. Ini semua memberikan impak untuk jangka masa panjang kepada berlaku permasalahan banjir dan sebagainya. Difahamkan juga adanya penerokaan di hulu sungai walaupun di bandar Kajang itu telah pun dibuat berbagai-bagai perancangan dan sebagainya tapi di hulu sungai ada penerokaan juga menyebabkan banjir. Begitu juga sikap-sikap penduduk yang difahamkan banyak sampah-sampah dibuang dalam, dalam *motion drain* dan sebagainya, itu juga menyebabkan banjir dan saya tidak nafikan satu perkara dalam ruang lingkup kerajaan untuk kita perbaiki ialah tahap kecekapan ataupun *efficiency* jabatan yang terlibat yang perlu kita tingkatkan.

Sidang dewan, Tuan Speaker, ada beberapa perkara yang mungkin sempat saya sentuh di sini, kalau tidak mungkin di peringkat Ahli Dewan, mungkin boleh memberi ataupun *notify* kepada saya. Sebelum tu, seperti mana yang disebutkan dalam sidang sebelum ini, ataupun dalam hari-hari yang sebelum ini, berkenaan dengan *Task Force* Banjir. Jadi, memang itu dalam pemikiran ataupun cadangan saya juga. Bila dicadangkan lagi oleh Kajang semalam dan disambut baik oleh rakan-rakan berkenaan *Task Force* Banjir. Kita akan mengadakan *Task Force* Banjir ini dan kita akan membuat inventori kepada semua permasalahan banjir yang dibangkitkan dan apakah punca sebenarnya dan dimanakah tahap dari sudut susunan *priority* nya untuk kita selesaikan. Dan dari situ kita lihat dari masa ke semasa bagaimana untuk mengatasi permasalahan-permasalahan ini dan sepertimana yang dibangkitkan oleh Kota Damansara, dari sudut *priority* itu mestilah kita letakkan yang mana dahulu dan yang mana kemudian.

Kampung Tunku ada membangkitkan berkenaan dengan ROL yang dilaksanakan dengan cukup baik oleh kerajaan Persekutuan sebenarnya projek ini yang melibatkan 4 sungai. Sungai Ampang, daerah Hulu Langat, Sungai Gombak, daerah Gombak, Sungai Jinjang, daerah Gombak, Sungai Klang, daerah Gombak. Jadi, komponen-komponen yang terlibat dalam projek ROL ini termasuklah pembinaan sistem perangkap sampah (*Gross Pollutant Trap-GPT*), struktur menstabil tebing serta loji rawatan air sungai. Tetapi ia tidak melibatkan semua sungai-sungai di Selangor jadi pihak JPS negeri Selangor akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Persekutuan untuk diperluaskan skop pembersihan sungai kepada sungai-sungai lain di seluruh negeri Selangor dalam Rancangan Malaysia ke-11. Sekinchan, ada membangkitkan berkenaan dengan struktur benteng batuan yang sedia ada itu, yang ini akan dimasukkan dalam RMK-11. Boleh Sekinchan ya? Dun Sabak berkenaan dengan kelewatan pembersihan parit dan penjadualan yang perlu dikaji semula. Bagi pihak kerajaan, akan menyemak semula kesesuaian tempoh masa ke atas kerja-kerja penyelenggaraan parit dalam kawasan DUN Sabak dengan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 4 kali setahun. Namun isu kelewatan pembersihan parit, bangkit apabila pusingan terakhir pembersihan bermula pada musim tengkujuh ini. Tuan Speaker, juga dari sudut, selain daripada *Task Force* Banjir ini juga kita ada sebut berkenaan dengan satu jawatankuasa pemantau. Kita akan memastikan semua agensi ini, bukan sahaja dalam ruang lingkup portfolio Infrastruktur Kemudahan Awam, seluruh agensi kita pastikan supaya tahap kecekapan dan *efficiency* ini dipertingkatkan selaras dengan negara ataupun negeri maju Selangor ini.

DUN Rawang banyak juga membangkitkan berkenaan dengan isu projek RTB Sungai Gong, perlukan peruntukan khas untuk menyelesaikan secara menyeluruh dan memohon pembersihan parit dan sungai dilaksanakan 6 kali setahun. Kerja-kerja penggalian semula Sungai Gong telah dijalankan pada Julai 2014 dengan panggilan sebut harga sebanyak kos RM60,000.00 seperti mana yang saya telah pun jawab sebelum ini. Bagi fasa seterusnya, kerja-kerja pembinaan kolam

takungan banjir Sungai Gong akan dijalankan secara berperingkat dengan kerja-kerja ukur, reka bentuk terperinci dengan anggaran RM250,000.00 dan seterusnya kos projek diluluskan sejumlah RM4.7 juta. Kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan oleh daerah secara berkala 4 kali setahun termasuk kerja-kerja menebas dan sebagainya dan oleh itu, dijangka proses kerja reka bentuk bermula dari Januari hingga April 2015. Manakala proses iklan dan .. bermula pada bulan Mei hingga Jun 2015 dan tawaran pada Julai 2015 jadi permasalahan RTB Sungai Gong ini dalam perhatian yang seriuslah, akan diselesaikan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, boleh saya tanya sikit.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih atas maklumat dan penjelasan dan *priority* kerajaan untuk naik taraf. Ada tak kemungkinan proses itu dipercepatkan? Sebab saya nampak kalau bulan 6, bila kita nak *start*, pengalaman sekarang yang kita nampak, lepas tu ia akan masuk musim hujan lagi jadi dia ganggu kerja atas tapak.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Rawang, kita akan ambil maklum tentang keprihatinan Rawang dan keseriusan permasalahan banjir di sini. Taman Medan ada bangkitkan berkenaan dengan isu rizab Sungai Kelang yang dijadikan sebagai tapak buang sampah dan supaya JPS, pihak kerajaan mengambil tindakan supaya rizab-rizab ini diwartakan sebagai tanah perkuburan bagi mengelakkan tidak berlaku pembuangan sampah secara berulang. Rizab Sungai Kelang ini telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 2009 termasuklah rizab tanah perkuburan tersebut, jadi kerja-kerja pembersihan di Kampung Lembah Kinrara Puchong di kawasan pentadbiran MPSJ sepanjang 500 meter telah siap dengan kos RM107,200.00. Kerajaan juga merancang untuk membuat pemagaran bagi kawasan-kawasan terlibat dengan pembuangan sampah haram ini jadi akan ada kerjasama rapat dengan pihak Majlis dan sebagainya dan untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, semua rizab sungai dan saluran di bawah JPS ini memang tidak boleh diberi milik. Begitu juga dengan Damansara, Damansara Utama, berkenaan dengan naiktaraf Sungai Kayu Ara. Tiada permohonan peruntukan pembangunan, hanya diletakkan token walaupun isu ini dibangkitkan berulang kali. Projek Sungai Kayu Ara ini memang akan dilaksanakan kalau merujuk kepada peruntukan Pembangunan Negeri P13 sebanyak RM300,000.00 untuk kerja pengukuhan tebing di Puncak Damansara Kondo begitu juga dengan P65 (104) sebanyak RM500,000.00 untuk kerja pengukuhan tebing di Taman Mayang. P65 (104) sebanyak RM500,000 untuk kerja pengukuhan tebing di Taman Cempaka dan P65 (104) sebanyak RM500,000.00 untuk kerja pengukuhan tebing di Lebuhraya Sprint. Ini semua adalah berkaitan, ada bersambungan ataupun kena mengena dengan sungai, saluran Sungai Kayu Ara itu sendiri, walau bagaimanapun,

secara mungkin spesifik permasalahan ini akan dilihat supaya mendapat maklumat yang lebih jelas.

Dan Bukit Malawati, pembaikan kunci air yang disegerakan. Untuk makluman Dun Malawati, pada 26 Disember 2014, dan isu kunci air ini akan siap pada 26 Disember 2014 dan untuk makluman, ia dalam pembinaan. Kontraktor yang dilantik telah membuat perolehan peralatan dan pemasangan akan dimulakan pada minggu hadapan. Itu lah berkenaan dengan yang dibangkitkan. Yang lain-lain itu dalam tempoh terdekat ini, pihak kerajaan akan meneliti semua, mungkin melalui *hansard* perkara-perkara yang tidak dikemukakan maklum balas akan membuat satu mesyuarat khas bagi kita menangani semua permasalahan yang telah pun dibangkitkan. Kemudian, berkaitan dengan JKR. Masalah-masalah yang dibangkitkan yang tidak dicatatkan dalam Buku Bajet ini, pihak kerajaan akan menilai dan berikan keutamaan dan sekiranya perlu maka P12 - PK1 Pelbagai Rancangan 1009 Kerja Permulaan yang diperuntukkan sebanyak RM6 juta itu akan digunakan untuk kerja-kerja awal, kerja-kerja awal seperti kajian, reka bentuk dan sebagainya.

Adun Rawang juga membangkitkan berkenaan dengan isu tanah, jadi memang JKR telah mengambil tindakan untuk..JKR telah mengambil tindakan untuk melaksanakan projek jalan yang akan ditender selesai setelah selesai isu-isu tanah ataupun yang berkaitan dengan PBT ini selesai. ADUN Malawati, pelaksanaan projek naik taraf jalan B33-P12, PK4 04074,04076,04077 dan 04079 tiada peruntukan seperti yang dikhabarkan. JKR akan pertimbangkan untuk dinaiktaraf dalam RMK-11. Bagi Dengkil, membangkitkan persoalan berkenaan dengan projek Jalan Genting-San Yen dan Sungai Kelambu, JKR akan membuat kajian menggunakan peruntukan P12-PK1 01009 ini untuk buat kerja-kerja awalan ataupun kerja-kerja permulaan. Bagi Adun Tanjung Sepat, untuk mempercepatkan pelaksanaan P12-P3 K03 (603) Projek Kg. Hulu Chuchoh ke KLIA ini, JKR adalah di dalam pelantikan Jurutera Perunding dan projek ini akan dipohon dalam RMK-11.

Sekinchan ada bangkitkan berkenaan gerai petani di Sungai Nibong yang rendah itu dari jalan dan selalu banjir. Jalan JKR di jalan, di gerai petani Sungai Nibong ini tidak berlaku banjir, jalannya tidak berlaku banjir tapi yang cuma, limpahan air dari parit tanah di bawah seliaan JPS. Jadi, untuk rekod terdapat gerai-gerai dibina berhampiran atas rizab, di atas parit tanah tersebut termasuklah rizab jalan JKR dan sebagainya. Dan pihak kerajaan akan bersama dengan JPS akan melihat permasalahan ini secara lebih menjurus kepada permasalahan banjir yang melibatkan gerai-gerai ini. Adun Batu Tiga, berkenaan dengan *U-turn*. Di Persiaran Kuala Selangor ini, jalan ini merupakan jalan Persekutuan dan permohonan, JKR akan panjangkan permohonan ini kepada ibu pejabat JKR Malaysia. Kota Damansara, P12-PK04 Naik Taraf Jalan, JKR sememangnya melaksanakan projek berdasarkan keutamaan dan keperluan rakyat. Kualiti dan spesifikasi kerja sentiasa pasti diikuti oleh kontraktor, saranan dari Kota Damansara itu memang sentiasa

diambil oleh pihak kerajaan khususnya JKR untuk mengenal pasti pembaikan dan menaiktaraf ini berdasarkan kepada keutamaan. Juga Kota Damansara membangkitkan berkenaan dengan banjir di Kampung Melayu Subang seperti Jalan Bukit Badak, Jalan Merbau dan sebagainya, JKR akan mengambil tindakan untuk menyelenggarakan longkang dengan lebih kerap lagi. Dan terakhir berkenaan dengan Hulu Kelang. Bajet besar, bajet besar yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada JKR terutamanya memanglah kerana kerja-kerja yang di bawah tanggungjawab JKR ini sangat besar dan mahal peruntukannya cuma dari sudut kualitinya, seperti mana yang dibangkitkan tadi lah. Diantara perkaranya, perbanyakkan kontrak-kontrak berpusat *instead of*, dengan izin, kita bagi kepada JKR-JKR daerah maka JKR negeri akan lebih kepada berpusat di peringkat negeri untuk memantau, memastikan proses tender berjalan dengan cepat dan pantas, begitu juga penilaian oleh pakar-pakar yang saya sebutkan tadi. Maknanya, mengenal pasti dari sudut keutamaan dan mempunyai peralatan-peralatan yang tinggi dan sebagainya.

Begitu juga dengan, untuk penggunaan bajet-bajet MARRIS dan sebagainya, kita tidak mahu berlaku seperti tahun sebelumnya, maknanya untuk projek-projek selenggara dan sebagainya, yang untuk 2015 ini telah pun selesai *list* jalan ataupun *list* perkara-perkara yang akan dilakukan pada tahun 2015 itu telah pun selesai, turun bajet, terus kita boleh jalan dan selesaikan. Begitu juga dengan jawatankuasa pemantau seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita akan pantau *efficiency* agensi-agensi ini supaya mampu ditingkatkan pada tahap yang tertinggi, *Insyaa-Allah*. Terakhir, berkenaan dengan pertanian, sedikit sahaja..

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Yang Berhormat, apa yang saya tanya tadi belum terjawab, iaitu jalan, jalan kampung iaitu Sungai Tawar yang telah pun ditender tapi hingga sekarang, tak terlaksana lagi. Agaknya bila? Dun Sungai Air Tawar, ada saya bertanya tadi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mohon maaf, mungkin saya terlepas pandang, mungkin saya akan dapatkan *detail* lah berkenaan dengan jalan tersebut, kod dan sebagainya untuk saya bagi maklum balas kemudian, terima kasih. Pertanian, Ijok ada bangkitkan berkenaan dengan tanah-tanah terbiar dan *Alhamdulillah*, kerajaan telah pun mengubah dasar untuk kita melihat pada tanah-tanah terbiar ini untuk kita bangunkan sebagai tanah-tanah pertanian dan sebagainya. Kalau kita merujuk kepada P08 PK14101-4001, ada satu bajet di situ Pembangunan dan Pengurusan Tanah Terbiar sebanyak RM200,000.00. Ini tanah-tanah yang ada hak milik ataupun kita boleh, yang nak mengusahakan dapat, mendapat sewaan dan sebagainya. Tunjukkan dan kita boleh menggunakan bajet yang peruntukan ini sebanyak RM20,000.00 sehektar. Untuk bersih, untuk menyediakan tapak, saluran, teknologi dan sebagainya. Jadi tanah-tanah terbiar ini, kalau kita boleh tau dari sudut hak milik dan sebagainya, kita boleh bangunkan dan boleh menggunakan bajet ini, RM20,000.00 sehektar. Jadi kita boleh memanfaatkan,

dan kalau tanah-tanah kerajaan ini, memang dalam perancangan pihak kerajaan untuk mempromosikan ataupun untuk mengemukakan idea baru ladang-ladang, disebut ladang-ladang rakyat, ladang yang boleh kita *offer* kepada belia-belia tani ini, kita akan mungkin pecah kepada lot, ada insentif-insentif jenis tanaman-tanaman yang sesuai dan kita akan tentukan kursus-kursus yang akan kita tawarkan dan juga dari sudut pemasarannya juga akan mungkin, kita boleh pasarkan di pasar-pasar tani ataupun pasar pagi dan sebagainya. Walaupun ini masih di peringkat kajian dan juga perancangan dan sambutan juga yang terakhir daripada DUN Sabak tadi, supaya belia-belia ini dikumpulkan di bawah koperasi dan sebagainya. Maka permohonan untuk ladang-ladang belia tani ini juga akan dipohon oleh koperasi-koperasi ini. Jadi itu saja daripada saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Cempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu dari segi perumahan dan perancangan. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku bahawa Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil 2/2011, yang bersidang pada 19 Julai 2011, telah membuat keputusan supaya semua PBT di negeri Selangor mengguna pakai garis panduan konsep Skim Komuniti Berpagar atau *Gated Community* dan Skim Perumahan Berpengawal atau *Guarded Community* yang disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, MPHS. Walau bagaimanapun garis panduan ini sedang dalam proses untuk ditambah baik dan penambahbaikan garis panduan sedia ada, Kerajaan Negeri di ketika ini sedang memperhalusi lagi implikasi dari segi perundangan sekira Penghalang atau *Barrier*, dapat dibenarkan dengan syarat-syarat yang ketat termasuk keperluan penyediaan pengawal keselamatan 24 jam dan sebagainya. Turut dikaji adalah berkenaan penggunaan akses kad yang mana semakin banyak digunakan walaupun dalam garis panduan sedia ada tidak dibenarkan. Ketika ini, maklum balas terakhir dari semua PBT dan Pihak Berkuasa berkaitan sedang dikumpul sebelum ia dapat dimuktamadkan dan dibentangkan semula kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan dalam tempoh satu bulan, *Insyaa-Allah*.

Perkara kedua yang dibangkitkan adalah oleh Taman Medan berkenaan dengan masalah peneroka bandar di PJS 1. Kerajaan Negeri Selangor pada 24 November 2012, telah membatalkan ketiga-tiga opsi yang pernah dicadangkan bagi penyelesaian perumahan kos rendah yang pernah ditawarkan kepada pembeli, Rumah Kos Rendah Blok E iaitu rumah mampu milik. PPR Lembah Subang 2 dan RKR di Luar Petaling Jaya. Walau bagaimanapun ia tak mendapat sambutan dan telah tidak terpakai lagi memandangkan majoriti daripada penduduk bersetuju untuk membeli Rumah Kos Rendah Blok E di Petaling Utama atau PJS 1, Petaling Jaya. Sehubungan itu Kerajaan Negeri memutuskan untuk membatalkan semua opsi-opsi yang tersebut. Sehubungan lagi tentang rumah PPR di Lembah Subang 2,

iaitu pihak KPKT yang pada mulanya telah memohon untuk mendapatkan hak milik strata telah membatalkan permohonan untuk mendapatkan hak milik strata. Ini bermakna andaian kita adalah mereka tidak mahu menjual PPR tersebut seperti mana yang dirancang. MBPJ akan meneruskan cadangan untuk membina blok, membina satu blok Rumah Kos Rendah Blok E, 276 unit, 12 tingkat, tapak cadangan di atas tapak Blok F, di Jalan PJS 1/52, Petaling Jaya oleh Tetuan Pemaju Peters Brickwood Sendirian Berhad. Mengikut Pelan Susun atur yang telah diluluskan Majlis pada 17 Ogos 2009, dan pelan bangunan yang telah diluluskan pada 9 Disember 2009. Pada masa ini Majlis sedang berbincang dengan pihak pemaju untuk pelaksanaan di atas tapak tersebut secepat mungkin.

Yang Berhormat Sekinchan telah membangkitkan tentang pembangunan di Sungai Lang, iaitu di Sabak. Memang benar, PKNS ada mempunyai tanah di situ sebanyak 50 ekar di situ. Walau bagaimanapun keperluan utama adalah bukan industri di situ. Keperluan yang utama adalah perumahan. Oleh sebab terdapat satu Politeknik di situ dan masalahnya sekarang pelajar-pelajar Politeknik itu terpaksa menyewa di rumah-rumah kampung dan telah menyebabkan banyak masalah-masalah sosial di situ. Oleh sebab itu, pernah dibincangkan dengan PKNS, bagaimana PKNS boleh membantu dan membangunkan perumahan di kawasan tersebut. Dan ini dalam perhatian PKNS. Yang Berhormat Kinrara telah bertanya tentang pembangunan bekas lombong. Menurut JPBD pembangunan bekas lombong semasa adalah berdasarkan kepada kelulusan kebenaran merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan setelah mengambil kira ulasan-ulasan Jabatan Teknikal khususnya daripada LUAS, JMG, JPS. JPBD sebenarnya, seperti yang dicadangkan boleh mempertimbangkan untuk menyediakan satu garis panduan bagi pembangunan kawasan lombong bagi seluruh negeri Selangor supaya ia dapat dipatuhi oleh pemaju-pemaju yang ingin membangunkan di kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Tadi yang berkenaan jawapan Blok E, saya ingin tanya tawaran terdahulu tu, agak lumayanlah bagi pembeli Blok E. Jadi sekarang yang mereka akan diberi Pangsapuri Kos Rendah di tapak Blok F, semua kos pemindahan, bayaran guaman, faedah pinjaman bank dan sebagainya yang di tuntutan pembeli ini, adakah *any* bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ini kita kena bincang balik semula. Memang betul ketiga-tiga perkara yang kita tawarkan di masa sebelum ini adalah amat-amat lumayan jadi bermakna kena duduk balik semula, bincang dengan pihak penduduk dan untuk menyelesaikan masalah ini.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh banyak perkara berhubung peruntukan pembangunan, dan saya percaya dengan pandangan maklum balas dan kritikan ini, dapat membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar-dasar dan program yang telah dicerakinkan dalam Belanjawan 2015. Cuma saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa usaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan belanja pembangunan ini kepada 47% akan hanya berjaya sekiranya pentadbiran yang baru ini dapat meneliti perbelanjaan secara terancang dan berhemah dan mengikut jadual kerja yang sistematik. Supaya menjelang suku tahun keempat tahun 2015, harapan kita ialah kita dapat mencapai lebih 90% belanja pembangunan. Justeru itu agensi pelaksana dan jabatan-jabatan seperti Jabatan Kerja Raya, JPS, Jabatan Pertanian dan PBT, harus memainkan peranan yang pro aktif dalam mencapai matlamat Kerajaan Negeri bagi tahun 2015. Saya ingin memberikan respons kepada projek Bekalan Air bagi tahun 2015 yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Tanjung Sepat, Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Antara perkara yang dibangkitkan ialah tentang perincian bagi peruntukan sebanyak RM184.5 juta bagi projek Bekalan Air bagi tahun 2015 dan RM52.43 juta yang dibuat secara langsung. Sukacita saya memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa sejumlah RM184.5 juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek Mitigasi 2 dan 3, bagi projek bekalan air yang mana pembiayaan projek ini adalah menggunakan pinjaman kerajaan persekutuan. Dan perincian bagi projek yang terlibat adalah seperti berikut :-

- 1) Bagi Projek Mitigasi 2, projek pengagihan semula kapasiti reka bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, berjumlah RM63 juta bagi tahun 2015.
- 2) Dan Projek pengagihan semula kapasiti reka bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3, Bukit Badong, menelan belanja sebanyak RM86.3 juta
- 3) Dan projek pengagihan semula kapasiti reka bentuk Loji Rawatan Sungai Selangor Fasa 3, iaitu Rasa, yang menelan belanja RM20.2 juta.

Kesemua projek-projek di bawah Mitigasi 2 ini dijangka siap pada September 2015. Manakala bagi projek Mitigasi 3, projek penggantian aset dan menaik taraf bagi operasi bagi melebihi kapasiti reka bentuk di Loji Rawatan Air Sungai Langat. Ini menelan belanja sebanyak RM15 juta dan dijangka siap pada bulan Jun 2016. Dan kesemua peruntukan yang saya cerakinkan sebentar tadi berjumlah RM184.5 juta.

Kita juga sedia maklum bahawa projek Mitigasi 2 ini amat penting bagi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan keupayaan Loji Rawatan SSP1, SSP3 dan juga Rasa dan sistem menambah baik pengagihan bekalan air. Manakala bagi peruntukan RM52.4 juta ia adalah peruntukan bagi pembiayaan projek yang dicadangkan dan diselia oleh Kerajaan Negeri. Dan perincian peruntukan adalah seperti berikut :-

- 1) Projek Penggantian pembaikan injap dan pemasangan serta lain kerja yang berkaitan di Empangan Sungai Langat yang menelan RM30 juta, ya, RM30,000.00, maaf.
- 2) Projek penggantian dan pembaikan bumbung serta lain-lain kerja berkaitan di Loji Rawatan Air Sungai Langat, RM400,000.00.
- 3) Projek menambah baik dan menaik taraf struktur *wire* di Empangan Sungai Tinggi, RM2 juta
- 4) Dan pembinaan kolam HORAS 600 bersama HORAS *Encelarywood*, bernilai RM30 juta bagi tahun 2015.
- 5) Dan pembinaan Rumah Pam dan pemasangan paip ke Muka Sauk bagi kerja-kerja awal tahun 2015, menelan belanja RM20 juta.

Maka keseluruhan kerja-kerja ini menelan belanja sebanyak RM52.43 juta. Yang Berhormat Damansara Utama, ada bertanya di bawah program mesra, merakyatkan ekonomi Selangor Kod 1020009, sama ada akan dilaksanakan sebelum atau selepas penstrukturan. Ia telah pun berjalan semenjak 2012 dan masih lagi diteruskan mengikut jadual yang saya nyatakan tadi. Bagi Kod 08 yang dinyatakan tidak diperuntukkan dalam 2015, sukacita saya memaklumkan bahawa peruntukan air percuma bagi tahun 2015 telah pun diperuntukkan dalam peruntukkan mengurus B04, 505002 berjumlah RM165 juta.

Ada pertanyaan, sama ada kerajaan bercadang untuk menaikkan subsidi air percuma ini daripada 20 meter kepada 40 meter padu, sukacita saya memaklumkan bahawa setelah penstrukturan semula dimuktamadkan kerana kita masih dalam proses penstrukturan semula dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2015, Kerajaan Negeri akan kajian yang terperinci, atas keberkesanan pemberian air percuma termasuk mengambil kira penguatkuasaan GST pada April 2015. Dan sebagai kerajaan yang mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri akan terus menjamin kepentingan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Ada pertanyaan tentang peruntukan sebanyak RM500,000.00 di bawah tajuk PK21, yang bertajuk Pengurusan Bekalan Air, peruntukan ini adalah peruntukan yang disediakan untuk penggunaan program pembangunan di bawah Lembaga Urus Air Selangor ataupun LUAS. Yang Berhormat Damansara Utama juga ada membangkitkan soal rizab air terawat yang

agak kritikal dan menyebabkan beberapa permohonan daripada sektor industri tertangguh kelulusannya. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum sekiranya perkara ini berterusan ia pasti akan menjejaskan ekonomi negeri Selangor dan sebab itulah Kerajaan Negeri telah pun mengambil langkah-langkah yang pro aktif dengan memulakan projek Mitigasi 2 yang saya berikan penjelasan sebentar tadi dan juga HORAS 600. Dan kedua-dua projek ini dijangka siap pada September 2015 dan dapat menampung keperluan daripada industri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama. Cuma saya nak tegaskan di sini ialah berdasarkan kepada Seksyen 174 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, SPAN telah melantik SYABAS sebagai agensi perakuan ataupun dengan izin, *certifying agency*, bagi meluluskan pelan spesifikasi ataupun reka bentuk terperinci berkenaan dengan sistem bekalan air. Apa yang berlaku ialah SYABAS menggunakan alasan oleh kerana air terawat ini pada di tahap yang kritikal maka mereka menggunakan kuasa mereka sebagai agensi perakuan untuk menangguhkan kesemua kelulusan yang dinyatakan di dalam laporan *The Age*. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri memberi jaminan dengan pelaksanaan projek HORAS dan juga Mitigasi 2 serta Projek Langat 2 yang dijangka siap pada April 2017 kita yakin ke semua permohonan-permohonan daripada pihak industri ini dapat diluluskan secara berperingkat. Sukacita saya memaklumkan juga setelah kita teliti permohonan yang berjumlah 781 projek pembangunan ini sebahagian besarnya adalah dijangka siap selepas tahun 2017. Maka pada ketika itu dengan projek Langat 2, HORAS 600 dan Mitigasi 2 dapat disiapkan maka permohonan-permohonan ini dapat kita luluskan. Yang Berhormat Damansara Utama juga membangkitkan soal penggunaan air di Selangor yang terlalu tinggi. Memang benar berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh SPAN. Penggunaan per kapital nasional untuk pengguna domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi 2015 adalah 212 liter sehari bagi satu isi rumah. Manakala bagi Negeri Selangor penggunaan domestik kita adalah sebanyak 235 liter sehari. Saya pun kurang faham mengapa orang Selangor terlalu banyak menggunakan air. Walau bagaimana pun saranan yang dibuat Yang Berhormat Damansara Utama itu satu saranan yang cukup baik untuk mengadakan satu program pendidikan penjimatan penggunaan air dan ini akan diberikan perhatian termasuklah menggunakan beberapa teknologi yang terbaru dan sistem SPAH yang disebut oleh Damansara Utama yang turut saya muatkan dalam ucapan Belanjawan di mana bangunan SUK. Kita telah pun memulakan projek ini dan berjaya dan berharap di peringkat PBT apabila meluluskan keputusan merancang atau KM dapat memberikan peringatan pihak pemaju supaya menggunakan teknologi yang terkini ini bagi mencapai matlamat pendidikan yang kita sebutkan tadi. Ada satu perkara yang ada kaitan dengan air juga yang dibangkitkan oleh Kampung Tuanku dan Taman Medan tentang projek *River Of Life* dan bagaimana Kerajaan Negeri dapat memberi peranan supaya ada ataupun istilah yang saya gunakan temu tembung dengan Kerajaan Pusat. Kita bertemu dan kita bertembung demi kebajikan rakyat. Saya ingin memaklumkan sebenarnya Kerajaan Negeri memang bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat demi kepentingan rakyat di Negeri Selangor.

Sebagai contoh untuk mencapai matlamat kejayaan projek *River Of Life* ini, sistem kumbahan daripada kolam dan loji air IWK ini mesti dirawat terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke dalam sungai-sungai di Negeri Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan. Untuk maksud ini memang Kerajaan Negeri telah pun diberikan pengarahannya kepada semua PBT supaya kerja-kerja membaik pulih kolam-kolam dan loji-loji IWK ini dapat diberikan kerjasama. Kita percaya dengan kerjasama daripada KPKT dapat dipertingkatkan supaya matlamat projek *River Of Life* ini dapat dicapai. Dan cuma saya juga mendengar Taman Medan dan juga Kampung Tunku yang melahirkan keprihatinan sekiranya tanah-tanah yang telah diberikan KPTG ini bagi tujuan loji rawatan IWK dan kita naik tarafkan dan tidak ada keperluan dengan keluasan yang telah diberikan sebelum ini. Apakah tindakan kerajaan kerana kebimbangan tanah-tanah ini akan disalah gunakan? Saya percaya Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan guna tanah ini dapat dikekalkan untuk tujuan yang berkenaan dan sekiranya ada keperluan untuk mengubah guna tanah ini Kerajaan Negeri boleh mengambil balik tanah yang berkenaan bagi tujuan kepentingan awam. Dan kita tidak mahu tanah-tanah yang diserahkan bagi tujuan kepentingan awam ini disalah gunakan dan dijadikan tanah yang dijual kepada pihak lain sebagai tujuan komersial. Ini pernah berlaku kita berharap perkara ini tidak berulang. Yang Berhormat Taman Medan juga membangkitkan tentang peruntukan bagaimana kita dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan tetapi bila kita meneliti dalam Rancangan Malaysia ke 10 peruntukan bagi projek *River Of Life* ini yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia ke 10 hanyalah untuk sungai-sungai yang mengalir dalam Kuala Lumpur sahaja sampai Selangor dia *stop*. Dia kurang *friendly*lah Permatang jadi saya berharap sebab sungai ini dia tidak boleh blok, dia mengalir masuk jadi kalau boleh Yang Berhormat Pematang, yang Berhormat Sungai Burong dapat meyakinkan kawan-kawan di sana di Putrajaya supaya dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia ke-11 pastikan peruntukan yang secukupnya untuk projek *River Of Life* ini bukan dalam Kuala Lumpur sahaja tetapi juga dalam Selangor. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker saya kira itulah perkara-perkara yang dapat saya kongsi pada petang ini sekali lagi saya mengharapkan kerjasama semua pihak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama mendukung pelaksanaan Belanjawan 2015 dan kita mahu melihat satu kejayaan yang cukup besar demi kepentingan rakyat di Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9, Sub Seksyen 43 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM 1,133,970,000.000 yang dinyatakan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut Seksyen 41 Akta yang sama seperti mana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

Jadual Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2015, P 01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM636,900,000 ,P 04 Perbendaharaan Negeri (Projek Am) 4 juta, P 05 Perbendaharaan Negeri pengkomputeran RM500,000, P 08 Jabatan Pertanian RM14,470,000.00, P 10 Jabatan Perhutanan RM5,100,000, P 12 Jabatan Kerja Raya RM320,100,000, P 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran RM47 juta, P 14 Jabatan Agama Islam Selangor RM95,500,000, P 16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM2,500,000, P 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM7,700,000, P 27 Jabatan Kehakiman Syariah RM200,000 dan jumlah RM1,133,970,000.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul nombor 29, tahun 2014 usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker saya ingin mendapat penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Memandangkan isu menghapuskan cadangan untuk menyokong untuk menghapuskan akta hasutan ini akan melibatkan perkara 195 Persekutuan ataupun perkara untuk menghapuskan Akta Hasutan ini mestilah mendapat *consent* daripada Raja-Raja. Jadi saya ingin bertanya ada Tuan Speaker telah mendapat *consent* daripada Majlis Raja-Raja untuk cadangan menyokong menghapus undang-undang ini kerana akan melibatkan penghapusan di atas Artikel 10(4) yang melibatkan peruntukan bahagian perkara 3 kewarganegaraan, perkara 152 mengenai bahasa kebangsaan, perkara 153 perkara kuota bumi putera dan perkara 181 mengenai kedaulatan undang-undang, kedaulatan raja-raja.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, usul belum lagi dibawa oleh Kampung Tunku, kita tidak tahu sama ada usul itu boleh gugur atau tidak kerana belum dibaca ada pencadang ataupun penyokong untuk usul tersebut. Jadi saya rasa Kampung Tunku harus dibiarkan membawa usul dulu selepas disokong ADUN-ADUN dari Barisan Nasional membahaskan dan Sungai Burong boleh membawakan perkara-perkara untuk pihak kerajaan sama ada usul ini diteruskan atau tidak.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kita adalah pembangkang sekiranya ini dibawa iaitu usul nombor 29 telah pun disebutkan kita tidak akan mengambil bahagian untuk membincangkan usul-usul ini.

TUAN SPEAKER: Terpujang kepada ADUN bebas bersuara dalam dewan kalau tak nak bersuara pun boleh.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kita akan buat tidak membincangkan usul ini.

TUAN SPEAKER: Terpujang kepada Sungai Burong, saya minta teruskan aturan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker saya, Tuan Speaker dan ahli Yang Berhormat saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut bahawa Dewan yang mulia ini Kerajaan Persekutuan memansuhkan Akta Hasutan yang digubal oleh kerajaan pada tahun 1948 demi memulangkan hak kebebasan kepada rakyat jelata. Tuan Speaker usul ini sepatutnya di bahas di Dewan Parlimen melalui satu usul oleh Ahli Parlimen Shah Alam tetapi malangnya usul ini telah pun ditolak 24 November 2014 yang lalu. Speaker Dewan Rakyat telah pun menolak pemansuhan Akta Hasutan 1948 atas alasan teknikal dan sedang menyemak berhubung perkara ini. Tuan Speaker saya kira ini satu kerugian isu yang sebegitu penting sama ada sokong atau membantah haruslah di bahas juga dibincangkan di Dewan Rakyat. Memandangkan Dewan Rakyat tidak ada kesempatan untuk mendengar hujah kedua-dua belah pihak saya kira ada baiknya Dewan Negeri Selangor mendengar juga alasan dan juga hujah di bawah usul yang saya bawa ini. Tuan Speaker apa yang penting ialah Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak pernah berjanji akan memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan apa yang dicadangkan pada tahun 2012 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Razak ialah bukan sahaja Akta Hasutan ini akan dimansuhkan tetapi ianya juga akan digantikan dengan akta baru yang dikenal sebagai keharmonian nasional. Beliau membuat permohonan ini semasa berucap pada majlis makan malam Jabatan Peguam Negara bersama Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur iaitu ucapan ini dilakukan di khalayak semua para pengamal undang-undang. Saya pasti wakil daripada Majlis Peguam, wakil daripada Pengamal Undang-undang di luar negara hadir dan dengar dengan telinga mereka sendiri janji kerajaan Barisan Nasional ini. Beliau juga berkata bahawa keputusan itu dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warga negara dan keperluan menangani kompleks kemajmukan yang wujud di negara ini. Jadi untuk makluman dewan yang mulia ini adalah baik kalau boleh saya berkongsi isu-isu ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku saya minta Kampung Tunku sambung esok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kita kekalkan yang terbaik untuk pagi besok.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan pukul 7 malam maka saya tangguhkan sidang dewan sehingga esok 3hb Disember pukul 10.00 pagi. Ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 7.00 petang)